

DR.21.11.2000

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 21 November 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan audit keselamatan komputer, memandangkan kebanyakan jabatan telah dikomputerisasikan di mana risiko penipuan, penyalahgunaan dan gangguan akibat daripada kesilapan keselamatan komputer akan menjejaskan operasi kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah memulakan usaha mewujudkan keselamatan komputer untuk meminimumkan risiko penipuan dan gangguan akibat penyalahgunaan teknologi maklumat. Bagi tujuan tersebut kerajaan telah menubuhkan Bahagian Keselamatan ICT-MAMPU di Jabatan Perdana Menteri. Buat masa ini bahagian tersebut menumpukan perhatian kepada pelaksanaan program keselamatan ICT sektor awam seperti berikut:

- (i) penggubalan data dan standard-standard keselamatan ICT;
- (ii) pentauliahan pegawai keselamatan ICT;
- (iii) latihan dan pembudayaan;
- (iv) audit keselamatan termasuk lain-lain aktiviti bersangkutan seperti *business resumption*, *catalogue* dan *incidence response*, dengan izin. Terima kasih

**Tuan Ng Lip Yong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan jabatan bukan dikomputerisasikan sahaja tetapi ada juga network. Oleh sebab itu, peluang untuk *hackers* sangatlah besar. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya

masalah ini dielakkan dan sama ada kerajaan ada pasukan pakar untuk mengawasi masalah ini?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang dalam dunia canggih ini pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Tetapi nasibnya di Malaysia sehingga kini kita hanya telah mengalami kira-kira 26 pencerobohan dalam komputer ini.

Dasar keselamatan teknologi maklumat kita mengambil kira segala sistem, segala network yang ada. Oleh yang demikian, maka satu dasar telah pun dirangka dan satu pekeliling telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menasihatkan semua jabatan kerajaan untuk mengikut langkah-langkah untuk menentukan bahawa sistem mereka kebal dari apa-apa pencerobohan.

2. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan adanya MSC di Malaysia, adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk mewujudkan satu e-universiti di rantau ini bagi memberi peluang kepada rakyat melanjutkan pendidikan tinggi mereka melalui Internet.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pendidikan daripada soalan yang ditimbulkan iaitu soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah pun meluluskan penubuhan sebuah universiti swasta yang menggunakan mode maya atau virtual. Universiti yang dimaksudkan ialah Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). Ia dianggap sebagai e-universiti kerana menggunakan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam hubungan tersebut Kementerian Pendidikan memang menggalakkan penubuhan konsep e-universiti untuk memberi peluang lebih ramai rakyat melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dan sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat sedih bahawa kementerian tiada orang menjawab soalan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Fong Kui Lun:** Soalan tambahan ialah saya ingin bertanya Yang Berhormat walaupun bukan dalam Kementerian Pendidikan, bagaimanakah sambutan

virtual universiti yang sedang berjalan di negara ini serta apakah masalah yang timbul atau dihadapi oleh pentadbir universiti?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu sambutan yang diterima amat baik kerana kita sedia maklum bahawa dalam kita menuju ke alaf baru ini untuk masa hadapan IT merupakan satu pengajian yang memberi peluang yang amat baik kepada rakyat di negara kita. Saya percaya satu hari nanti pelajar-pelajar di negara kita boleh mendapat ijazah tanpa pergi di mana-mana universiti. Dia duduk di rumah sahaja dia boleh dapat universiti daripada London ataupun daripada Amerika apabila sistem universiti maya ini kita perluaskan. Terima kasih.

**Tuan Mah Siew Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada 'Setiausaha Parlimen Menteri Dalam Negara' [*Ketawa*] Sekarang ramai rakyat terutamanya yang bekerja sedang ambil kursus part time melalui Internet dengan universiti di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Apabila mereka mendapat kelulusan ijazah dan degree ada yang diiktirafkan oleh PSD atau Jabatan Perkhidmatan Awam. Tetapi banyak lagi permohonan telah ditolak. Adakah Kementerian Pendidikan ada satu kriteria definisi di mana satu degree atau diploma akan *direcognize* kerana ini adalah sangat penting supaya sacrifice mereka untuk belajar akan dapat hasil.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Teluk Intan. Kita sedia maklum bahawa pengiktirafan sesuatu ijazah ini ianya adalah bergantung - kalau ijazah dalam universiti swasta dalam negeri kita ada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Kalau ijazah-ijazah di luar negara ianya akan diberi pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi, soalnya bukan daripada mana, cara mana ijazah itu diperolehi. Sama ada ijazah diperolehi itu adakah ijazah yang diperolehi daripada universiti-universiti yang diiktiraf oleh JPA. Kalau daripada universiti yang diiktiraf oleh JPA dan ijazah ini juga memang ada di dalam senarai yang diberi pengiktirafan kepada JPA, maka sudah tentu sesiapa juga yang mendapat ijazah sama ada dia pergi ke luar negara ataupun dia membuat ijazah itu di negara kita ianya pasti akan mendapat pengiktirafan daripada pihak JPA dan kerajaan. Terima kasih.

3. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah segera yang lebih efisien perlu diambil untuk mengatasi kerosakan yang sering berlaku ke atas alat kamera di kaunter pendaftaran kad pengenalan sehingga menimbulkan kerumitan kepada orang ramai yang berurusan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan, berdasarkan kepada maklumat dan juga pengalaman yang lalu, gangguan sistem pengambilan gambar berkomputer di Jabatan Pendaftaran Negara kebanyakannya melibatkan kerosakan kepada perisian yang mengawal sistem kamera. Sekiranya keadaan ini berlaku di cawangan-cawangan berkenaan akan menerima bantuan segera melalui sistem *help-desk*, dengan izin, di mana nasihat akan diberikan kepada kakitangannya yang telah dilatih di cawangan tersebut untuk membaiki ataupun memulihkan peralatan mahupun perisian yang berkaitan.

Di dalam keadaan yang serius pegawai-pegawai teknikal jabatan dan juga vendor yang menyelenggarakan sistem komputer jabatan akan dihantar untuk memulihkan sistem dan juga menggantikan peralatan serta perisian berkaitan sekiranya situasi memerlukan. Terima kasih.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Setiausaha Parlimen atas penjelasan tadi. Masalah yang berlaku sekarang amat mengelirukan orang ramai. Jikalau mesin alat kamera itu tidak rosak, kos mengambil gambar itu ialah percuma. Tetapi apabila kamera yang canggih ini rosak, orang ramai terpaksa turun ke bawah untuk mengambil gambar camera polaroid dengan membayar RM15. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sanggupkah kerajaan memberi perkhidmatan camera polaroid yang percuma apabila alat camera yang canggih ini rosak. Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara ini berlaku bukannya selalu, tetapi bersekala ataupun tidak menentu, jadi oleh itu kerajaan masih belum dapat menentukan sama ada apa yang dikemukakan oleh Parlimen itu dapat dipertimbangkan. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Ta di saya dengar pihak Yang Berhormat bagi Bukit Bintang cakap sedih, tetapi saya tak tahu parti dia berasa sedih kerana dia.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Tuan Chang See Ten:** ....gadai dia punya keluarga dan gadai dia punya kuasa tak dapat peluang bertanding di Lunas. Dia sudah gadai sekali di Teluk Kemang dan sekarang satu kali lagi di Lunas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak hubung kait dengan soalan.

**Tuan Chang See Ten:** Cuma kerana dia kata 'sedih', saya cuma cakap baik mereka sedih atas perkara itu.

Ini soalan betul saya, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat tentang bagaimana apa tindakan yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan efisiensi atau kecekapan terutama staf di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara yang mana proses pengeluaran kad pengenalan dijalankan, saya dapati bahawa kadang-kadang sebenarnya IC sudah ada di pejabat itu, tetapi pemohon bertanya dia cakap "tunggu-tunggu". Pada satu ketika saya terpaksa sendiri pergi kerana ini sudah lebih enam bulan. Saya sendiri bawa pemohon pergi jumpa ketua dan beliau beritahu, "eh sebenarnya IC baru ini telah dikeluarkan, di sini sudah lama." Saya tanya mengapa counter staff tidak buat kerja dengan secara ikhlas, beri kepada pe mohon sampai perlu jumpa wakil rakyat, bawa bersama jumpa pegawai tinggi di sana baru dapat." Ini sudah tunjukkan satu imej yang kurang baik kepada jabatan. Saya harap pihak kementerian dapat mengambil perhatian tentang kes-kes ini yang mana ada segelintir kecil pegawai-pegawai di kaunter yang kurang buat kerja dengan secara ikhlas kepada rakyat jelata berbilang kaum. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana mengingatkan beberapa masalah yang timbul oleh beliau sendiri. Tetapi pada saya kadang-kadang pengundi-pengundi kita pun memang suka hendak menyusahkan wakil-wakil rakyat. Perkara ini

sememangnya very simple case, dengan izin. Saya ingat kalau mereka ini betul-betul ikhlas dan bertanyakan kepada pegawai yang berkaitan dengan secara yang baik, saya rasa, insya-Allah, kita akan dapat benda ini dengan lebih senang. Jangan tiba di sana misal kata menengking-menengking pegawai-pegawai yang berkaitan. Mereka ini adalah manusia biasa juga. Bila orang kena tengking, dia pun terperanjat, selepas itu langsung dia kata baik ada benda itu, dia kata tak ada.

Jadi, saya harap misal kata pihak ini juga dapat kerjasama dengan lebih baiklah. Terima kasih.

4. **Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kemudahan kad mengeluarkan wang bagi para jemaah haji ketika di Tanah Suci yang disediakan oleh Tabung Haji dapat digunakan oleh para jemaah; dan
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan untuk menyediakan kemudahan ini oleh Tabung Haji.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada musim Haji 1418H ataupun pada 1998 Tabung Haji telah menyediakan smart kad secara percuma kepada semua jemaah haji tahun berkenaan. Projek ini dilaksanakan sebagai percubaan untuk meningkatkan perkhidmatan Tabung Haji kepada jemaah haji di Tanah Suci. Smart kad ini disediakan adalah dengan tujuan sebagai tanda pengenalan diri jemaah haji dan urusan penyemakan butir-butir simpanan dan pengeluaran wang di Tanah Suci. Kad mengandungi butir-butir peribadi jemaah haji seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor akaun Tabung Haji, jenis kumpulan darah, alamat dan sebagainya. Penggunaan kad ini tidak diteruskan bagi musim haji berikutnya kerana pihak Arab Saudi belum bersedia sepenuhnya memandangkan mereka sendiri tidak mempunyai teknologi sedemikian.

Buat masa ini tanda pengenalan diri jemaah haji adalah memadai dan mencukupi iaitu gelang tangan, lencana nama dan kad 'batakah' yang kesemuanya me ngandung butir-butir peribadi jemaah haji tersebut. Manakala bagi urusan pengeluaran wang di Tanah Suci pula, Tabung Haji telah menyediakan perkhidmatan kaunter pengeluaran wang di maktab-maktab di Mekah dan juga zon di Madinah iaitu tempat penginapan jemaah haji. Ini bagi memudahkan jemaah haji membuat pengeluaran di Tanah Suci tanpa sebarang had kekerapan dan jumlah. Ini ditambah dengan prosedur pengeluaran yang mudah di mana jemaah haji tidak perlu mengisi borang kerana borang diisi oleh petugas Tabung Haji dan jemaah haji hanya perlu menunjukkan lencana nama mereka sahaja.

Sehingga ini proses pengeluaran wang di Tanah Suci berjalan lancar dan memuaskan tanpa sebarang masalah.

- (b) kos penyediaan smart kad bagi musim haji tersebut iaitu pada 1998 adalah berjumlah RM1.2 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh Tabung Haji. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat tak ada soalan tambahan. Baling.

**Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Seperti mana yang telah dijelaskan tadi bahawa RM1.2 juta telah dibelanjakan oleh pihak Tabung Haji sebagai percubaan untuk menyediakan smart kad bagi tahun 1998 dan kita percaya bahawa RM1.2 juta ini satu jumlah yang besar, sedangkan pada masa itu tadi telah dijelaskan bahawa pihak Kerajaan Saudi tidak mempunyai teknologi ini dan smart kad ini terpaksa dihentikan. Jadi, apakah pihak Tabung Haji tidak merasakan bahawa satu perbelanjaan yang RM1.2 juta ini satu perbelanjaan yang merugikan dan kenapa pihak Tabung Haji tidak menyediakan suatu penyelidikan dan kajian terlebih dahulu sebelum percubaan ini dijalankan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa ini merupakan *pilot project*, cara kita untuk meningkatkan perkhidmatan Tabung Haji. Dan idea ini ataupun sistem ini sebenarnya telah pun diperkenalkan oleh satu konsultan yang memberikan pandangan dan juga cara-cara bagaimana projek ini boleh dilaksanakan dengan dikenakan kos RM1.2 juta.

Namun demikian, sukaulah saya nyatakan di sini, oleh kerana projek yang dicadangkan ini tidak mencapai matlamat, mungkin pihak konsultan tidak meneliti dan membuat kajian dengan terperinci, maka sehingga hari ini pihak Tabung Haji masih lagi belum membayar kepada pihak konsultan wang RM1.2 juta dan ini masih lagi dalam rundingan sama ada perlu ataupun tidak kita bayar kepada pihak konsultan ataupun kalau bayar, mungkin berapa banyak yang harus kita bayar kerana projek yang diperkenalkan ini telah pun tidak mencapai matlamat seperti mana yang telah diberikan ataupun yang dicadangkan oleh pihak konsultan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berterima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang menjawab dan terima kasih kepada Tabung Haji kerana perkhidmatan yang telah disediakan. Cuma saya ingin bertanya, apakah Tabung Haji bercadang untuk menyediakan sejumlah wang untuk diberi pinjam kepada jemaah-jemaah haji yang kita sering mendengar masalah kecurian akibat kelalaian jemaah haji di Mekah dan berapakah tempoh masa pinjaman yang akan diberi kepada jemaah haji yang menerima musibah ini. Soalan seterusnya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Tabung Haji untuk mengurangkan masalah kecurian dan juga kehilangan wang di Tanah Suci Mekah. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kita tidak nafikan ada juga berlaku musibah seperti kehilangan wang di kalangan jemaah-jemaah haji dan perkara ini berlaku, kita juga ingin merakamkan rasa dukacita. Sepatutnya di Tanah Suci ini tidak sepatutnya berlaku perkara-perkara sedemikian dan apabila perkara ini berlaku sedikit sebanyak sudah tentu ianya akan menjejaskan juga imej umat Islam kerana di Tanah Suci ini pergi niat kita untuk menunaikan haji tetapi ada juga yang mempunyai niat yang tidak baik yang mana menyebabkan jemaah lain yang susah.

Oleh kerana perkara ini berlaku tetapi tidak banyak, hanya segelintir dan mengenai pandangan Yang Berhormat sama ada perlu ataupun tidak Tabung Haji memberikan pinjaman kepada mereka, kita akan kaji. Namun demikian, kita suka nyatakan bahawa setiap jemaah haji kalau mereka kehilangan duit, mereka sebenarnya boleh mengeluarkan wang simpanan mereka di Mekah ataupun di Madinah, sebab itu Tabung Haji telah pun memperkenalkan sistem ini.

Kita juga rasa bersyukur dan patut berbangga, satu-satunya negara di dunia ini yang memberikan kemudahan kepada pendeposit-pendeposit haji ini, di mana jemaah haji dinasihatkan jangan membawa wang banyak-banyak kerana wang ini boleh dikeluarkan di Mekah ataupun di Madinah tanpa had. Dahulu ada had, kita beri sebelum haji dan selepas haji, tetapi sekarang sudah tiada had, berapa dia hendak dikeluarkan, dia boleh dikeluarkan.

Jadi, saya percaya kalau semua jemaah haji mendengar nasihat kita, jangan bawa wang yang banyak secara tunai, sebaliknya menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Tabung Haji, maka masalah-masalah musibah ini mungkin dapat kita atasi.

Namun demikian, pandangan Yang Berhormat kita akan ambil kira untuk kita meringankan beban kepada jemaah haji yang mendapat musibah ini. Terima kasih.

**5. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) lokasi di seluruh dunia yang menghadapi masalah yang perlu penyelesaian segera oleh PBB; dan
- (b) apakah dasar dan pendirian Malaysia untuk menyertai pasukan pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mana banyak negara khususnya negara maju termasuk Wakil Tetap Jawatankuasa Keselamatan ke PBB tidak mahu melibatkan diri menyertai pasukan pengaman ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada masa ini, terdapat 15 kawasan yang mempunyai

masalah dan yang memerlukan bantuan. Lokasi kawasan yang dimaksudkan ialah seperti berikut:-

- (i) Sempadan Israel/Syria;
- (ii) Sempadan India/Pakistan;
- (iii) Sempadan Cyprus/Turki/Greece;
- (iv) Sempadan Lebanon/Israel;
- (v) Sempadan Kuwait/Iraq;
- (vi) Sahara Barat;
- (vii) Georgia;
- (viii) Bosnia-Herzegovina;
- (ix) Provlafka di Croatia;
- (x) Kosovo;
- (xi) Sierra Leone ;
- (xii) Timor Timur;
- (xiii) Sempadan Kongo/Rwanda/Uganda;
- (xiv) Sempadan Habsah dan Eritrea ; dan
- (xv) Kawasan Angola.

Bagaimanapun, ini tidak termasuk beberapa lokasi yang masih bergolak, tetapi tidak mempunyai pasukan pengaman. Antara lain kawasan-kawasan ini adalah kawasan Palestine, Chechya dan Afghanistan. Negara kita Malaysia seterusnya kerajaan sememangnya telah menegaskan agar negara-negara maju turut serta dalam pasukan pengaman PBB ini.

Bagi Malaysia pula, penyertaan kita di dalam misi pasukan pengaman PBB, telah terlebih dahulu dikaji dengan teliti bagi memastikan sumbangan negara kita Malaysia berfaedah kepada misi tersebut pada amnya dan pada keamanan sejagat khususnya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Setakat ini sejauh manakah prestasi negara kita terhadap sumbangan kepada pasukan ini dan bagaimana keyakinan negara-negara lain terhadap negara kita dan di manakah yang mana kita terlibat dalam membantu konflik antarabangsa ini?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang kita dapat pastikan bahawa pegawai-pegawai tentera kita dan angkatan tentera kita yang telah terlibat dalam pasukan pengaman PBB ini telah mendapat *recommendation* yang begitu baik dan mereka dianggapkan satu pasukan yang begitu profesional dalam menjalankan tugas mereka dan tidak pernah menunjukkan bahawa mereka menyebelahi mana-mana pihak dan prestasi seperti ini telah memberikan satu nama baik kepada pasukan tentera kita dan sentiasa setiap kali PBB mengadakan pasukan pengaman, mereka sentiasa menjemput kita untuk memberi sumbangan secara yang mana kita dapat untuk mengambil bahagian dalam pasukan pengaman PBB itu.

Dan masa kini, kita terlibat dalam kawasan-kawasan Kosovo, kawasan di Afrika dan juga di Sierra Leone, di Timor Timur dan ada juga yang secara langsung, ada juga yang secara tidak langsung seperti menguruskan negara-negara yang dalam keadaan memulihkan semula kerajaan mereka atau struktur ketenteraan, atau struktur keselamatan mereka, dan pegawai-pegawai telah dihantar untuk memberikan pandangan dan juga membantu berusaha memulih semula struktur keselamatan dalam negara mereka.

**Tuan Kong Cho Ha:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. memandangkan keadaan di Sierra Leone, begitu membahayakan pasukan pengaman, sampai pasukan pengaman dari India yang selalu rela menyertai pasukan pengaman itu tarik keluar dari kerja pengaman di Sierra Leone. Jadi, adakah negara kita menimbangkan untuk menarik diri juga dari *peacekeeping mission*, dengan izin, dari Sierra Leone. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita setuju untuk melibatkan diri dalam mana-mana misi pasukan pengaman dan untuk meneguhkan keadilan dalam keamanan sejagat dan misi-misi untuk mencapaikan supaya kita dapat menegakkan keadilan dalam mana-mana negara yang bergolak, kita memang sama-sama bekerja memutuskan supaya mengikutkan peraturan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Inilah satu komitmen kita. Walau bagaimanapun, dalam keadaan seperti ini, negara-negara di mana kita letakkan pasukan pengaman ini, mereka ini bukanlah untuk berperang tetapi ialah untuk menjagakan supaya keamanan itu sentiasa ada dan ia bukan sebuah

negara sahaja tetapi ia memberi gambaran bahawa inilah satu pasukan antarabangsa dan mana-mana kegiatan yang mengancamkan pasukan pengaman ini adalah bukan semata-mata mengancam ke sebuah negara sahaja tetapi mengancamkan ke seluruh masyarakat antarabangsa ini yang diwakili oleh pasukan pengaman ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, bila kita mengambil bahagian dalam mana-mana pasukan, kita telah menelitikan risikonya dan juga kita juga masuk dengan tidak dipaksa dan secara sukarela kita mengambil bahagian dan menyumbang kepada keamanan sejagat.

**6. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memberi penekanan terhadap pendidikan moral di sekolah memandangkan peningkatan terhadap penyalahgunaan dadah terutama penggunaan pil ecstasy di kalangan remaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memandang serius terhadap gejala penyalahgunaan dadah terutamanya penggunaan pil ecstasy di kalangan remaja. Sehubungan itu pendidikan mencegah penyalahgunaan dadah telah diperkenalkan ke dalam KBSM mulai tahun 1989 dan KBSR pada tahun 1995.

Kurikulum ini adalah berkonsepkan kepada pengajaran dan pembelajaran secara merentas kurikulum melalui beberapa mata pelajaran penting di sekolah rendah dan menengah seperti mata pelajaran Sains, Pendidikan Agama Islam, Moral serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Dalam usaha untuk memberi tumpuan dan penekanan kepada kurikulum tersebut, buku panduan dan garis panduan telah pun disediakan oleh Kementerian Pendidikan untuk membantu guru-guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan lagi di dalam dan di luar bilik darjah.

Selain itu, aktiviti kokurikulum berkaitan dengan pendidikan mencegah penyalahgunaan dadah pula dilaksanakan melalui aktiviti skim lencana anti dadah (SLAT), Minggu Anti Dadah Kebangsaan dan Antarabangsa, kolokium, perkhemahan, seminar, kem waja diri, khemah ibadat, jambori SLAT dan

penyampaian mesej, jauhi dadah melalui aktiviti karnival seni pendidikan pencegahan dadah di semua peringkat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. saya setujulah kalau kita hendak menekankan terhadap memberi pendidikan moral ini harus dari segi kurikulum dan kokurikulum di sekolah-sekolah. Dari segi kurikulum saya tadi dengar ada pelajaran Agama Islam diserap dalam mata pelajaran di sekolah-sekolah. Jadi, saya ingin tahu sama ada pelajaran agama yang bukan Islam juga dapat diserapkan di dalam mata pelajaran supaya dari segi pengajaran agama semua kaum ini dapat betul-betul menilai pentingnya dari segi pendidikan moral ini.

Dan dari segi kokurikulum, saya ingin juga tahu, selain daripada sekolah sendiri ada mengadakan kempen-kempen ataupun aktiviti-aktiviti sendiri untuk mencegah penggunaan dadah, jadi selama ini, adakah kementerian juga dapat kerjasama daripada pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Kesihatan di mana dari segi hukumannya ataupun dari segi pendedahan dan juga dari segi mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam supaya murid-murid ini dapat memerhatikan dan menerima lebih baik dari segi kesan buruknya terhadap semua gejala sosial termasuk pil ecstasy. Kalau selama ini tidak ada, sama ada kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk mengadakan, kalau tidak sama ada boleh menjemput pihak MCA supaya turut sama untuk mengatasi masalah ini.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan lagi mengenai dengan masalah dadah. Ada dua perkara yang harus saya nyatakan di sini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. pertama sekali, ialah mengenai dengan pelajaran Agama Islam dan soal mata pelajaran Moral.

Kita dalam sistem pendidikan kita, kita benarkan atau kita izinkan dua perkara yang boleh diajarkan di sekolah melalui sistem pendidikan kita. Satu, ialah pelajaran Agama Islam yang mana itu kita akur kepada Perlembagaan Malaysia kita di mana kita tekankan agama Islam di setiap sekolah.

Keduanya, mengenai dengan pelajaran Moral tadi ialah bagi mereka yang bukan Islam di mana kita juga tekankan nilai-nilai baik. Jadi, dalam hal ini tidak timbullah sama ada bagaimana dengan agama-agama lain, boleh atau tidak diajar. Di luar kawasan sekolah, itu kita izinkan. Tetapi di pihak kita, tentang soal mata pelajaran Moral itu tetap kita adakan. Ini adalah berdasarkan kepada Dasar Pendidikan Negara kita. Jadi, buat sementara waktu ini, saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa bagi bukan Islam, mata pelajaran Moral adalah bersesuaian kepada semua bagi mereka yang mengikuti mata pelajaran tersebut.

Perkara yang kedua adalah mengenai dengan kokurikulum. Tadi, saya telah sebutkan, kita mengadakan pelbagai kegiatan dan juga *exhibition*, dengan izin, ataupun kempen-kempen tadi, di mana kesedaran penyalahgunaan dadah tadi dipamerkan. Malah apa yang saya telah perhatikan di sesetengah sekolah, apabila adanya kempen ini, mereka juga melibatkan agensi-agensi yang lain seperti mana kata Yang Berhormat tadi. Antaranya ialah agensi seperti Jabatan Kesihatan juga agensi Jabatan Penjara untuk menunjukkan bagaimana kalau seseorang pesalah dadah itu dikenakan hukuman, apakah hukuman. Jadi, itu juga dipamerkan dan harapan kita dengan adanya kempen-kempen seperti ini akan memberi kesan yang lebih mendalam kepada murid-murid kita.

Se perkara lagi ialah mengenai dengan pil ecstasy mengapa tidak seperti MCA diberi tugas, ini juga kita sambut baik di mana sebuah parti di dalam Barisan Nasional memberi penekanan tentang merbahayanya pil ecstasy tadi.

Harapan kita juga begitu kepada NGO-NGO yang lain, sekiranya dapat menjalankan kempen-kempen yang lebih membawa erti yang mendalam kepada anak-anak muda kita supaya menjauhkan diri daripada dadah. Terima ka sih.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana telah pun memberi jawapan yang teliti. Memandangkan muda mudi kita senang terjerumus dalam gejala sosial dan masyarakat kita sebuah masyarakat majmuk. Untuk memupuk kesejahteraan dan kefahaman di antara kita, pendidikan sivik adalah penting dan pendidikan moral juga merupakan subjek yang penting di dalam sekolah-sekolah. Oleh itu, adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk memastikan pelajar-pelajar kita mengambil

berat tentang pelajaran sivik dan pelajaran moral dan untuk memastikan pelajar-pelajar kita mengambil berat dalam subjek ini, adalah lebih baik kita menjadikan subjek pendidikan sivik ini sebagai pendidikan wajib kerana pada masa sekarang, pendidikan moral atau pendidikan sivik yang ada sekarang tidak dipandang berapa berat oleh bukan sahaja pelajar-pelajar, malah oleh ibu bapa kerana ia merupakan satu subjek yang bukan *examination paper, examination subject*, tidak diambil kira dalam kedudukan seseorang pelajar dalam peperiksaannya.

Adakah kerajaan bercadang untuk memastikan subjek pendidikan sivik ini menjadikan satu subjek utama dalam kurikulum sekolah akademik kita.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan gejala sosial yang ramai daripada kalangan kita telah bangkitkan mengenai perkara ini. Apakah yang mempengaruhi anak-anak muda kita tadi? Yang ini kita harus ingat bahawa dalam persekitaran sosial dan juga fizikal, kita harus mempunyai satu cara untuk bagaimana kita menyesuaikan diri kita dalam suasana persekitaran tersebut. Walau bagaimanapun, seperti mana apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai Pendidikan Sivik dan Moral, saya sambut baik dan saya tahu mengenai dengan Pendidikan Sivik ini, ia bukanlah sebagai satu mata pelajaran peperiksaan. Oleh yang demikian, saya tahu mereka akan tidak mengambil begitu berat. Walau bagaimanapun, cadangan ini sekiranya ini hendak dijadikan cadangan, saya rasa pihak kita boleh pertimbangkan tetapi buat masa ini Pendidikan Sivik, kita tidak jadikan satu mata pelajaran wajib atau mata pelajaran peperiksaan. Terima kasih.

[Soalan No. 7 – Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pematang Pauh] tidak hadir].

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus] tidak hadir].

[Soalan No. 9 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir].

10. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan ekoran banyak syarikat pembuat kereta gergasi Asia dan Eropah telah gagal mempertahankan prestasi mereka sehingga menyebabkan penggabungan dengan syarikat besar lain bagaimanakah kerajaan berpendapat bahawa Proton boleh berdikari dan hidup lama dalam keadaan tekanan globalisasi dan pembukaan pasaran dunia serta penghapusan sekatan tarif.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab soalan ini bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang yang perlu dijawab pada 14 Disember kerana isu yang dibangkitkan adalah sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, industri automotif Malaysia terjejas teruk akibat daripada krisis ekonomi yang berlaku pertengahan tahun 1997. Krisis yang berlaku telah melibatkan wujudnya lebih kapasiti yang serius. Berikutan daripada itu Malaysia telah memohon penangguhan kemasukan industri automotif ke dalam Skim Keutamaan Am Tarif (CPT). Penangguhan tersebut adalah untuk memberi masa kepada industri automotif terutamanya sekali Proton untuk meningkatkan keupayaan untuk bersaing di pasaran terbuka. Industri automotif tempatan masih tidak dapat bersaing dengan keluaran automotif negara-negara lain kerana kos pengeluaran yang masih tinggi dan masih belum mencapai tahap pengeluaran yang berskala ekonomi, dengan izin, *economy of scale*. Proton perlu mencapai pengeluaran sebanyak 350,000 unit setahun untuk mencapai tahap skala ekonomi. Setakat ini Proton hanya mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 230,000 unit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penyediaan untuk menghadapi pembukaan pasaran serta saingan globalisasi dan pelaksanaan AFTA, Proton sedang meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan dan teknologi dengan memperolehi syarikat kejuruteraan teknologi automotif terkenal seperti Lotus Group International Berhad dan Michigan Automotive Research, reka bentuk dan membuat komponen utama seperti enjin dan sistem transmisi. Mengurangkan kos pengeluaran dan mempelebagaikan pemasaran eksport. Proton telah melakukan pelaburan yang besar bagi pusat R&Dnya sejak tahun 1996. Pusat ini

bertanggungjawab dalam meningkatkan kemudahan dan kualiti produk-produk keluaran dari syarikat serta membangunkan produk-produk baru.

Di samping itu Proton telah menjalankan rancangan pembuatan komponen tempatan yang dapat mengurangkan kos pembuatan Proton bagi jangka masa panjang. Langkah-langkah bagi mengurangkan kos pengeluaran dibuat dengan mempelbagaikan sumber komponen atau multi-sourcing. Setakat ini, Proton mempunyai lebih daripada 200 pembekal komponen. Dengan menggunakan sistem modular, Proton telah berjaya membentuk 200 pembekal komponen utama tiruan yang bertanggungjawab mereka bentuk untuk membuat Prototype, menguji dan memperolehi subkomponen yang diperlukan. Proton juga menjalankan kajian pasaran bagi menembusi dan mempelbagaikan pasaran keretanya terutama sekali bagi pasaran di Timur Tengah dan Amerika Selatan bagi meningkatkan efisiensi dari segi pasaran. Proton juga giat menerokai pasaran eksport baru di samping mempertahankan pasaran yang sedia ada. Di samping itu, Proton juga sedang merancang untuk mewujudkan kemudahan pengeluaran di luar negara bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran di pasaran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang melaksanakan strategi untuk meningkatkan keupayaan daya saing syarikat-syarikat pengeluar komponen untuk menjayakan usaha-usaha pengurangan kos dan peningkatan daya saing industri automotif tempatan. Di antara program yang dijalankan ialah menggalakkan pihak vendor untuk mendapatkan pasaran eksport di luar ASEAN melalui program pembekal global. Adalah diharapkan melalui program-program dan strategi ini, industri automotif tempatan akan dapat menghadapi persaingan dalam pasaran terbuka kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Sungguhpun Malaysia berjaya memujuk negara-negara ASEAN lain dengan menangguk potongan tarif ke atas automobil import dari tahun 2003 hingga 2005, tetapi juga ada diperkatakan bahawa persetujuan ini diikatkan dengan beberapa syarat, seperti pengimportan beberapa bahan makanan yang sangat diperlukan oleh Malaysia itu juga tidak akan dipotong tarif. Jika ini benar, akan menjejaskan rakyat

biasa Malaysia misalnya pengimportan beras dari Thailand atau gula dari Filipina. Adakah ini benar?

Yang kedua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satulah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang kedua, pernah diperkatakan, bahagian yang kedua, oleh Perdana Menteri bahawa dunia akan dikuasai oleh empat hingga enam syarikat pembuat kereta gergasi sahaja. Memandangkan prestasi Proton di pasaran antarabangsa tidak memuaskan sungguhpun prestasinya dalam negara adalah agak baik kerana *tariff advantage*, maka saya ingin tahu apakah prospek jangka panjang Proton selepas 2005 tanpa perlindungan tarif dan apakah prestasinya di pasaran antarabangsa. Apakah strategi yang akan diambil, dirangka oleh Proton untuk memastikan Proton tidak akan terpaksa digabungkan dengan syarikat-syarikat auto maker yang besar ataupun terpaksa digulung tikar kerana misalnya di Jepun pembuat kereta syarikat-syarikat automobil besar seperti Nissan, Mitsubishi, Mazda, semua terpaksa digabung.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan untuk beri hujah, Yang Berhormat. Soalan terus dikemukakan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, saya ingin *enlighten the Parliamentary Secretary*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah Yang Berhormat cuba hendak *enlighten* saya, yang sepatutnya saya akan *enlighten*kan Yang Berhormat. *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan mengizinkan pengimportan beras adalah tidak benar langsung. Sebenarnya kalau ikut perjanjian AFTA terwujud satu protokol mengenai pelaksanaan skim CPT. di mana di bawah protokol tersebut, ia akan membenarkan negara-negara anggota yang menghadapi masalah penangguhan sementara pemindahan produk daripada senarai pengecualian sementara ke dalam senarai kemasukan. Jadi, apa yang dicadangkan oleh Malaysia untuk menangguhkan pembukaan pasaran automotif memang sesuatu yang mengikut

protokol dan perjanjian di bawah AFTA, dan ini pun telah dipersetujui dalam mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi bulan Mei tahun 2000 di Yanggoon. Cuma, perjanjian ini perlu ditandatangani oleh mesyuarat EEM semasa Mesyuarat Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN di Singapura pada bulan November tahun ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dipersetujui ialah negara Thailand yang mempunyai kepentingan yang *substantive* dalam industri automotif akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Malaysia. Bentuk-bentuk pampasan yang akan diminta oleh pihak Thailand bukan dalam bentuk kewangan tetapi dalam bentuk seperti pembukaan pasaran, pembelian produk dan juga penambahan bilangan lori yang mengangkut barangan, transit dari Thailand yang melalui Malaysia ke Singapura dan ini adalah cadangan-cadangan di peringkat awal dan masih belum dipersetujui perlu melalui perundingan dua negara.

Mengenai dengan kemungkinan Proton bersaing dalam pasaran automotif antarabangsa, saya ingin memberitahu bahawa harga cuma merupakan satu faktor yang mempengaruhi kecenderungan pengguna sahaja. Ada lain-lain faktor seperti reka bentuk, kualiti dan ciri-ciri keselamatan, perkhidmatan pasaran, sokongan penyelenggaraan, jenama dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Proton sedang bergiat dan berusaha untuk mengurangkan kos dan melalui strategi-strategi dan tindakan-tindakan yang tadi saya telah jawab dan dengan cara itu kita berharap kos Proton dapat dikurangkan untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa.

**Tuan Tan Kok Wai:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun. Sudah jawab.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, selama ini kita dapati kereta Proton tidak dapat bersaing dengan kereta Jepun dan Korea, ini hakikatnya. Dan untuk *survival*, kereta Jepun dan Korea termasuk India juga, telah bergabung dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa masa depan sesuatu industri automobil bergantung kepada salah satu faktor, faktor kos. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam lima faktor ini, jenama, reka-bentuk, kejuruteraan, harga dan pasaran, bolehkah Yang Berhormat pastikan bahawa dari segi masa

hadapan, kita lebih *competitive* daripada syarikat automobil yang sudah begitu lama bergiat dalam bidang ini. *How confident are you?* Dengan izin.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Proton sedang berusaha dengan syarikat antarabangsa yang terkenal seperti Lotus Group dan juga Michigan Automotive Research. Tujuannya ialah supaya kita dapat mempertingkatkan lagi keupayaan teknologi. Dengan cara itu kita harap dapat mempertingkatkan lagi kualiti dan reka bentuk produk-produk yang dikeluarkan oleh Proton. Selain dari itu, kita berharap dapat mempertingkatkan lagi pasaran antarabangsa. Dengan adanya skala ekonomi maka kita akan dapat mengurangkan kos seunit produk Proton. Kita berpendapat Proton memang serius dalam usaha ke arah tersebut dan kita yakin dengan usaha-usaha yang dijalankan pada masa akan datang, kita akan dapat mempertingkatkan faktor-faktor persaingan yang telah saya jawab tadi.

[Soalan No. 11 – Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] tidak hadir].

[Soalan No. 12 – Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu] tidak hadir].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingat soalan saya No. 13 lambat lagi kerana semua pergi Lunas, takziah DAP. [Ketawa] Soalan saya soalan No. 13.

13. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab Malaysia ditolak untuk mendapatkan hak menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Tahun 2008 dan bagaimana pula peluang bagi Sukan Asia tahun 2006.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, prosedur baru yang diamalkan oleh International Olympic Council (OIC), memerlukan negara-negara yang ingin menjadi calon Sukan Olimpik menjawab beberapa soalan sebelum disenaraipendekkan ataupun short-listed, dengan izin. Ini bertujuan untuk memastikan hanya negara-negara yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dipilih sebagai calon.

Malaysia tidak disenaraipendekkan, oleh kerana kita mendapat tempat yang keenam daripada 10 buah negara yang menawarkan diri. Kedudukan Kuala Lumpur di tempat keenam dari 10 buah bandaraya yang menawarkan diri sebagai cabn tuan rumah Sukan Olimpik tahun 2008 adalah merupakan satu perkembangan yang agak menggalakkan walaupun kita tidak dapat.

Harus diingat bahawa Sukan Olimpik bukanlah satu temasya sukan peringkat rantau ataupun *regional*. Tetapi ianya adalah merupakan satu temasya sukan yang terulung dan paling berprestij d dunia. Untuk mendapatkan hak penganjurannya selaku tuan rumah amatlah sukar dan tidak mungkin memperolehinya dengan hanya satu percubaan sahaja. Ini dapat dilihat dari fenomena di mana bandaraya yang berjaya disenaraipendekkan itu iaitu Beijing dan Istanbul telah pun beberapa kali menawarkan diri sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menjawab soalan mengenai Sukan Asia tahun 2006 bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah pada hari ini juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sebelum 12 November tahun ini iaitu tarikh pemilihan tuan rumah Sukan Asia tahun 2006 di Pusan, Korea Selatan, peluang Malaysia dianggap cerah berdasarkan janji-janji dan sokongan yang ditunjukkan oleh beberapa buah negara anggota OCA. Walau bagaimanapun, pada hari pengundian, pada 12 November 2000, ahli OCA telah pun memilih Doha, Qatar sebagai tuan rumah sukan tersebut. Keputusan tersebut agak mengecewa dan mengejutkan memandangkan bahawa penawaran Malaysia dianggap terbaik dari segi infrastruktur, pengalaman, pengurusan, pemasaran, bilangan penonton tempatan dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang telah pun diluluskan untuk kerja-kerja penawaran yang berkeman adalah sebanyak RM11,220,617.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Takziahlah kepada DAP sekali lagi selepas kalah di Telok Kemang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tambahan?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, soalan tambahan. Saya akan masuk soalan tambahan. [Ketawa] Terima kasih, Yang Berhormat. Kita

tahu, kita telah pun gagal mendapat hak menjadi tuan rumah Sukan Asia, selepas kita rasa bangga kerana menjadi tuan rumah kejohanan Komanwel dan Formula 1. Jadi, saya ingin bertanya sama ada kegagalan kita ini akan menjadi iktibar kepada kita dan seterusnya diadakan satu *post-mortem*, dengan izin, oleh kementerian untuk persediaan kita di masa-masa yang akan datang.

Saya juga ingin tahu apakah kita masih lagi berhasrat, berhajat untuk terus berkempen, mungkin 10, 20 tahun yang akan datang untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik dan Sukan Asia kerana kita tahu sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang terlibat dalam kita berusaha untuk mendapatkan hak menjadi tuan rumah Sukan Asia ini selain daripada komitmen rakyat seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut atas keprihatinan beliau. Untuk menjawab soalnya, pihak kementerian tetap mengambil iktibar daripada ketewasan kali ini. Dalam pada itu, *post-mortem* yang disarankan oleh Yang Berhormat juga akan dijalankan dan setakat ini apa yang kita buat adalah usaha untuk mengutip maklumat-maklumat yang bersabit dengan ketewasan kita walaupun pihak kementerian tak pernah dan tak berhajat mempersalahkan mana-mana pihak.

Walaupun kali ini pihak kita tidak berjaya dalam penawaran Sukan Asia tahun 2006 tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi kita tetap akan berusaha untuk menawarkan diri sebagai *host* ataupun tuan rumah bagi menganjurkan temasya-temasya sukan tidak semestinya terhad kepada Sukan Asia sahaja tetapi juga mencakupi temasya-temasya sukan yang berprestij antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lipis.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih berhubung dengan Sukan Asia tahun 2006, saya mendengar *people in the street* terutama daripada pihak pembangkang, yang menuduh bahawa sebenarnya Malaysia tidak berminat untuk menganjurkan sukan tahun 2006 ini. Yang kita lebih minat ialah untuk mendapatkan kontrak untuk membina kemudahan-kemudahan sukan di Qatar yang bernilai beribu-ribu juta. Adakah perkara ini benar? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Lipis itu saya rasa ianya tidak berasas sama sekali walaupun ini bukan pandangan beliau, saya tahu. Ini berasaskan daripada apa yang didengar dari kalangan parti-parti yang tertentu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seandainya pihak kementerian dan juga pihak MOM tidak berminat langsung dalam penawaran berkenaan, takkanlah kita bersusah-payah, tidak mengenal penat lelah untuk kempen habis-habisan sampai ke saat-saat yang terakhir walaupun kita tidak berjaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun banyak telah pun dispekulasikan oleh pihak pembangkang khususnya, tetapi dalam penentuan *host* bagi Sukan Asia tahun 2006 ini sesungguhnya bukan sahaja pengalaman prasarana sukan sahaja yang diambil kira dalam pengundiannya. Setahu saya walaupun kita dapat sokongan dan juga komitmen secara bertulis daripada beberapa buah negara yang menganggotai OCA tetapi ianya tidak semestinya menjanakan sokongan dengan menerusi undi yang menyokong kita sebab orang yang mengundi itu biasanya datang dari National Olympic Council dari negara yang berkenaan dan bukannya dari pihak kerajaan negara itu.

14. **Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Othman (Jerlun)** minta Perdana Menteri menyatakan tentang ukuran yang diguna pakai dalam menentukan sesuatu amalan dan cara hidup seseorang atau kumpulan itu sesat dan menyeleweng.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerlun telah pun saya jawab dengan panjang lebar semasa saya menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Peringat pada 7 November tahun 2000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tuan Haji Saupi bin Daud. Soalan No. 15 sudah dijawab. Teruskan kepada Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique.

16. **Dato Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah ada perancangan untuk memberikan kursus motivasi

kenegaraan kepada semua penyandang jawatan bagi sesebuah pertubuhan (NGO) yang didaftarkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Wangsa Maju tadi adalah seperti berikut, buat masa kini kerajaan tidak bercadang untuk memberi kursus motivasi kewarganegaraan kepada semua penyandang jawatan sesebuah pertubuhan ataupun singkatannya dalam bahasa Inggeris NGO, yang didaftarkan kerana mereka adalah rakyat Malaysia dan juga yang sepatutnya tahu siapa mereka sebenarnya.

Selain daripada itu juga, pertubuhan pada masa ini adalah besar dan berjumlah lebih kurang 31,000 dengan cawangannya sejumlah lebih kurang 58,000. Walau bagaimanapun, mulai tahun hadapan setiap negeri akan mengadakan taklimat pengurusan peringkat negeri masing-masing kepada pertubuhan-pertubuhan baru dan juga pertubuhan-pertubuhan yang menghadapi masalah. Adalah diharapkan pertubuhan-pertubuhan ini dapat diuruskan dengan cekap dan menepati Akta Pertubuhan 1966 serta memenuhi tujuan-tujuan penubuhannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Soalan tambahan, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada kursus yang sedemikian untuk mereka yang menyandang jawatan dalam NGO. Bagaimana pula dengan pertubuhan yang tidak berdaftar yang diibaratkan sebagai pertubuhan haram sebagaimana Barisan Alternatif yang kita tahu tidak berdaftar. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Apa tindakan?

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi semua pertubuhan di Malaysia ini hendaklah didaftarkan mengikut Perlembagaan kita Perkara 10(c) bahawa kita dibenarkan berpertubuhan dan berpersatuan dan semuanya mestilah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Jadi, mana-mana pertubuhan yang tidak didaftarkan, kalau ada yang tidak didaftarkan, itu adalah salah dan ini akan diambil siasatan dan saya minta Yang Berhormat bagi Larut tadi memberikan maklumat yang lebih lanjut lagi mana-

mana pertubuhan yang tidak didaftar supaya Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng ]:** Ahli Yang Berhormat, selesailah masa untuk soal jawab.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 8, 9, 11, 12 dan 17 hingga 21 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan Anggaran Pembangunan 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Ketiga]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.17 [Jadual[] –**

**Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2001] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta untuk menyambung jawapan.

**11.08 pagi**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Malam semalam saya tidak sempat hendak jawab walaupun sudah

bermula cuba hendak jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang.

Untuk makluman Yang Berhormat Serdang dan juga Dewan yang mulia ini, setakat ini kita mempunyai lapan buah IKBN ataupun Institut Kemahiran Belia Negara di seluruh negara. Selain daripada itu terdapat juga lima buah IKBN baru yang sedang dibina. Ini adalah semata-mata untuk menampung keperluan yang semakin meningkat seperti mana yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini semalam. Setakat ini kapasiti pengambilan yang sedia ada bagi semua IKBN adalah menjangkau 2000 orang setahun. Maka jelaslah bilangan pengambilan itu jauh lebih kecil daripada jumlah permohonan yang kita terima setiap tahun.

Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan soal pengambilan berasaskan kuota kaum, sebenarnya ini tidak wujud. Walaupun kaum bukan Melayu khususnya kaum Cina dan India, bilangan pelajar-pelajar ataupun peserta dari komuniti yang berkenaan tidak begitu menggalakkan. Dari tinjauan saya, ini disebabkan oleh satu fenomena di mana kaum Cina misalnya mempunyai pilihan yang lain khususnya dalam bidang *apprenticeship*.

Demikian juga kaum India, baru-baru ini saya berpeluang berinteraksi dengan wakil-wakil dari beberapa buah persatuan belia kaum India, saya difahamkan bahawa publisiti untuk IKBN mungkin perlu dipertingkatkan khusus ditujukan kepada komuniti-komuniti yang berkenaan. Ini satu-satunya saranan yang saya terima dengan baik.

Di samping itu, Yang Berhormat bagi Sedang juga membangkitkan soal keusahawanan belia. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap pinjaman di bawah skim Tabung Ekonomi Belia (TEB) maksimumnya adalah berjumlah RM50,000. Ianya tidak meletakkan sebarang prasyarat ataupun sekatan terhadap jenis perniagaan yang seseorang peserta itu berkecimpung.

Selain daripada itu, dari segi umur pemohon, ianya adalah dikehendaki berumur dalam lingkungan 18 hingga 40 tahun dan perniagaannya perlu berpotensi. Sekiranya sesuatu perniagaan yang dicadangkan itu tidak berpotensi, maka ianya tidak mempunyai peluang yang cerah untuk dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, izinkan saya ambil kesempatan untuk memberikan serba sedikit tentang konsep latihan yang diamalkan oleh IKBN kita. Ini semata-mata menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang dan juga Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Konsep latihan di IKBN adalah berbentuk latihan bersepadu dengan perlaksanaan pendekatannya yang merangkumi latihan kemahiran dari segi teori dan praktikal, kawad, disiplin, keusahawanan, ketatanegaraan, kepimpinan, amalan agama, kegiatan sukan, rekreasi dan khidmat masyarakat. Maka jelaslah bahawa latihan IKBN ini bukan sahaja terkongkong atau terbelenggu kepada latihan kemahiran semata-mata.

Syarat-syarat yang dikenakan kepada seseorang pemohon itu adalah seperti berikut: seseorang pemohon itu adalah warganegara Malaysia, belum berkahwin, berbadan sihat dan tidak cacat anggota, berusia antara 17 hingga 24 tahun. Ini mempunyai pengecualiannya, dalam kursus penjaga jentera elektrik di mana seseorang pemohon itu berumur antara 19 hingga 25 tahun, tidak pernah melakukan kesalahan jenayah dan penyalahgunaan najis dadah, belum pernah mengikuti latihan dari mana-mana institut latihan yang lain.

Bagi kursus pendawaian elektrik, mekanikal elektronik radio dan TV audio, teknologi elektronik industri dan penjaga jentera elektrik, pemohon mestilah tidak menghidapi penyakit rabun warna. Selain daripada itu, seseorang pemohon itu perlu dan sanggup menjalani latihan dan dikehendaki mengikut segala peraturan yang telah, sedang dan akan ditetapkan. Sekiranya beliau berhenti atau diberhentikan, maka dia dikehendaki membayar balik perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sejak mula beliau melaporkan diri di IKBN yang berkenaan. Dari konsep ini, saya berharap persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga dapat terjawab.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, modul yang bersabit dengan pembentukan ataupun pembangunan insan, pembentukan nilai-nilai dan sikap yang positif yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar sebenarnya juga diberi penekanan yang wajar oleh kementerian saya. Ini jelas terbukti dengan adanya modul-modul yang disediakan untuk IKBN yang sedia ada. Antara lain termasuk,

modul-modul mengenai Sejarah Negara Malaysia, Negara dan Kenegaraan Malaysia, Perlembagaan Malaysia, Pentadbiran Sistem Kerajaan Persekutuan, Dasar-dasar Kerajaan Malaysia dan juga modul-modul kerohanian sepertimana yang dibangkitkan kelmarin oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Beralih kepada Yang Berhormat bagi Sipitang, maaf, beralih kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar ingin juga saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kompleks sukan yang bertempat di Muadzam Shah dan Jengka, menurut Yang Berhormat bagi Parit Buntar, anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan itu adalah terlampau besar dan beliau juga khuatir kalau-kalau ianya akan menjadi *white elephant* ataupun “gajah putih”, memandangkan kepada unsur-unsur bilangannya yang kecil pada masa kini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam penyediaan kemudahan kompleks sukan seperti yang dimaksudkan, sesungguhnya pihak kementerian mengambil kira beberapa elemen ataupun unsur yang bukan sahaja terhad kepada pertimbangan terhadap bilangan penduduk masyarakat setempat malahan ianya juga mencakupi perancangan jangka masa panjang. Biasanya dalam lingkungan 5 hingga 15 tahun dan bukannya berasaskan kepada bilangan penduduk pada ketika ini sahaja. Lebih-lebih lagi pihak kementerian juga peka terhadap keperluan kemudahan-kemudahan seperti ini untuk masyarakat luar bandar dan inilah satu-satunya cara untuk Kementerian Belia dan Sukan memberikan kemudahan, khususnya kemudahan kesukan kepada masyarakat luar bandar.

Saya beralih kepada beberapa cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau kelmarin. Banyak telah pun diperkatakan tentang kekurangan, kesilapan ataupun kecacatan yang ada pada mekanisme atau sistem kita dalam usaha melahirkan atlet yang berprestasi tinggi di peringkat antarabangsa. Ini disemarakkan lagi oleh kegagalan kita untuk mendapat sebarang pingat dalam Sukan Olimpik, di Sydney baru-baru ini. Sesungguhnya Tuan Pengerusi, Kementerian Belia dan Sukan tidak meramalkan bahawa kita akan memperolehi sebarang pingat di Sukan Olimpik 2000 ini disebabkan oleh wujudnya satu fakta di mana hampir semua atlet yang bertanding dalam Sukan Olimpik 2000 ini adalah terdiri daripada atlet muda, hasil

daripada Program Penyediaan Atlet Komanwel sejak tahun 1998, kecuali sukan badminton.

Prestasi pemain badminton kita didapati merosot sebelum Sukan Olimpik sepertimana yang kita memperlihatkan dalam kekalahan pasukan kita dalam Piala Thomas sebelum ini. Walau bagaimanapun, kejayaan atlet sukan renang, gimnastik dan terjun telah pun berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik. Ini menggambarkan satu prestasi atlet yang agak menggalakkan sepertimana yang pernah saya huraikan dalam Dewan yang mulia ini.

Walaupun kita tidak berjaya memperolehi sebarang pingat tetapi usaha kita untuk menyediakan atlet muda yang berpotensi sehingga ke tahap melayakkan diri di Sukan Olimpik. Inilah satu-satunya *trend* ataupun perkembangan yang positif yang perlu kita ambil kira. Dan saya juga berharap usaha sedemikian akan dapat berterusan dengan sokongan rakyat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Larut bangun Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat sebut tentang badminton kerana dulu di Olimpik, kita mendapat pingat perak dan gangsa. Pada satu ketika, pasangan beregu kita, Razif dan Jalani ada mencipta servis “s” Tetapi akhirnya gara-gara terpengaruh dengan kehebatan Barat, kita asyik tertipu. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah ini akan berterusan dalam permainan politik sukan? Kerana apabila kita mencipta sesuatu, kita asyik kena main.

Sebagai contoh, hoki. Dulu hoki negara-negara Asia seperti India, Pakistan, termasuk Malaysia apabila bermain di padang rumput, kita menjadi jaguh tetapi apabila Barat memperkenalkan padang jenis *astroturf* nampaknya mereka lebih hebat daripada negara-negara lain. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah langkah-langkah kita sebagai usaha juga untuk menangani pihak-pihak Barat ini, sedangkan kita asyik dimainkan oleh mereka. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Larut kerana saya sesungguhnya faham apa yang Yang Berhormat cuba hendak dapatkan dari pihak kementerian saya tetapi oleh kerana sekarang ini, acara sukan

badminton khususnya tengah diberi tumpuan untuk memperbaiki prestasinya dan saya ingat saya juga pernah menghuraikan kelemahan yang ada pada skuad badminton kita beberapa ketika yang lalu dan saya janji saya akan memberikan maklumat yang lebih lengkap kepada Yang Berhormat mengenai perkara ini sebab saya tahu apa yang Yang Berhormat hendak. Mungkin Yang Berhormat sabar buat sementara waktu dan saya akan cuba dapatkan maklumat yang lebih menyeluruh kepada Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Saya hendak menyentuh tentang kepimpinan BAM. Nampaknya sehingga ke hari ini, BAM masih menghadapi kemelut masalah tentang tidak ada siapa yang hendak mengambil alih pucuk pimpinan khususnya presiden. Jadi, kita ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian dan campur tangan kementerian setakat ini, adakah ini akan berterusan? Seolah-olah tidak ada siapa lagi yang berani kerana pembangkang sentiasa mendesak apabila kegagalan berlaku supaya menteri letak jawatan atau seseorang itu meletakkan jawatan. Adakah ini telah menjadi jalan penyelesaian ianya dapat mengatasi kelemahan ataupun kemerosotan yang telah berlaku dengan desakan supaya mana-mana individu atau personaliti meletakkan jawatan. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sesungguhnya apa yang dimaksudkan tadi itu adalah berkisar kepada kemelut yang dimaksudkan dan inilah satu-satunya persoalan ataupun permasalahan yang perlu ditangani bagaikan “menarik rambut dalam tepung” dan saya janji, saya akan berikan butir-butir yang berkenaan dengan selanjutnya walaupun sebelum ini saya pernah jawab. Yang Berhormat boleh rujuk balik kepada apa yang pernah saya huraikan sebelum ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada ...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Arau bangun.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya sila.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak minta laluan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Kita dapati bahawa di negara kita, kita mempunyai atlet yang boleh dibanggakan dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, masalah yang selalunya timbul adalah masalah kemelut. Bila sebut

masalah kemelut, ini adalah *human problem* dan masalah *politicking*, gaya hidup, cara hidup orang Malaysia. Saya rasa bukan sahaja dalam bidang sukan tetapi dalam bidang yang lain. Banyak perkara yang dipolitikkan, yang sebenarnya tidak menguntungkan kita.

Saya hendak minta pihak kementerian, kalau boleh di peringkat kementerian sendiri mengadakan satu *committee* ataupun jawatankuasa untuk mengkaji dan meneliti masalah ini supaya persatuan-persatuan sukan yang ada di negara kita tidak terperangkap dengan kemelut kerana kemelut inilah yang menyebabkan kita gagal. Jadi, *this is the first issue* ataupun isu yang penting dan utama yang menyebabkan kegagalan kita. Kita hendak ubah *attitude* (sikap) rakyat Malaysia supaya kalau kita mempunyai pemimpin, kita harus respect dan kita harus memberikan sokongan kepada pemimpin.

Jika kita ada mempunyai kelab sukan, pemain bertindak sebagai pemain. Persatuan bertindak sebagai pengurus dan juga orang-orang yang terlibat dalam membuat keputusan dalam persatuan. Saya nampak di Malaysia ini, *attitude* kita tidak betul. Kalau kita jadi pemain, kita melibatkan diri dalam soal-soal yang lain. Kalau kita jadi pengurus sesebuah pasukan ataupun presiden kepada sesuatu pasukan, kita terlibat dengan perkara-perkara yang lain. Jadi, kita tidak fokus kepada tugas kita. Jika kita tidak fokus, kita tidak mencapai kejayaan dan ini saya rasa masalah penting dan saya pohon kementerian membuat satu kajian *adapt* dengan izin, ataupun ...

**Datuk Ong Tee Keat:** Menyesuaikan diri.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** .....menerapkan sikap yang betul kepada semua pihak supaya kita berjaya dan begitu juga dengan parti politik pun, kita nampak pembangkang apabila sudah habis pilihan raya, masih lagi sibuk dengan kempen. Saya cukup tidak bersetuju dengan sikap ini kerana ia akan menggagalkan negara. Ini yang akan menggagalkan pencapaian kita. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan apa yang dicadangkan atau disarankan tadi oleh Yang Berhormat bagi Arau. Sesungguhnya persatuan-persatuan sukan, khususnya di peringkat kebangsaan bukanlah gelanggang untuk mencari pengaruh ataupun gelanggang untuk mencari *glamour* individu.

Sebaliknya, ianya merupakan satu-satunya saluran untuk membolehkan kita dalam NGO untuk membangunkan sesuatu acara sukan yang berkenaan.

Beralih kepada soalan lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi. Suka saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa kementerian saya telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Pembangunan Kemudahan Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Inilah satu-satunya usaha bersepadu yang menjurus ke pencapaian matlamat yang disarankan oleh Yang Berhormat. Jawatankuasa yang dimaksudkan itu sebenarnya ditubuhkan dengan tujuannya untuk menyelaraskan pembangunan sukan yang perlu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan supaya ianya dapat memenuhi program pembangunan sukan secara total ataupun menyeluruh.

Yang Berhormat bagi Arau juga membangkitkan soal kelesuan persatuan-persatuan belia tetapi bagi saya ianya tidak semestinya mempunyai hubungkaitnya dengan adanya program Rakan Muda. Sesungguhnya sejak adanya program Rakan Muda pada tahun 1994 persatuan-persatuan belia ataupun NGO-NGO belia yang berkenaan patutlah berkecimpung secara lebih giat lagi untuk menjayakan program-program Rakan Muda yang disasarkan kepada kaum belia dan bukannya menjadi semakin lesu. Soal ini diselidik dengan menyeluruh oleh kementerian saya seperti mana yang pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, satu kajian yang menyeluruh telah pun dijalankan, diusahakan oleh cendekiawan-cendekiawan dari Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dan saya berharap menjelang bulan Januari satu laporan muktamad akan dapat diterima mengenai perkara yang berkenaan. Kelesuan persatuan-persatuan belia juga didapati bersabit dengan semakin terhakisnya semangat kesukarelaan di kalangan kaum belia semasa. Usaha membangunkan persatuan-persatuan belia yang lesu melalui program pengupayaan persatuan-persatuan belia tengah dijalankan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya Larut bangun Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pendek sahaja saya hendak tanyakan Yang Berhormat. Setujukah

Yang Berhormat kalau Kementerian Belia dan Sukan ini dipisahkan supaya belia khusus kepada belia kerana saya pun terbabit dengan aktiviti belia dan sukan khusus kepada sukan, apa pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, sebenarnya ini merupakan satu ura-ura yang pernah dibangkitkan beberapa ketika yang lalu tetapi setelah dikaji setahu saya setakat inilah belum ada lagi sebarang keputusan untuk memisahkan sukan daripada belia sebab setiap ura-ura itu tetap mempunyai baik buruknya, pro dan kontranya dan ini perlu diselidik dengan berhati-hati sebab sebelum kita membuat keputusan itu andainya aspek-aspek ataupun unsur-unsur negatif itu ditinjau dengan teliti, ianya akan membawa kesan yang tidak diingini.

Berbalik kepada soal kelesuan persatuan-persatuan belia tadi, suka saya memaklumkan Yang Berhormat bagi Arau bahawa usaha membangunkan persatuan belia yang lesu melalui program pengupayaan persatuan belia dijalankan dengan menerusi penekanan terhadap kepimpinan, pengurusan dan pemupukan semangat kesukarelaan. Inilah satu-satunya yang harus diberi penekanan dengan adanya program Rakan Muda Alaf Baru. Di samping itu program Rakan Muda.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Arau bangun pula.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tun. Saya sedikit sahaja hendak beri pandangan di sini Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi menyebutkan tadi ada tiga perkara penekanan untuk persatuan belia. Kalau Yang Berhormat bersetuju dan saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat kalau dapat supaya persatuan belia juga diberi peranan untuk mereka melibatkan diri dalam menggalakkan atau menghidupkan kebudayaan. Kita tahu dulu persatuan belia adalah di antara ahli masyarakat yang menjaga dan menentukan kebudayaan negara dapat terus dipertahankan. Hari ini banyak kebudayaan yang telah pun ketinggalan dan satu lagi sukan sudah tentulah. Jadi dua perkara ini, sukan dan kebudayaan adalah menjadi sebagai satu gerakan yang boleh menghidupkan persatuan belia, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih Yang Berhormat. Kiranya kita mengkaji dengan secara total tentang perancangan program Rakan Muda. Ini memang mencakupi unsur-unsur seperti Rakan Muda Seni Budaya, Rekreasi, Waja

Diri dan sebagainya. Kesemuanya terdapat 9 gaya hidup yang dianggap positif. Tetapi dari maklum balas yang kita perolehi setakat ini, penglibatan belia lebih cenderung kepada acara-acara yang bersifat waja diri dan juga rekreasi dan jarang-jarang saya nampak ada permohonan misalnya ataupun perancangan yang dikemukakan oleh badan-badan NGO belia ini yang bersabit dengan aktiviti seni budaya. Inilah satu-satunya fenomena yang perlu kita kaji. Fokus ataupun penekanan.....

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Ini saya ingin menyentuh berhubung dengan Rakan Muda. Saya ingin tanya kementerian sejak program Rakan Muda ini dianjurkan apakah pencapaian besar yang telah diperolehi oleh kementerian ini dari segi kemajuan belia-belia itu kerana kita dapat melihat program Rakan Muda ini yang mendapat keuntungan ialah pembekal ataupun supplier, sementara belia-belia yang diurus semakin lesu, semakin lepak di sana sini. Jadi pada saya, Menteri kementerian ini sendiri, Timbalan Menteri dia, pegawai-pegawai dia harus mengkaji sistem itu sendiri, tengok sistem kita, bolehkah berkesan ataupun tidak. Kalau tidak, kita jangan teruskan, kita cari pendekatan yang baik kerana kementerian ini diberi mandat oleh kerajaan untuk mengurus belia-belia negara kita yang bakal mewarisi kepimpinan negara dan ianya hendaklah diurus dengan baik, kalau kita lihat sistem kita itu boleh memudaratkan, mendatangkan kerugian, kenapa tidak dibincang satu sistem atau mekanisme yang paling tepat untuk mempertingkatkan lagi mutu dan kredibiliti belia-belia di negara kita ini. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinbatangan itu sesungguhnya tengah dijalankan oleh kementerian saya, ini bukan saya hendak cari alasan. Pada hakikatnya perancangan program Rakan Muda Alaf Baru dengan pelawaan kepada badan-badan belia NGO supaya mereka in dapat menyalurkan pandangan dan cadangan mereka untuk menjayakan program Rakan Muda serta memberikannya nafas baru, inilah salah satu pendekatan yang pihak Kementerian Belia dan Sukan mengambil pada ketika ini, bukan kita tidak peka terhadap kajian ataupun maklum balas yang diperolehi dari kalangan peserta kita. Di samping itu apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi itu, Program Rakan

Muda pada masa yang lampau hanya memanfaatkan si pembekal sahaja. Saya rasa ini bukanlah satu dakwaan yang adil sebab dalam setiap program itu sudah tentu ada pihak yang dapat manfaatnya baik dari segi wang ringgit khususnya bagi pembekal, takkan tidak ada pembekal tetapi....

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dulu Yang Berhormat, biar saya habiskan ayat saya. Tetapi jangan lupa Yang Berhormat bahawa setakat ini Program Rakan Muda ini lebih bersifat preventive ataupun penghindaran, menghindarkan kumpulan sasaran kita daripada terjebak kepada pengaruh yang negatif dan pengaruh negatif ini juga berbeza-beza. Kiranya kita membandingkan gejala sosial yang ada sekarang dengan apa yang berlaku pada awal tahun 90-an itu maka jauh perbezaannya dan itulah sebabnya Program Rakan Muda ini bukanlah sesuatu yang statik. Ianya perlu dinamis, perlu dikaji dari masa ke semasa...

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dulu Yang Berhormat Beluran ya, saya habiskan yang ini dahulu. Dalam pada itu, payah juga kita hendak menyukat tahap keberkesannya. Dari segi wang ringgit mungkin sesuatu program itu kita boleh menyukat sejauh mana ianya berjaya dan sebagainya ataupun seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat. Si pembekal itu berapa untung dia dapat, itu boleh disukat dari segi wang ringgit tetapi dalam pelaksanaan Program Pembangunan Insan seperti ini payah kita hendak menyukatnya sebab bilangan belia semakin meningkat takkan semakin menurun. Soal ataupun permasalahan yang dihadapi oleh kaum belia juga bertambah rumit dan inilah faktor-faktor yang perlu diambil kira.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri siapa, dua orang ini.

**Datuk Ong Tee Keat:** Kinabatangan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Persoalan yang saya kemukakan tadi sekurang-kurangnya kementerian ada kepastian ataupun kalau tidak ada kepastian ada harapan atau jaminan untuk melihat masa depan belia itu menerusi program Rakan Muda boleh diteruskan. Jadi saya berpandangan sekiranya

ada harapan, ada jaminan program ini perlu diteruskan dari masa-masa terus ke masa-masa yang akan datang dengan syarat tertentu kita harus mengkaji pelaksanaan kita dan sistem itu sendiri kerana kalau semua kali kita tidak tahu statistik dia, kemungkinan-kemungkinan dia, ini sudah menampakkan satu kegagalan kepada kita. Yang kedua soal keuntungan pihak pembekal. Kita memang melihat kontraktor juga untung tetapi janganlah kontraktor untung semua anjuran kita menjadi tidak menentu. Ini amat merugikan kerana kita semua yang penting harus ada komitmen, kontraktor yang dipilih, yang dilantik harus diberi penjelasan bahawa kita punya anjuran ini untuk memastikan belia-belia kita menerima manfaat dia, jangan kontraktor memonopoli segalanya.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi. Soal kontraktor itu ataupun si pembekal. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi janganlah kita mengkaji ataupun menilai keberkesanan pelaksanaan program Rakan Muda hanya dari sudut sahaja iaitu dari sudut perangkaan penyertaan sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini bilangan peserta yang mengikuti program Rakan Muda walaupun ramai tetapi kiranya kita membuat satu perhitungan purata maka setiap orang beliawan atau beliawanis yang mengikuti program Rakan Muda ini hanya menjangkau sekali dua sahaja bagi seseorang individu dan bukannya 9 atau 10 kali seperti mana yang dirancangan. Ini disebabkan oleh adanya kekangan dari segi wang ringgit, peruntukan dan juga guna tenaga. Ini merupakan permasalahan ataupun cabaran yang Kementerian Belia dan Sukan hadapi selama ini. Saya kena beritahu Yang Berhormat sebab apa setiap soal itu bukan kita cuba hendak cari alasan tidak tetapi baik buruknya masalah itu kena dikenalpastikan. Ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menerima hakikat bahawa terlalu sukar bagi kita untuk menilai sejauh mana impak keberkesanan program Rakan Muda ini terhadap belia dan saya terima hakikat bahawa seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri bahawa program Rakan Muda telah some sort of menjadi preventive kepada belia-belia kita. Adakah alasan ini berasaskan kepada satu kajian ataupun assessment yang telah dibuat oleh kementerian kerana jika kita lihat sebahagian besar daripada peserta-peserta kursus adalah merupakan belia-belia yang tidak bermasalah, sebahagian besar daripada

mereka dan adakah selepas mengikuti program-program Rakan Muda ini diadakan kajian ataupun assessment terhadap perkembangan belia yang mengikuti kursus ini oleh kementerian untuk menentukan bahawa program-program ini sesungguhnya telah menjadi satu prevention bagi mereka untuk terjerumus daripada masalah-masalah yang lain. Sekian.

**Dato' Ong Tee Keat:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Bila saya menyentuh soal kerumitan menyukat keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda itu sebenarnya ini berasaskan kepada maklum balas yang kita peroleh dan itulah sebabnya yang memangkinkan pihak Kementerian Belia dan Sukan mengusahakan satu kajian yang menyeluruh tentang keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda sebelum ini. Seperti mana yang saya janji tadi, laporan muktamadnya akan dikeluarkan, akan dapat kita perolehi menjelang bulan Januari. Dalam pada itu, usaha untuk merancang ataupun menambahkan dimensi baru, memberikan nafas baru pada Program Rakan Muda tetap dijalankan, ianya telah pun dilancarkan dalam bentuk *soft launch* pada 14 Oktober baru-baru ini oleh menteri sendiri. Ianya juga akan dilaksanakan secara *full swing* dengan izin, dengan sepenuhnya menjelang 1 Januari 2001.

Inilah satu bab yang baru untuk Program Rakan Muda dan kiranya Yang Berhormat hendak mendapatkan perbezaan di antara Rakan Muda alaf baru dengan Program Rakan Muda yang sedia ada itu, jelaslah kita dapat membezakannya sebab dalam Program Rakan Muda alaf baru yang dirancangkan sekarang pelbagai kaedah baru telah pun diambil, umpamanya penyertaan dan juga pemberian maklum balas dari kumpulan sasaran kita melalui laman web, ini yang pertama. Yang keduanya, penekanan terhadap pemupukan semangat kesukarelaan ataupun *volunteerism*. *Volunteer* ini ataupun sukarelawan ini sebenarnya tidak terhad sahaja kepada kaum remaja sahaja, ianya juga merangkumi golongan yang lain umpamanya golongan warga-warga usia emas kita juga turut terlibat.

Apa yang kita hendak adalah pengalaman dan juga fikiran bernas mereka untuk menjayakan program-program Rakan Muda khususnya di peringkat akar umbi. Ini satu aspek yang baru di samping itu badan-badan belia NGO juga dipelawa agar memberikan input mereka ataupun cadangan mereka tentang program-program yang

didapati *viable* dengan izin, supaya ianya dapat menarik minat kumpulan belia kita dan bukannya semata-mata dirancang, digariskan oleh pihak kementerian. Sekiranya semua ini dirancang oleh pihak kementerian maka ianya tidak semestinya dapat menarik minat semua pihak. Sebab apa yang kita hendak adalah menjurus kepada penarikan minat kumpulan yang kita sasarkan. Kalau tidak ianya tidak akan berjaya sekiranya unsur ini tidak diambil kira.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. NGO yang mengambil bahagian aktif dalam perkhidmatan sosial sukarelawan seperti di Johor Bahru, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia boleh dikatakan tiap-tiap minggu mereka dengan kerjasama dari NGO yang lain di daerah Johor Bahru mengadakan kempen derma darah dan pendermaan organ. Adakah pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat supaya memberikan satu galakan kepada Persatuan Bulan Sabit Malaysia cawangan Johor Bahru status Rakan Muda sebagai satu galakan. Dengan memberikan status ini mereka akan dapat bantuan kewangan daripada Kementerian Belia dan Sukan dan ini akan dapat menarik lebih ramai belia dan beliawanis untuk menyertai NGO-NGO seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk menyertai aktiviti-aktiviti kesukarelawan ini dan ini akan dapat memupuk semangat kesedaran sivik di antara belia-belia ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, untuk makluman saya pernah mengunjungi Persatuan Bulan Sabit Merah yang berkenaan pada satu ketika yang lalu dan saya telah pun menyarankan kepada mereka agar program seperti itu dapat diberikan status Rakan Muda. Bukan setakat itu sahaja sebenarnya program yang sedemikian patut dicontohi dan diperluaskan lagi ke daerah-daerah yang lain. Inilah satu-satunya contoh yang boleh kita ambil sebagai Rakan Muda masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Tadi dalam jawapan kepada Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat ada menyatakan penyertaan kebanyakan remaja ini sekali sahaja dalam satu program sepanjang program. Tetapi pada hakikatnya adakah Yang Berhormat sedar ataupun

Yang Berhormat mendapat maklumat bahawa ada dalam kebanyakan hal banyak program Rakan Muda orang yang sama sahaja yang mengambil bahagian. Ini hakikatnya kerana ada pegawai-pegawai belia yang sepatutnya menjañkan kegiatan ini menswastakan program masing-masing kepada NGO, kepada belia itu, kepada belia ini dan tidak ada pengawasan daripada pegawai, terserah kepada NGO sedangkan hasrat program diserahkan tetapi hasrat, matlamat tidak diserahkan. Maknanya tidak jelas kepada NGO. Jadi dalam kebanyakan hal remaja ikut serta dalam Program Rakan Muda ibarat melepaskan macam batuk di tangga. Mereka hadir tanpa ada hasrat dan semangat yang sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, soal penswastaañ program Rakan Muda yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini saya tidak pernah dengar. Apa yang kita galakan selama ini adalah permuafakatan di antara pihak swasta termasuk pihak korporat, NGO dan juga pihak berkuasa dengan menerusi Jabatan Belia dan Sukan di peringkat akar umbi dan bukannya menswastakannya secara total. Ini bukanlah program yang kita cuba hendak memberikan keuntungan kepada mana-mana pihak. Apa yang penting adalah penglibatan belia dan beliawanis kita dalam program-program yang digariskan.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Maksud saya menswastakannya bukan dari segi komersial tetapi pegawai belia lepas tangan, maksud saya itu.

**Dato' Ong Tee Keat:** Lepas tangan!

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Jadi maknanya dia serahkan kepada NGO belia.

**Dato' Ong Tee Keat:** Itu bergantung kepada ciri-ciri program yang berkenaan sama ada ianya diusahakan oleh pihak NGO dengan bantuan pihak kementerian atau Jabatan Belia dan Sukan ataupun peranan Jabatan Belia dan Sukan hanya sekadar penaung semata-mata. Itu ada bezanya Yang Berhormat.

Berbalik kepada soal Yang Berhormat bagi Arau. Fokus Program Rakan Muda ini sesungguhnya tidaklah tertumpu kepada kawasan bandar sahaja. Ianya merangkumi kawasan golongan IPT yakni IPTS dan IPTA serta kawasan industri, kawasan skim-skim pembangunan tanah dan estet dan juga pusat-pusat membeli belah.

Apa yang penting adalah mengenal pasti kumpulan sasaran kita. Ada yang dari kawasan bandar dan ada juga dari kawasan luar bandar. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Arau kelmarin selama ini pihak kementerian tetap mengambil berat tentang peri pentingnya Program Rakan Muda ini mendekati kumpulan siswa-siswi di IPTS dan IPTA kita. Itulah sebabnya kementerian telah menubuhkan sekretariat Rakan Muda di beberapa buah IPTA yang sedia ada. Saya juga berharap pihak IPTS juga dapat mencontohi perkembangan sedemikian.

**Tuan Pengerusi:** Panjang lagikah Yang Berhormat.

**Dato' Ong Tee Keat:** Ada beberapa orang lagi yang saya belum lagi menjawab.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Taib Azamudden bin Mohd Taib:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak nafikan usaha-usaha yang sedikit sebanyak telah dijalankan oleh pihak kementerian bagi mengatasi gejala-gejala yang tidak diingini di kalangan belia, lebih-lebih lagi apabila program-program Rakan Muda ini diketengahkan. Cuma sejauh mana pemantauan ataupun sebagainya untuk pihak kementerian memastikan kejayaan Rakan Muda dari segi penglibatan komitmen daripada kumpulan sasaran itu tadi. Kerana dari beberapa perkara yang membimbangkan kita masyarakat dan negara, kalau kita lihat dalam laporan *Buletin Dadah* tahun 2000 misalnya, menyatakan bahawa penagih dadah baru di setiap hari di negara kita ini 75 orang satu hari dan di mana 82.26% adalah terdiri daripada golongan muda.

Jadi 82.62% daripada golongan muda dan juga terdapat laporan-laporan lain yang boleh kita lihat yang mendedahkan belia di negara kita ini di antara belia-belia yang masih bersekolah yang menghadapi kes-kes sosial yang cukup membimbangkan.

Jadi di samping kita mengakui apa yang telah dijalankan selama ini, apakah usaha-usaha pihak kementerian selanjutnya yang maksud saya ialah untuk memastikan komitmen kejayaan yang dilakukan oleh pihak kementerian supaya perkara-perkara yang seumpama ini kita dapat atasi. Maknanya dari masa ke semasa walaupun mungkin untuk menghapuskan 100% itu satu perkara yang menimbulkan

banyak kerenah yang lain. Jadi ini yang saya minta supaya penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Ong Tee Keat:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Baling. Gejala sosial ini merupakan salah satu permasalahan utama yang perlu ditangani bukan sahaja oleh Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga oleh semua pihak termasuk juga beberapa kementerian yang lain dan itulah sebabnya Kementerian Belia dan Sukan sentiasa peka dengan perlunya usaha kita bersepadu yang dicurahkan ke arah pembasmian gejala sosial yang dimaksudkan termasuk juga penyalahgunaan najis dadah.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan telah pun berjaya menggerakkan kembali Majlis Perundingan Negara yang telah pun lesu akibat melandanya kegawatan ekonomi pada 1997 dan kini ianya digerakkan kembali dengan penglibatan lebih ramai lagi wakil-wakil daripada NGO dan juga daripada parti-parti politik yang sedia ada termasuk juga parti Yang Berhormat. Tetapi malangnya setakat ini saya belum lagi nampak sebarang respons dari pihak parti Yang Berhormat. Ini satu fakta ya Yang Berhormat, sebab bukan saya hendak cuba mengkitkan soal politik tetapi ini satu fakta.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah pengelolaan Majlis Perundingan Belia Negara ini, terdapat lima buah jawatankuasa kerja. Antara lain termasuk jawatankuasa kerja untuk menangani gejala-gejala sosial yang saya ketuai dan saya juga mengambil *approach* atau pendekatan secara terbuka dengan melibatkan pihak NGO dari komuniti-komuniti yang berlainan, umpama dari kalangan bumiputera, kaum Cina, kaum India dan sebagainya. Ini satu titik tolak yang positif. Kita juga berharap dengan adanya *input* ini tidak semestinya datang dari pihak kerajaan sahaja tetapi juga dari semua pihak termasuk juga mereka yang tidak semestinya sehaluan dengan pihak parti pemerintah.

Apa yang penting ini adalah cadangan yang bernas untuk memerangi gejala sosial. Itulah forum yang saya fikir yang mirip kepada Parlimen belia. Saya juga berharap wakil dari parti Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat bagi Pokok Sena dapat menyertainya bersama dengan beberapa orang pemimpin belia dari parti-parti politik yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kesuntukan masa, saya terpaksa beralih kepada beberapa cadangan dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan skim jawatan ahli sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, skim yang berkenaan adalah untuk membolehkan atlet yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta dimasukkan ke dalam skim jawatan ahli sukan ini agar dapat menerima latihan *full time*, dengan izin, ataupun sepenuh masa untuk menyertai satu-satu kejohanan antarabangsa, sedangkan program pembangunan bakat ini merupakan program latihan atlet berbakat di kalangan umur 13-15 tahun atau di bawah umur 12 tahun bagi sukan gimnastik dan renang dengan menerusi latihan di sekolah-sekolah dan kompleks sukan yang dipilih.

Program ini dimulakan sejak tahun 1991 dengan tujuan untuk melatih dan membina kemahiran asas atlet-atlet muda kita. Ianya telah pun banyak membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan kita dalam usaha penyediaan atlet pelapis yang perlu dilatih untuk mewakili negara. Umpamanya dalam bidang olahraga, hoki, sepak takraw, bola sepak, badminton dan ping pong.

Bersabit dengan kemudahan latihan pula, Tuan Pengerusi, Kementerian Belia dan Sukan akan terus membantu kerajaan negeri untuk menyediakan kemudahan sukan bagi membolehkan atlet-atlet kita menjalani latihan masing-masing di bawah Rancangan Malaysia Ke-8.

Soal pemakanan dan bentuk fizikal juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang kelmarin. Kementerian saya sedar akan peri pentingnya pemakanan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi seseorang ahli sukan itu, tetapi dalam hubungan ini harus diingat bahawa pemakanan harus bermula dari peringkat bayi lagi dan bukannya hanya diberi tumpuan semasa seseorang itu menjalani latihan di pusat-pusat sukan sahaja. Dalam erti kata lain, ianya lebih merupakan satu tanggungjawab bersama, bukan sahaja tanggungjawab pihak kementerian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih atas jawapan tentang fungsi bahagian-bahagian yang telah diterangkan tadi. Saya melihat bahawa kita mesti ada rancangan jangka panjang. Saya tidak menyalahkan atau mahu

menekankan tanggungjawab kepada kementerian sahaja tetapi ahli-ahli sukan negara dan juga pemimpin-pemimpin sukan kita mesti faham bahawa di antara faktor yang mendorong ke arah kejayaan dalam sukan itu ialah bentuk tubuh badan fizikal, kekuatan otot di samping genetik dan sebagainya. Salah satu cara untuk membesarkan otot ini ialah melalui pemakanan.

Saya memang setuju bahawa pemakanan itu bermula daripada janin lagi iaitu dalam perut ibu seterusnya lahir dan sebagainya. Tetapi yang saya ingin tekankan di sini, kita boleh juga mengatur program melalui pemakanan yang berprotein tinggi dan juga membesarkan tubuh badan ini apabila meningkat proses tumbesaran yang mana tumbesaran ini bermula daripada sejak umur 6-17 tahun.

Yang saya tekankan di sini ialah kita mesti ada satu *pool* yang besar menyediakan kumpulan belia anak-anak muda misalnya sekarang ini, kita ada anak-anak muda kita yang berumur di antara 7-17 tahun. Kalau purata 300,000 setiap umur kumpulan, kita ada 3.6 juta belia-belia ini yang boleh kita pilih. Tetapi kalau kita tidak ada program kita akan memilih *the best among the worst*, dengan izin. Kenapa tidak boleh kita pilih *the best among the best* di antara yang banyak itu, barulah boleh kita melahirkan kumpulan sukan ini. Sebab itu saya ingin menekankan bahawa satu program yang besar yang ada pakar-pakar pemakanan, ada pakar psikologi, ada pakar sukan, ada individu tertentu yang boleh memikirkan soal ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sesungguhnya soal pemakanan dan juga sports science telah pun diberikan penekanan yang wajar di pusat-pusat latihan kita khususnya pusat-pusat latihan di bawah MSN ataupun Majlis Sukan Negara. Ini satu perkembangan yang baik. Bukan kita hendak ikut jejak kaki negara-negara Barat tetapi ini lebih merupakan satu unsur yang wajib ada sekiranya kita serius dengan usaha membangunkan sukan negara. Dan apa yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat sebagai seorang doktor, itu tetap diberi perhatian dan juga kiranya boleh ianya patut diterapkan dalam program yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Sipitang juga membangkitkan perlunya menubuhkan satu panel untuk pemantauan pembangunan sukan buat jangka masa panjang. Ini adalah satu cadangan yang bernas. Kementerian Belia dan Sukan sesungguhnya

sentiasa menerima cadangan daripada mana-mana pihak sahaja untuk membantu perancangan pembangunan sukan dan ini telah pun memangkinkan penubuhan Majlis Perundingan Sukan Negara. Ini berbeza daripada Majlis Perundingan Belia Negara. Ini sukan negara, di mana ianya memberikan semua pihak satu saluran yang efektif untuk menyalurkan pandangan dan juga kepakaran mereka untuk mencapai matlamat membangunkan sukan negara.

Tuan Pengerusi, beralih kepada beberapa pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli kelmarin. Suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa ketewasan kita dalam penawaran Kuala Lumpur sebagai tuan rumah bagi Sukan Asia tahun 2006, sesungguhnya merupakan satu peristiwa yang amat mengecewakan. Sebab-sebabnya telah pun saya huraikan sebentar tadi dalam sesi soal jawab. Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa sebelum ini, sebelum 12 November, 2000 iaitu tarikh pengundian yang dibuat oleh 42 orang wakil dari anggota-anggota OCA ataupun *Olympic Council of Asia*, pihak kerajaan kita dengan menerusi kementerian saya telah pun menerima sokongan dan komitmen secara terbuka, ada yang secara bertulis yang melafazkan sokongan mereka terhadap usaha Malaysia untuk mendapatkan hak penganjurannya.

Tetapi ini tidak sekali-kali menjanakan sokongan yang sama dalam pengundian yang berlangsung pada 12 November, 2000 baru-baru ini, sebab wakil-wakil yang mengundi itu terdiri daripada wakil-wakil dari Majlis Olimpik dari negara-negara anggota OCA yang berkenaan. Itulah sebabnya saya sebutkan tadi dalam pertimbangan pencalonan-pencalonan yang dikemukakan di mana Kuala Lumpur bersaing dengan Duha, Hong Kong dan New Delhi.

Sekiranya kita mengkaji dari segi penyediaan prasarana sukan, pengalaman dan juga kesediaan untuk menganjurkan temasya sukan yang berprestij ini, maka Kuala Lumpur merupakan satu-satunya bandaraya yang mempunyai kelebihan walaupun kita tidak berjaya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dahulu Yang Berhormat Kepong, biar saya habiskan dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sekejap, nanti dia jawab, Kepong, dia hendak habiskan dulu.

**Datuk Ong Tee Keat:** Dalam hubungan ini, unsur-unsur di luar dugaan kita perlu juga diambil kira. Ini di luar dugaan kita ini sebab ianya berlaku sebelum pengundian dibuat. Apa yang berlaku itu biasanya berbeza-beza. Ini tiada formula yang tertentu ataupun resipi yang tertentu untuk memenangi hak penganjuran. Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya bersimpati dengan kementerian sebab saya percaya kita mampu menganjurkan Sukan Asia. Cuma beberapa perkara yang terlintas. Yang pertama, adakah penyelewengan di peringkat Jawatankuasa Olimpik seperti mana yang berlaku di Atlanta dan juga di Sydney. Di Sydney Olimpik pun pernah berlaku penyelewengan. Adakah pihak kementerian akan menyiasat dengan teliti penyelewengan yang telah saya sebutkan ini.

Yang kedua, strategi yang diperolehi oleh kementerian. Adakah ini secocok dengan permintaan pihak Olimpik Asia sebab saya dengar dengan senyap-senyap kita akan memberi habuan atau hadiah kepada negara-negara anggota Olimpik. Adakah ini benar dan mungkin kerana kita buat salah dan pihak Duha ataupun negara mana itu? Saya pun tidak tahu negara mana itu ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Qatar ya. Qatar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Qatar. Saya pun tidak pernah dengar negara itu...

*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hai, jangan sampai macam itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memberi Duha kesempatan untuk mengalahkan kita.

Yang akhir sekali, walaupun kita berasa berputus asa dan saya bersimpati tetapi saya bercadang supaya pihak kementerian membuat persiapan untuk memohon semula bagi mengadakan Sukan Asia di Malaysia pada tahun 2008 ataupun yang akan datang selepas Duha untuk menunjukkan mereka begitu hebatnya Malaysia.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong mungkin ada perlunya saya memetik apa yang disebutkan oleh Mr. Timothy Fok dari Hong Kong yang mengelolakan penawaran Hong Kong

dalam hak penganjuran Sukan Asia tahun 2006 baru-baru ini selepas tertewasnya Hong Kong dalam penawaran yang sama.

Ucapan beliau boleh dipetik seperti demikian,

*“Kiranya mengikut apa yang dicadangkan oleh Kuala Lumpur iaitu kaedah yang sebersih mungkin dalam usaha menawarkan Hong Kong sebagai tuan rumah bagi Sukan Asia tahun 2006, apa yang kita boleh nampak adalah akhirnya enam undi untuk Hong Kong sahaja.”*

Ini saya boleh petik dari apa yang beliau ujar baru-baru ini dan ianya dilaporkan di media massa Hong Kong yang berbahasa Cina. Itu saya boleh baca dan saya masih simpan keratan akhbar itu. Kiranya Yang Berhormat minat bolehlah saya bagi, saya kongsi kanlah. Saya tidak berhajat hendak buat tuduhan atau hendak cari justifikasi tanpa sebarang asas yang kukuh tetapi untuk meyakinkan rakyat kita....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dulu Yang Berhormat, saya habiskan ayat ini dulu. Untuk meyakinkan rakyat kita dan juga mata dunia adalah dicadangkan bahawa persembahan di bandaraya-bandaraya yang dicalonkan termasuk Kuala Lumpur, Doha, Hong Kong dan New Delhi sebelum pengundian itu dibuat disiarkan melalui TV kita. Inilah satu cara bukan sahaja untuk meyakinkan rakyat kita tetapi memberikan rakyat kita satu peluang untuk menilai sendiri kelebihan dan kelemahan yang ada pada bandaraya -bandaraya calon yang berkenaan.

Dan kiranya kementerian sahaja yang mendakwa diri kita sebagai sebuah bandaraya calon yang mempunyai keunggulannya maka mungkin pihak parti lawan akan berpendapat bahawa kementerian masuk bakul angkat sendiri tetapi ini tidak, kiranya persembahan itu dapat disiarkan melalui TV yang sedia ada sebab ianya dirakamkan bukan secara sulit tetapi secara terbuka dengan penuh ketelusan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee :** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, yang mana seorang?

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya, Larut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut, ha, Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. DAP bukan tahu fasal sukan ini. Masuk-masuk tanya sahaja. Dia dalam hati dia suka itu. Lunas sudah lebur.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, terus kan Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, hendak masuk ini. Terima kasih Yang Berhormat. Kita sudah banyak kali bercakap tentang Sukan Asia. Ramai yang kecewa – kita tahu, dan kita tidak hendak menyalahkan sesiapa. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada di peringkat OCA ada formula baru, dicari satu formula sebagaimana Piala Dunia yang juga timbul satu kejutan berhubung dengan hak menjadi tuan rumah, perebutan antara Germany dengan Afrika Selatan, berhubung juga dengan undian. Negara itu berjanji hendak bagi kepada Afrika Selatan tiba-tiba muncul seorang daripada wakil negara lain berpaling tadah. Begitulah lebih kurang.

Jadi OCA, saya berpendapat kenapa tidak dicari satu formula supaya dibuat mengikut pusingan mengikut negara-negara tertentu supaya tidak timbul lagilah perbalahan, tuduh-menuduh sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya bagi Kepong tadi. Dia tidak pergi ke Lunas kerana dia kecewa dengan KeADILan. PAS pun setengah itu pun mungkin kecewa juga. Kalau PAS bertanding mungkinlah ada harapan.

Jadi Yang Berhormat, selain daripada itu saya juga tertanya-tanya apakah ada sabotaj daripada kalangan - saya tidak tahulah, mungkin ada hubung kait dengan pemilihan OCM baru-baru ini yang diadakan pada minggu yang lalu kalau tidak silap saya, ini saya tidak tahulah, mungkin Yang Berhormat boleh beri penjelasan. Kalau ini berlaku, kita bimbang apa juga yang kita hendak lakukan demi kepentingan negara akhirnya yang rugi bukan sahaja kerajaan bahkan rakyat jelata. Umpamanya kempen memburuk-burukkan negara kita di luar negara.

**Seorang Ahli:** Soalan?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, ini juga saya berpendapat menjadi salah satu mungkin penyebab sesetengah negara memandang bahawa mungkin tidak ada kestabilan keselamatan. Sebab ini berlaku dalam

penganjuran bola sepak di peringkat Asia apabila Lebanon disebut sebagai penganjur menjadi tuan rumah, timbul prasangka daripada negara–negara lain tentang keselamatan dan kestabilan di negara berkenaan. Tetapi akhirnya dengan keyakinan yang diberikan oleh negara berkenaan, Lebanon mendapat hak tuan rumah kejohanan bola sepak berprestij di peringkat Asia.

Jadi, saya berharaplah supaya di masa-masa akan datang kita mengambilnya sebagai iktibar, kita adakan *post mortem* dan saya rasa tidak perlulah lagi kalau kita hendak menayangkan video supaya menjadi hebahan kepada rakyat kerana rakyat sudah faham tidak menyalahkan sesiapa. Usaha telah pun kita buat., kita telah pun beri penjelasan.

Jadi, saya berpendapat kalaulah hendak ditayangkan video sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri, saya rasa tidak perlu lagilah kerana ini pun sudah sejuk. Cuma mungkin pihak pembangkanglah mungkin hendak jadikan isu dalam kempen-kempen mereka dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri Lunas. Ini kita sudah tahulah kerja pembangkang hendak memburuk-burukkan kerajaan sahaja. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, sesungguhnya unsur penggiliran rantau tidak dibangkitkan sebelum ini sebab kali ini pun pihak OCA memilih kaedahnya yang baru iaitu secara berpusingan. Itu sebabnya pusingan pertama New Delhi telah pun digugurkan dan sedemikian juga dalam pusingan yang kedua.

Dalam hubungan ini, kita tidak mempersalahkan sesiapa sebab kita memang menghormati hak mereka untuk memilih mana satu yang difikir sesuai ataupun wajar untuk menganjurkan Sukan Asia. Tetapi apa yang penting adalah *yardstick*, dengan izin, ataupun kriteria itu patut dipatuhi demi kesejahteraan pembangunan Sukan Asia dan bukannya sesebuah negara sahaja. Bersabit dengan....

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti Yang Berhormat. Bersabit dengan tuduhan-tuduhan di kalangan negara-negara yang tertentu yang juga dipetik oleh parti lawan termasuk Yang Berhormat bagi Jeli, kononnya kita memberikan negara-negara

anggota OCA sesuatu habuan, itu adalah tidak berasas sama sekali. Sebelum ini pun pernah saya menafikannya secara lantang sebab ianya pernah diheboh-hebohkan oleh media asing terutamanya akhbar Australia pada satu ketika yang lalu.

Dalam hubungan ini, demi ketelusan suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa apa yang kita pernah buat sebelum pengundian dibuat pada 12 November baru-baru ini adalah sekadar memberikan cenderahati yang berupa tali leher (tie), scarf, itu kita pernah bagi bukan sahaja kepada anggota OCA sahaja tetapi kepada sebarang pelawat kita ataupun badan-badan Majlis Olimpik dari negara-negara yang bersahabat dengan kita. Ini satu ya.

Yang keduanya, pihak Majlis Sukan Negara pernah juga mendapatkan khidmat jurulatih dari beberapa buah negara yang tertentu. Itu pun kiranya ini dianggap sebagai habuan, saya rasa ianya tidak berasas dan ianya tidak adil sama sekali sebab pengambilan jurulatih dari negara-negara yang menganggotai OCA yang tertentu adalah semata-mata untuk memperbaiki prestasi kita khususnya dalam acara-acara sukan yang tertentu yang kita sedia maklum bahawa dalam acara seperti gusti, memanah, judo dan sebagainya kita lemah. Maka perlulah kita cuba dapatkan mereka yang lebih maju daripada kita, umpamanya dari Mongolia dan juga Kirgizstan.

Inilah satu fenomena yang patut saya maklumkan Dewan yang mulia ini demi ketelusan. Sebab kiranya perkara-perkara sedemikian dianggap sebagai habuan, saya pun tidak tahulah *yardstick* mana yang diterima pakai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, yang mana satu Yang Berhormat?

**Tuan Moktar bin Radin:** Kinabatangan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Beluran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beluran ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri. Jelas sekarang ini menunjukkan bahawa OCA itu tidak melihat kepada kriteria yang *distipulated* kan oleh OCA itu sendiri tentang persediaan prasarana dan juga adanya penonton, adanya tarikan dan sebagainya. Dan seperti yang dijelaskan lagi oleh Timbalan Menteri bahawa jawatankuasa yang

mempromosikan negara terhadap Sukan Asia ini tidak memberi sebarang habuan kepada mana-mana pihak dalam bentuk yang lebih spesifik.

Saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri, bagaimana keyakinan kita terhadap OCA ini sama ada pengalaman kita yang baru lalu ini dan begitu pahit sekali kita yakin bahawa OCA ini akan bertindak lebih adil di masa-masa akan datang dan dengan pengalaman ini sama ada kita ingin mencuba diri lagi untuk mendapatkan hak penganjuran melibatkan mana-mana sukan yang di bawah kelolaan oleh OCA di masa-masa akan datang.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya jawab tadi dalam sesi soal jawab, kita tidak pernah patah semangat. Selain daripada itu, kita juga akan terus berikhtiar untuk mendapatkan hak penganjuran temasya sukan yang bukan terkongkong kepada Sukan Asia sahaja. Mungkin ada juga temasya sukan yang lain yang berprestij yang akan dapat membawa manfaat kepada negara-negara Asia bahkan negara -negara yang bersahabat dengan kita. Apa yang ditonjolkan adalah matlamat untuk membangunkan sukan dalam negara kita dan juga di rantau ini.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang yang berdiri Yang Berhormat. Bagi yang mana?

**Datuk Ong Tee Keat:** Sri Gading.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya lebih terbuka. Kita menerima kegagalan kita dan saya harap kita terima dengan *gentleman*. Jangan kita salahkan sesiapa. Saya sebenarnya walaupun kecewa dengan keputusan di Fusan pada 12hb. namun kita menerima hakikat kalau kita tidak terpilih, jangan kita salahkan sesiapa.

Saya amat bangga dengan Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan kita yang begitu bersungguh-sungguh melobi, berusaha sejak berbulan-bulan malahan bertahun untuk mendapatkan status tuan rumah dalam Sukan Asia tahun 2006. Tetapi apakan daya setelah usaha kita yang bersungguh-sungguh itu gagal, kita tidak boleh

hendak menyalahkan kementerian, tidak boleh menyalahkan kerajaan dan tidak boleh kita menyalahkan OCA. Lebih baik kita menerima dengan lapang dada kerana kita juga perlu menjaga hubungan baik antara negara-negara sahabat.

Tuduhan-tuduhan melulu daripada puak pembangkang dan sesiapa sahaja jangan kita layanlah kerana antara tuduhan-tuduhan melulu ini sebenarnya batu api yang sebenarnya boleh merosakkan masa depan negara kita di mata negara-negara sahabat di dunia tentang hubungan kita dengan negara-negara yang lain.

Jadi, saya rasa kita tutup sahaja cerita kegagalan kita ini, lebih baik kita membina hubungan yang baik dengan negara-negara yang lain kerana hari esok masih ada. Soal kegagalan kita itu kita terima. Ini soal menang kalah perkara biasa. DAP pun gagal juga. Sepatutnya dia bertanding di Lunas, dia pun tidak dapat kan? Dia lengit dengan parti KeADILan. Itu satu kegagalan juga. Ini soal gagal berjaya soal biasa.

Jadi, saya harap dan semua rakyat negara ini saya rasa kita lebih baiklah mengeluarkan fikiran-fikiran yang boleh mengharmonikan negara kita di kaca mata negara-negara sahabat demi masa depan sukan negara kita dan hubungan baik antara kita dengan negara-negara lain. Ini seperti macam - saya menyelar sikap.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pertanyaan ini, Tuan Pengerusi, pertanyaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini macam buat ucapan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, tidak. Ini hendak sampai kepada Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau macam ini sampai tengah malam ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya kesal dengan beberapa pegawai pegawai MOM (Majlis Olimpik Malaysia) sudah keterlaluan sangat, macam Setiausaha Agung dia sudah keterlaluan sangat hingga menyinggung perasaan negara-

negara sahabat dan ini menjejaskan peluang kita sebenarnya untuk bersaing dalam merebut beberapa tender di Qatar, di Doha.

Sebenarnya kalau ada hubungan baik, peniaga-peniaga kita berpeluang untuk membina trilion jumlah prasarana yang harus dibangunkan di Qatar tetapi kerana hubungan ataupun mulut celupar setengah-setengah pegawai MOM kita menyebabkan hubungan kita dengan negara Qatar tidak pasal-pasal kerajaan terbabit. Saya difahamkan Kementerian Luar Negeri kita terpaksa hendak membersihkan nama baik Malaysia di kaca mata sahabat-sahabat kerana keceluparan mulut beberapa pegawai Majlis Olimpik Malaysia.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa perkara ini kita selesaikan dengan baik demi masa depan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setujulah Yang Berhormat.

### 12.31 tgh.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Memang setuju Tuan Pengerusi dan itulah salah satu unsur yang diambil kira dalam menangani isu ini.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan biar saya habiskan ini. Nampaknya tidak ada masa.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Pembesar suara tidak berfungsi]* Sedikit sahaja.

**Datuk Ong Tee Keat:** Elok kita menanti hari esoklah Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Pembesar suara tidak berfungsi]* Sedikit sahaja.

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat, dia suruh tunggu.

**Datuk Ong Tee Keat:** Banyak peluang telah pun diberi tadi. Ya, berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli mengenai peruntukan sebanyak RM11,760,000 untuk penyediaan Sukan Komanwel, sedangkan Sukan Komanwel telah pun tamat.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang berkenaan bukan pengelolaan Sukan Komanwel tetapi ianya adalah penyediaan *venue* dengan izin, infrastruktur Sukan Komanwel. Sebanyak 23 tempat ataupun lokasi pertandingan termasuk pembinaan Kompleks Sukan Negara yang terlibat dan peruntukan ini adalah untuk pembayaran kepada kerja-kerja yang masih dilaksanakan di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil yang tidak dapat dilaksanakan sebelum Sukan Komanwel dahulu. Kerja-kerja yang terlibat mencakupi pembinaan surau, jambatan yang menyeberangi Sungai Kuyuh untuk memudahkan orang ramai, pembinaan tandas-tandas awam di kawasan luar dan dalam stadium, melandskap Stadium Putra dengan *retractable seats* dengan izin, penyediaan sistem maklumat teknologi, sistem keselamatan dan sebagainya. Inilah perangkuman ataupun skop yang diambil kira dan peruntukan ini bukanlah untuk membiayai Sukan SUKOM yang telah pun tamat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan berdiri lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Mungkin apa yang saya cakap ini sudah dicakapkan terlebih dahulu oleh rakan-rakan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** .....Yang Berhormat, ya.

**Tuan Moktar bin Radin:** Saya cakapkan perkara ini kerana kalau kita lihat bahawa Kementerian Belia dan Sukan diibaratkan seekor harimau yang garang tetapi tidak ada kuku. Maksud saya, kadang-kadang kuasa kementerian itu tidak ada berhubung dengan pendaftaran pertubuhan. Pertubuhan-pertubuhan sukan masih dikuasai oleh Pendaftar Pertubuhan. Jadi, tidak adakah cadangan kementerian ini sendiri untuk mengambil alih pendaftaran pertubuhan sukan ditadbir di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, senang untuk kementerian ini melihat mana-mana sukan yang aktif, mana-mana sukan yang masih wujud ataupun tidak kerana pernah berlaku pihak pegawai-pegawai kementerian merasmi persatuan sukan, apabila disemak pendaftarannya pertubuhan sukan tersebut haram, tidak wujud. Ini merupakan kelemahan dalam sistem kita. Itu pasal saya kata, kita kaji sistem kita minta kepada kerajaan, minta kepada Kabinet. Pendaftaran pertubuhan sukan dan belia haruslah dijaga di bawah kementerian. Secara total, secara mutlak, dijaga oleh

kementerian itu sendiri untuk memastikan persatuan-persatuan sukan dan belia ini dapat diatur dan disusun dan strategi akan datang lebih menyerlah untuk memastikan pembangunan belia dan sukan dapat diurus secara betul, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, ini pun pernah Yang Berhormat bagi Kinabatangan cadangkan beberapa ketika dahulu. Ini akan diambil kira dan diberi pertimbangan yang serius khususnya dengan menerusi Majlis Perundingan Belia dan Sukan Negara.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggulah Yang Berhormat.....

**Datuk Ong Tee Keat:** Tetapi tidak wajar juga kiranya kementerian saya disifatkan sebagai “harimau tanpa taring” bukan kuku ya, taring, sebab tidak pernah kementerian saya cuba hendak menunjukkan taring di sini. Jadi, soal taring itu tidak timbullah Yang Berhormat.

Baiklah beralih kepada Yang Berhormat bagi Selangau ya, dengan cadangan membina kompleks sukan di Selangau dan beliau juga menyentuh tentang aktiviti sukan di sekolah-sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Selangau, segala cadangan yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat kita tentang perlunya membina kompleks ataupun kemudahan-kemudahan sukan di daerah ataupun di kawasan Parlimennya tetap akan diambil kira. Dalam hubungan ini, pembangunan dan penyediaan kemudahan sukan di sekolah-sekolah sesungguhnya adalah di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Ramai di kalangan kita yang salah anggap bahawa segala kemudahan sukan adalah di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan ataupun Jabatan Belia dan Sukan, itu tidak tepat. Di sekolah biasanya kemudahan sukan itu adalah di bawah jagaan Kementerian Pendidikan termasuk juga pemberian peruntukan. Di samping itu, dewan-dewan ataupun kemudahan-kemudahan sukan yang kadangkala didapati tidak digunakan dengan sepenuhnya itu ada yang bukan di bawah jagaan Kementerian Belia dan Sukan sebaliknya ia adalah di bawah jagaan Majlis Tempatan. Pembangunan penyediaan kemudahan di sekolah-sekolah

bukanlah di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian saya melalui Majlis Sukan Negara tetap akan terus memberi kerjasama dan bantuan dari segi kepakaran dan teknikal, inilah tugas saya menerusi kementerian saya dengan menerusi MSN.

Beralih kepada masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah tentang kesedaran bersukan dan sukan sebagai budaya hidup masyarakat negara kita. Ini kalau tidak silap saya dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau kelmarin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar sukan negara yang merangkumi program sukan untuk semua menekankan Program Sukan Massa ataupun *Mass Sports* dengan izin, dengan berlandaskan slogan *Malaysia Cergas* yang bermatlamat untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan penyertaan ramai segenap lapisan masyarakat dalam gaya hidup sihat dan aktif menerusi aktiviti rekreasi dan kecergasan massa. Penggalakan program sukan dan kegiatan Sukan Massa ataupun *Mass Sports* dengan izin, bukan sahaja disediakan oleh kementerian ini sahaja tetapi gerakan secara berterusan juga dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan sukan berekreasi, kecergasan dan pertubuhan belia di semua peringkat untuk menggalakkan masyarakat umum tanpa batasan kaum, agama, status hidup dan keadaan fizikal.

Program Sukan Massa atau sukan untuk semua terus dipromosikan sebagai gaya hidup berasaskan slogan “Malaysia Cergas” yang memberi ruang dan pilihan menyertai pelbagai aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan. Bulan Sukan Kebangsaan di peringkat kebangsaan dan negeri setiap tahun menjadi manifestasi kepada kempen kesedaran aktiviti sukan dan penyertaan ramai selaras konsep sukan untuk semua serta membentuk masyarakat Malaysia berbudaya sukan.

Tuan Pengerusi, sudah tentunya kekurangan kemudahan-kemudahan sukan terutamanya di kawasan luar-luar bandar turut membatasi penglibatan rakyat terutama golongan belia dalam aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi. Justeru itu Kementerian Belia dan Sukan terus merancang dan membangunkan kemudahan-kemudahan sukan terutamanya di peringkat daerah bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-7, kemudahan seperti gimnasium rakyat di daerah terus dibangunkan. Pusat-pusat Rakan Muda (PRM) di daerah yang mengandungi komponen sukan seperti gelanggang serba guna tertutup dan padang serta gelanggang terbuka yang sedang dibina akan meningkatkan

lagi peluang golongan belia dan masyarakat umum di peringkat akar umbi untuk bergiat aktif dalam sukan dan rekreasi.

Kemudahan-kemudahan ini akan terus dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Manakala kemudahan-kemudahan sukan di kawasan bandar pula terutamanya di taman-taman perumahan. Perkara ini telah pun diambil perhatian berat oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya semasa meluluskan pembangunan kawasan perumahan kepada para pemaju dan Kementerian Belia dan Sukan sentiasa membantu di mana yang perlu.

Tuan Pengerusi, walaupun saya telah mengambil masa yang panjang untuk menjawab, melayan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunjukkan minat dalam pembangunan belia dan sukan di bawah kementerian saya tetapi sedia maklumlah ada juga yang mungkin tercicir dari perhatian saya dan kiranya ada yang tidak sempat saya jawab, saya akan cuba berikhtiar untuk memberikan penjelasan yang sejelas mungkin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM166,472,500 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM166,472,500 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM204,808,090 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM204,808,090 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B.18 [Jadual] -  
Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Sila.

**Tuan Mah Siew Keong:** Teluk Intan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teluk Intan ya.

**12.45 tgh.**

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P.18, Butiran 11101 – Pembangunan. Saya ingin membangkitkan dua perkara.

Pertama, negara Malaysia adalah pengeluaran utama minyak kelapa sawit dan pada tahun dahulu telah *produce* 10.5 juta tan iaitu 53% dari keluaran dunia. Harga kelapa sawit sangat rendah sekarang, dan antara faktor utama adalah persaingan yang hebat dari pengeluar utama yang lain terutamanya dari negara jiran Indonesia. Pengeluaran dari negara Indonesia akan melebihi kita tidak lama lagi dan dengan kos buruh yang rendah, daya persaingan negara Indonesia tentu akan meningkat.

Antara pengusaha ladang kelapa sawit yang terbesar sekali di Indonesia adalah pelabur dari Malaysia. Banyak pengurus ladang yang berpengalaman dari Malaysia telah dihantar berkhidmat di Indonesia. Kepakaran dan hasil kajian PORIM telah juga *transfer* ke negara jiran. Dengan pembukaan ladang kelapa sawit yang begitu cepat di negara jiran, adakah kedudukan negara Malaysia sebagai pengeluaran utama dan juga eksport utama pada masa ini 70% *of world export* akan terjejas.

Saya ingin tanya apakah pendirian kementerian terhadap isu ini. Adakah kita menggalak atau tidak menggalak pelabur negara kita membuka ladang dan *transfer technology* pengeluaran kelapa sawit ke negara lain.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan adalah negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Eropah sentiasa mengutuk Negara-negara Membangun dan tidak praktis *free trade*. Tetapi dari segi *agriculture* atau pertanian, negara Barat telah mengambil banyak langkah untuk melindungi keluaran pertanian mereka. Saya

ingin mengemukakan beberapa isu dan saya harap kementerian dapat memberi maklum balas, apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah berikut:

- (i) tarif diskriminasi yang diambil oleh European Union terhadap minyak kelapa sawit Malaysia. Di negara Afrika Selatan semua *vegetable oil* boleh masuk percuma, kecuali minyak kelapa sawit. Import duti yang semakin meningkat terhadap minyak kelapa sawit di India dan juga import kuota yang dikenakan oleh negara China.
- (ii) subsidi terhadap minyak soya yang begitu tinggi yang dibayar oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Sebenarnya minyak sawit adalah *the highest yield crop*, dengan izin, dan yang kompetitif sekali, tetapi subsidi yang dibiayai oleh Kerajaan Amerika Syarikat telah *distort the market*. Sekarang negara Amerika Syarikat telah mula menggunakan *genetically modified soya oil* untuk meningkatkan keluaran. Apakah kesan ini terhadap daya persaingan kelapa sawit.
- (iii) Saya dimaklum bahawa negara Eropah iaitu European Union telah mengenakan *technical barrier* di mana semua eksport minyak kelapa sawit ke negara Eropah mesti menggunakan *dedicated vessel* sahaja, iaitu kapal ini hanya boleh digunakan untuk *transport* minyak kelapa sawit dan tidak boleh ambil barang lain. Ini akan meningkatkan kos eksport kita apabila kapal Malaysia *transport* minyak kelapa sawit ke Eropah tetapi bila balik ke Malaysia kontena mesti kosong, tidak boleh ambil barang lain. Kegunaan vessel ini tentu akan meningkatkan *freight charges*. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Sebelum saya akhiri, saya ingin juga tahu, apakah kejayaan negara kita dalam *barter trade*, iaitu menjual minyak kelapa sawit dan dibayar dengan produk negara berkenaan yang lain.

Saya dimaklumkan bahawa strategi ini telah digunakan baru-baru ini dengan negara China. Saya harap kementerian boleh beri lebih maklumat terhadap skim *barter trade* ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Baram.

**12.48 tgh.**

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud Perbekalan B.18, Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 00505 - Pembiayaan Tanaman Semula Kelapa Sawit Bagi Pekebun Kecil yang mempunyai peruntukan RM30 juta. Saya percaya peruntukan baru ini diwujudkan kerana harga minyak kelapa sawit setakat ini sangat rendah, lebih kurang RM800 se tan metrik dan ini juga akan mengurangkan pengeluaran semasa kelapa sawit negara yang ternampak sampai ke tahap, dengan izin, *over production*. Dengan adanya peruntukan RM30 juta ini, pekebun kecil di seluruh negara akan diberi peluang untuk menanam semula kelapa sawit mereka yang tidak produktif lagi.

Saya menyokong lojik ini tetapi kerajaan juga hendaklah mengambil pertimbangan bagaimanakah pihak yang terlibat dalam kerja akan menampung pendapatan mereka semasa proses ini dikendalikan dalam masa tiga atau empat tahun sebelum kelapa sawit yang baru ditanam itu mengeluarkan hasil lagi. Saya juga ingin tahu, adakah peruntukan yang diberi bagi butiran ini termasuk *cash grant*, dengan izin, yang boleh menyumbang sedikit pendapatan kepada pekebun kecil semasa penanaman semula ini dijalankan. Saya rasa *cash grant* akan meringankan bebanan pekebun kecil yang terlibat dalam program ini.

Selain dari itu, di kawasan saya Baram kita mempunyai tiga kilang minyak kelapa sawit. Berdekatan dengan kilang-kilang tersebut ada ramai penduduk kampung dan rumah panjang yang mempunyai berhektar-hektar tanah yang terbiar sahaja dan tidak termasuk dalam pembangunan tanah NCR. Mereka ini termasuk penanam-penanam padi dan pekebun-pekebun kecil yang tidak mempunyai pendapatan yang lumayan yang dikategorikan dalam golongan miskin dan pendapatan rendah. Oleh kerana kelapa sawit ini dianggap sebagai penanaman yang sesuai sekali bagi tanah

tersebut, saya rasa penduduk-penduduk di kawasan itu perlu diberi bantuan penanaman kelapa sawit yang boleh mempertingkatkan pendapatan keluarga mereka.

Tuan Pengerusi, hasil daripada lawatan saya di kawasan tersebut dan maklum balas yang saya terima, penduduk-penduduk kampung dan rumah panjang berdekatan dengan kilang-kilang ini memang sentiasa minta supaya kerajaan memberi skim kelapa sawit yang seperti ini diperkembangkan kepada mereka. Mereka memerlukan bantuan berbentuk bekalan biji benih kelapa sawit yang bermutu dan terkini, bekalan baja semasa penanaman sebelum sawit mengeluarkan hasil, kos penyediaan teres dan lubang penanaman. Daripada pengalaman saya sendiri kos ini hanya lebih kurang RM5000 sampai ke RM6000 se hektar sahaja bagi kawasan Baram.

Oleh sebab itu, saya mintalah kepada kementerian supaya sebahagian daripada peruntukan RM30 juta itu ataupun membuat satu peruntukan yang baru diberi kepada penanaman baru kelapa sawit, pekebun kecil yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 04601 - Penubuhan Bank Biji Benih, Pusat Penyelidikan Petani dan Pembangunan, Pelbagaigunaan Berkekalan Hutan Bukit di negeri Sarawak. Saya menyokong peruntukan ini kerana kegiatan penyelidikan dan penubuhan Bank Biji Benih akan menjamin bahawa negara kita tidak kehilangan jenis dan spesies kayu dan *bio diversity* yang kaya di negara kita pada masa depan. Saya berharap, dengan adanya Bank Biji Benih kayu hutan ini ditubuhkan di negeri Sarawak, kerajaan akan memeliharakannya dengan menjamin jenis-jenis pokok kayu yang bermutu tinggi boleh disemai untuk ditanam semula di kawasan hutan yang telah dibalakkan ataupun diagih kepada pekebun kecil supaya mereka juga berpeluang untuk menanam pokok-pokok bermutu ini di kawasan tanah terbiar mereka. Saya percaya kegiatan ini juga akan menyumbang kepada pendapatan keluarga masing-masing.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat kayu balak digesa mengambil tindakan untuk menanam semula pokok-pokok kayu di mana mereka ini telah bekerja. Tindakan seperti ini akan memastikan bahawa hutan Tropika yang semakin hari semakin kurang sentiasa dibaikpulihkan dan dikekalkan supaya alam sekitar kita tidak terjejas sebagai waris kita untuk generasi akan datang.

Dengan ucapan demikian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah.

**12.55 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi, negara kita adalah salah sebuah negara dalam dunia ini yang ambil bahagian dalam penghijauan bumi melalui penanaman dan pemuliharaan pokok melalui pernyataan prinsip bagi hutan dalam Agenda ke-21 yang dipersetujui oleh Persidangan Antarabangsa mengenai Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992 dan pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad turut membuat komitmen bagi negara kita bahawa Malaysia akan mengekalkan 50% kawasan dalam negara kita diliputi hutan atau kehijauan secara berkekalan berbanding negara lain hanya mengekalkan 30% kawasan hutan.

Dalam Butiran 020300 - Pembangunan Hutan. Saya ingin tahu atas perjanjian tersebut pihak Kementerian Perusahaan Utama setakat ini boleh beritahu dalam Dewan yang mulia ini tentang kemajuan penggazetan tanah untuk simpanan hutan yang kekal, yang dijanjikan oleh lapan buah kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia. Penunaian perjanjian tersebut adalah sangat penting supaya negara kita dapat menunaikan perjanjian kita kepada International Tropical Timber Organization (ITTO) iaitu untuk merizabkan 186,341 hektar Permanent Forest Estate (PFE), simpanan hutan yang kekal menjelang tahun ini.

Tuan Pengerusi, daripada 186,341 hektar PFE itu yang diperlukan menjelang tahun ini, saya ingin tahu berapa hektar dikhaskan untuk *production forest* iaitu *for logging on a sustainable basic*, dengan izin, dan berapa hektar dikhaskan untuk *protective forest* iaitu *for water, soil and bio diversity conservation*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada Kementerian Perusahaan Utama berapa hektar tanah PFE telah dibatalkan gazet oleh kerajaan-kerajaan negeri sejak tahun 1962 hingga tahun ini. Saya ingin tahu dari maklumat yang diberikan sama ada kita akan dapat mencapai matlamat perjanjian kita kepada ITTO.

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Serdang dahulu kerana dia sudah banyak kali berdiri. Sila.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh – mengenai Pentadbiran Perhutanan, Butiran 02800 - Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat boleh sambung pukul 2.30 petang.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguh hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dari kawasan Serdang, sila sambung.

**2.33 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 010000 – Pentadbiran Perhutanan dan Butiran 02800 – Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan. Masalah pencerobohan hutan simpan pembalakan haram telah didedahkan oleh mass media sepanjang masa ini dan juga oleh teroka haram di pinggir hutan simpan juga dapat dimaklumkan oleh orang-orang tempatan dan pendatang asing untuk mendirikan rumah di atas tapak hutan simpan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, dengan adanya masalah-masalah yang telah didedahkan melalui mass media dan juga diketahui oleh Jabatan Hutan, tetapi masih mungkin dan

masih lagi banyak kawasan hutan simpan yang telah diteroka atau pencoroboh masuk tanpa diketahui oleh Jabatan Hutan atau mana-mana pihak, maka unit pengurusan hutan yang dicadangkan perlu disegerakan.

Tuan Pengerusi, walaupun yang dikatakan oleh pihak kementerian, cadangan unit pengurusan hutan telah dikemukakan dan masih dalam pertimbangan, tetapi pentingnya kalau cadangan unit pengurusan hutan dapat diluluskan secepat mungkin maka rancangan untuk mengawasi aktiviti-aktiviti haram di kawasan-kawasan hutan simpan itu dapat dikawal.

Tuan Pengerusi, program perhutanan yang di bawah kementerian ini perlu dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung dengan peranan hutan terhadap alam sekitar dan juga program untuk dasar-dasar untuk membangunkan sumber hutan negara diuruskan dengan cara yang teratur untuk menjamin bekalan kayu dan lain-lain keluaran hutan mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.

Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan satu perkara berkaitan dengan hutan simpan Air Hitam, Puchong. Hutan simpan Air Hitam telah lama dikekalkan di kawasan Puchong dan diasingkan di dua tempat, satu di kawasan Puchong dan Serdang. Oleh kerana Jabatan Hutan dan pihak kerajaan negeri telah meluluskan pembangunan dan membukakan kawasan-kawasan hutan simpan untuk pembangunan, maka hanya tinggal beberapa kawasan sahaja untuk disimpan sebagai hutan simpan. Saya bangkitkan perkara ini kerana ada berkaitan dengan pusat pendidikan dan penyelidikan daripada UPM.

Tuan Pengerusi, kawasan hutan simpan yang saya difahamkan kawasannya seluas 4,267 hektar. Sehingga kini, hanya 1,201 hektar sahaja disimpan dikekalkan sebagai hutan simpan buat waktu ini. Ertinya sebanyak 3,066 hektar telah dikeluarkan daripada senarai hutan simpan. Ini dijadikan pembangunan di kawasan tersebut. Hutan simpan yang kekal buat waktu ini untuk memberi kebenaran kepada Universiti Putra Malaysia sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan sebanyak 1,201 hektar ini telah meliputi dengan compartment 1, 2, compartment 12, compartment 13, compartment 14 dan compartment 15.

Tetapi oleh kerana pihak universiti merasa bimbang kerana walaupun tanpa permit untuk menggunakan tanah-tanah hutan simpan yang ditentukan oleh Jabatan Hutan dengan bertanda tangan MoU. Rasa bimbang daripada UPM ada alasan kerana pada ketika sebahagian hutan simpan Air Hitam untuk UPM sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan telah diambil alih selepas MoU kerana tempoh MoU telah tamat. Ertinya walaupun sesuatu kawasan untuk UPM sebagai penyelidikan tetapi selepas tamat tempoh MoU maka telah diangkat balik.

Jadi, kawasan hutan simpan yang digunakan oleh UPM ini akan jadi masalah. Walau bagaimanapun, Jabatan Hutan dan kerajaan negeri telah menimbang semula pada tahun 1996 di mana UPM dapat lagi MoU dengan tempoh pajakannya untuk meneruskan penyelidikan dan pendidikan untuk Fakulti Perhutanan UPM.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya mintalah pihak kementerian, pihak Jabatan Hutan atau Majlis Perhutanan Negara untuk menimbang kawasan-kawasan yang telah ditanda tangan dengan UPM secara MoU ini seluas 1,201 hektar hendaklah dikekalkan supaya memberi faedah kepada UPM teruskan untuk sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan di kawasan tersebut.

Walaupun MoU bila-bila pun boleh ditarik balik, mereka bimbang, walau bagaimana pun saya mintalah pihak kementerian bacalah suratkhobar hari ini tiga muka surat berkaitan dengan hutan simpan Air Hitam, berkaitan dengan daripada sejarah macam mana hendak mengekalkan hutan simpan Air Hitam sehingga kini telah hanya sebahagian sahaja untuk disimpan sebagai hutan simpan tetapi masih ada rasa khuatir, mungkin satu hari akan datang kerana lokasi begitu dekat dengan Putrajaya mungkin hilangkan kawasan ini sebagai hutan simpan, tetapi dengan adanya pembukaan, dengan adanya 3,066 hektar untuk pembangunan itu terjejaslah sedikit sebanyak dataran air dan alam sekitar di sekitar kawasan Serdang.

Saya bangkitkan perkara ini penting kerana ini terlibat dengan, saya tidak berniat untuk menentang pembangunan di kawasan tersebut, tetapi saya minta memelihara alam sekitar dataran air semasa pembangunan dijalankan. Jabatan Hutan sepatutnya peka untuk memberi jaminan bahawa selepas kelulusan kepada pembangunan ini, tidak akan terjejas alam sekitar dan dataran air di kawasan Puchong dan Serdang ini.

Tuan Pengerusi, satu kawasan lagi di kawasan ini compartment 18. Compartment 18 telah sebenarnya belum diwartakan tetapi telah diduduki oleh Orang Asli, 50 tahun perjuangan Orang Asli sehingga hari ini masih belum dapat diwartakan walaupun Jabatan Hutan memberi sokongan. Saya tidak salahkan Jabatan Hutan, tetapi ini satu masalah yang sedang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli.

Satu kampung Orang Asli yang tertinggal di kawasan Puchong dan ciri-ciri kebudayaan Orang Asli masih wujud di kawasan ini, tetapi mereka khuatirlah, tidak tahulah bila masa yang akan datang, compartment 18 akan dijadikan pembangunan dan akan terjejaslah kehidupan mereka.

Saya mintalah kalau boleh pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan, Majlis Perhutanan Negara, kekalkan compartment 18 sebagai kawasan Orang Asli digazetkan. Seperti di kawasan-kawasan lain terdapat laporan ini, di kawasan-kawasan lain telah dibuka untuk perumahan dan lain-lain tetapi hanya dikekalkan 1,000 lebih hektar sahaja untuk simpanan hutan dan lagi sebelah sahaja kawasan, walaupun mungkin tidak ada kaitan langsung dengan kedudukan Orang Asli tetapi tanah yang masih dimiliki oleh Jabatan Hutan begitu lama masih belum diwartakan sebagai hutan simpan Orang Asli. Jadi, satu masa saya minta .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, dengan demikian saya minta pihak kementerian supaya hutan simpan Air Hitam, Puchong ini perlu disiasat supaya memberi satu pandangan luas berkaitan dari segi alam sekitar dan dataran air yang mana berilah nasihat kepada pihak-pihak yang telah diluluskan untuk membuka kawasan ini supaya dapatlah satu master plan boleh mengekalkan pelbagai kehijauan di kawasan ini

Saya mintalah bagaimana garis panduan yang telah ditetapkan kepada kementerian atau Jabatan Hutan untuk mengeluarkan hutan simpan daripada senarai hutan simpan ini, bagaimana caranya untuk pulih. Kalau orang minta satu syarikat untuk memohonkah, macam mana cara untuk dapat diluluskan hutan simpan yang dijadikan tanah kerajaan untuk menjalankan projek pembangunan, ini penting supaya orang ramai faham tetapi kawasan ini sebab ini 3,066 hektar telah dikeluarkan daripada

hutan simpan, tetapi saya rasa sosioekonomi tidak akan terjejas, tetapi alam sekitar sahaja, apa yang dikhuatirkan ialah alam sekitar, mintalah hutan simpan yang diberi kepada UPM untuk sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan dikekalkan, jangan hanya MoU sahaja, mereka pun bimbang.

Dengan ini, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mambong.

**2.43 ptg.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Maksud P.18. Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Butiran 02800 iaitu Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan.

Pengurusan hutan tropika di negara kita telah pun giat dijalankan sejak tahun-tahun 50-an dahulu. Justeru, negara kita sepatutnya berpengalaman dalam bidang ini. Tetapi pada tahun-tahun 50-an hingga 80-an, pengurusan hutan memihak kepada pengurusan bagi menentukan hanya, dengan izin, sustained yield. Pengurusan sustained yield menekankan kepada pengeluaran kayu-kayan sahaja. Oleh yang demikian, pengurusan pada masa-masa tersebut, tidak dianggapkan pengurusan hutan mapan di masa kini.

Tuan Pengerusi, pengurusan hutan mapan kini mengambil kira pemeliharaan alam sekitar dan kepelbagaian biologi ataupun bio-diversity selain daripada menekankan keperluan dan kepentingan kayu-kayan. Justeru, negara kita dengan negara-negara pengeluaran kayu tropika yang lain di dunia ini telah pun bersetuju di bawah naungan International Tropical Timber Organisation (ITTO) agar kita akan mencapai rancangan pengurusan hutan mapan pada tahun 2000. Pihak ITTO telah pun menyediakan beberapa garis panduan bagi pengurusan hutan tropika mapan agar semua negara ahli-ahli ITTO dapat mencapai kemapanan pada taun 2000. Saya ingin tahu sejauh manakah negara kita mencapai pengurusan hutan mapan sehingga kini.

Tuan Pengerusi, ciri-ciri pengurusan hutan mapan merangkumi juga aspek-aspek pemeliharaan Taman Negara, santuari hidupan liar dan kawasan tadahan air. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya berapakah keluasan dan peratusan kawasan-kawasan hutan di seluruh negara yang telah diwartakan sebagai Taman-taman Negara,

santuari-santuari hidupan liar dan kawasan-kawasan tadahan air dan negeri manakah kawasan-kawasan tersebut terletak.

Selaras dengan Rancangan Pengurusan Hutan Mampan, pihak ITTO juga mempromosikan Pensijilan Kayu (Timber Certification) bagi mempertingkatkan perdagangan kayu di peringkat antarabangsa. Saya tahu negara kita memang peka kepada daya usaha ITTO dan badan-badan kerajaan dunia yang lain. Oleh yang demikian, kerajaan menubuhkan National Timber Certification Council (NTCC).

Saya ingin tahu sejauh manakah perkembangan Pensijilan Kayu di negara kita setakat ini. Saya juga ingin tahu sama ada piawai Pensijilan Kayu di negara kita diiktiraf oleh badan-badan Pensijilan Kayu yang lain di peringkat antarabangsa. Saya hendak tanya, setakat ini adakah kayu yang dieksportkan oleh pengusaha-pengusaha dari negara kita mendapat pasaran yang lebih luas dan harga yang lebih tinggi jika produk-produk kayu tersebut telah disijilkan.

Tuan Pengerusi, selepas Persidangan United Nations Conference Environment and Development (UNCED) pada tahun 1992, United Nations telah mewujudkan badan sekretariat yang bernama Commission on Sustainable Development (CSD) bagi memantaukan pelaksanaan pengurusan perhutanan mapan di dunia ini. Di bawah CSD, satu jawatankuasa juga telah diwujudkan iaitu Intergovernmental Forestry Consultative Committee (IFCC) bagi perundingan berterusan bagi perkara-perkara perhutanan yang telah kian menjadi *eco-political*, dengan izin. Dalam pada ini, saya ingin bertanya apakah perkembangan yang terkini mengenai *eco-politic* perhutanan sama ada dunia mahukan *forestry convention* atau tidak.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 04000 iaitu Kegunaan "Remote Sensing" dan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kegunaan *Remote Sensing* dan *GIS* adalah teknologi yang penting dan sesuai bagi pemantauan perkembangan pengurusan hutan mapan. Dengan tidak menggunakan banyak masa kita boleh mengikuti perkembangan pengurusan hutan di negara kita dari segi perkembangan silviculture, kemajuan pembalakan dan kemerosotan kualiti alam sekitar. Teknologi *Remote Sensing* dan *GIS* adalah satu kaedah yang berkesan bagi tugas-tugas penguatkuasaan. Dengan demikian, tenaga manusia digunakan bagi penguatkuasaan tidak banyak.

Saya ingin bertanya sama ada Jabatan Perhutanan telah pun mewujudkan pusat *Remote Sensing* dan *GIS* di pejabat itu. Saya juga ingin tahu sama ada Jabatan Perhutanan bekerjasama dengan Pusat MACRES ataupun the *Malaysian Centre For Remote Sensing* dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk Perhutanan Sarawak, Butiran 04500, saya berpendapat bahawa penyelidikan penggunaan dan pemprosesan kayu di Pusat Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik di Kuching, belum membawa hasil yang ketara dan bermakna, walaupun Pusat Penyelidikan tersebut sudah lama beroperasi bermula pada tahun 70-an. Saya nampak bahawa ahli-ahli penyelidik di pusat itu, dengan izin, *lacking the sense of directions*, dan ahli-ahli penyelidik juga tidak berapa minat untuk mengendalikan kajian, mungkin disebabkan pihak pengurusan pusat tidak memberi galakan dan bimbingan yang jitu.

Saya ingin menyarankan agar pihak Jabatan Perhutanan Sarawak mempertingkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan para saintis dan ahli-ahli penyelidikan di pusat tersebut. Dalam pada ini saya mencadangkan agar latihan-latihan yang sesuai diberi kepada mereka.

Saya juga ingin bertanya, Tuan Pengerusi, hingga kini berapakah laporan-laporan yang tertentu berkaitan dengan hasil penyelidikan penggunaan dan pemprosesan kayu telah pun diterbitkan dan dikeluarkan oleh pusat penyelidikan itu kerana saya berpendapat bahawa terbitan hasil-hasil kajian adalah penting bagi menyebarkan maklumat kepada industri perkayuan agar mereka dapat memperbaiki operasi dan pada masa yang sama boleh bersaing di pasaran antarabangsa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. James Dawos Mamit:** Sikit sahaja. Merujuk kepada Butiran 04600 berkenaan dengan Penubuhan Bank Biji Benih, saya percaya bahawa projek ini adalah penting bagi pembangunan perladangan hutan di negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak merancang mewujudkan ladang hutan di negeri itu seluas satu juta dalam tempoh 15 tahun mulai daripada tahun ini.

Saya ingin bertanya, setakat ini apakah jenis-jenis biji benih yang dikutipkan dan sejauh manakah kejayaan yang tercapai bagi memperolehi biji benih daripada

kawasan-kawasan hutan asli di negeri itu memandangkan bahawa pokok-pokok kayu-kayuan di hutan belantara negara kita berbunga dan berbuah dengan tidak menentu.

Dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima orang lagi. Bachok.

**3.52 ptg.**

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Butiran 050000 – Lembaga Tembakau Negara. Mengikut peruntukan yang diberi di bawah Kod (Objek) berjumlah RM4,891,900 iaitu satu jumlah yang telah pun berkurang berbanding dengan tahun lalu kerana tahun lalu berjumlah RM5,575,200, pengurangan sebanyak RM683,300.

Begitu juga di bawah Maksud P.18, Butiran 00400 - Lembaga Tembakau Negara juga di bawah projek 00401 – Pembangunan. Peruntukan yang dicadangkan juga telah berkurang sebanyak RM1,118,900 berbanding dengan tahun lalu ialah RM3,263,900. Persoalannya kedua-dua butiran peruntukan ini telah dikurangkan dan kenapa peruntukan itu dikurangkan.

Sebagaimana yang telah pun kita maklum, industri tembakau dalam negara kita menghadapi cabaran lebih-lebih lagi dalam sidang Belanjawan yang lepas telah pun dikenakan kenaikan cukai untuk rokok. Namun perhatian harus diberi juga oleh pihak kementerian bagi memastikan 15,000 penanam tembakau dalam negeri Kelantan harus dibela. Dengan asas Lembaga Tembakau Negara mempunyai peranan untuk kemajuan industri komoditi yang melibatkan usaha perluasan pasaran tanaman tembakau itu sendiri, peningkatan pengeluaran ataupun penstabilan harga tembakau dan juga kecekapan dari sudut jumlah tan metrik hasil daun tembakau kering.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya dan juga beberapa golongan dari pihak pengusaha yang terlibat dalam industri tembakau ini meletakkan satu harapan yang masih sangsi dari sudut masa depan dan kemajuan industri tembakau ini sendiri. Saya mewakili kawasan industri tembakau, melahirkan perasaan ini berdasarkan kepada peranan pihak kementerian sendiri dalam menangani isu-isu kemerosotan pengeluaran hasil tembakau kebelakangan ini akibat daripada landaan hujan yang merosakkan tanaman dan sekaligus telah pun mengancam pendapatan pihak penanam, pengawet, penanam pengawet dan individu dan juga pihak-pihak berkaitan.

Jadi, sehubungan dengan itu, haruslah disadari industri tembakau yang menghadapi ancaman ini, juga dalam masa yang sama mereka mengorbankan untuk penghasilan ekonomi negara iaitu dari sudut kesihatan pihak-pihak yang terlibat kerana mereka juga terdedah dengan ancaman penyakit yang membahayakan.

Setakat ini langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Lembaga Tembakau Negara, apa yang saya ikuti dan saya membuat study sedikit sebanyak, saya melihat tiga pendekatan asas yang dibuat bagi menangani kemerosotan pendapatan penanam dan pengawet ini. Di antaranya yang telah dibuat oleh pihak LTN ialah memperbaiki sistem perparitan bagi mengatasi masalah hujan yang lebat dengan kerjasama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran.

Yang keduanya ialah pemulihan kawasan secara berkelompok di kawasan-kawasan tradisi supaya kawasan itu dapat ditanam dengan baik dengan membina sistem perparitan. Dan, yang ketiga, menjalankan Program Penyusunan Semula Industri Tembakau ini menerusi Program Pembangunan Penanam Pengawet, Pembangunan Penanam Pengawet Besar, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Sungguhpun begitu, Tuan Pengerusi, isu-isu yang berbangkit ialah masalah tuntutan ataupun desakan 200 orang pengawet di seluruh Kelantan dengan melibatkan pula 800 lebih penanam pengawet individu dan lebih 12,000 penanam yang telah pun saya sebutkan, yang berdaftar di seluruh Kelantan. Ianya berpunca sejak daripada tahun 1997 lagi, ekoran daripada gejala cuaca El-Nina dan El-Nino yang menyebabkan tanaman rosak diancam oleh kepanasan dan kebanjiran menyebabkan kerugian beratus ribu ringgit malah jutaan ringgit, hasil daripada pelaburan mereka untuk mengusahakan tembakau daripada tahun 1997, 1998, 1999 dan sehingga tahun ini pun menghadapi ancaman yang sama.

Untuk penyediaan input, membeli baja, peralatan dan tanggungan hutang oleh pihak pengawet dan penanam pengawet kepada institusi kewangan dan bank-bank yang membiayai industri ini dan hasilnya mereka menghadapi tunggakan hutang yang bertimbun. Jadi, kira-kira separuh daripada pengawet dan penanam pengawet ini yang tertunggak tidak mendapat pembelaan secara khusus oleh pihak kerajaan. Dan tanggungan atau bebanan ini diserahkan langsung atau semacam pihak mereka sendiri

sepatutnya mencari ikhtiar bagi menyelesaikan, tidak ada satu langkah penyelesaian terbaik.

Jadi, dalam hal ini perhatian dan penglibatan serius pihak kementerian khususnya pihak kerajaan untuk memberi perhatian secara langsung dan tidak menyerah kepada LTN semata-mata bagi menangani masalah yang dihadapi dari sudut tunggakan hutang dan sebagainya sebagaimana saya sebut tadi.

Jadi, LTN telah pun mewujudkan satu Tabung Kebajikan Industri Penanam Tembakau dan ini sebenarnya tidak memadai dan kurang mampu untuk mengatasi segala masalah yang ada. Kerana daripada wang yang terkumpul daripada tabung ini sekitar RM300,000 setahun adalah terlalu kecil. Jauh sama sekali untuk membantu pengawet yang sekarang ketenatan dengan beban tunggakan pinjaman.

Oleh kerana itu, komitmen kerajaan bagi membantu pihak yang terlibat khususnya pihak pengawet ini sendiri perlulah ada, kerana kita dan pihak pengawet sendiri mendakwa betapa dalam isu penyakit JE dan virus Nipah dalam industri penternakan babi yang selalu hangat di Dewan ini, pihak kerajaan memberi perhatian yang khusus, membuat pertimbangan bantuan kepada mereka untuk membayar pampasan dan seumpamanya di sebalik risiko yang dihadapi yang tidak mengundang oleh pihak mereka itu sendiri. Demikian pihak pengawet tembakau tidak mengundang masalah cuaca, banjir dan panas tadi, ianya turut merasai kerugian dan merasai terkilan dengan langkah kerajaan menyepi diri untuk membantu mereka. Peruntukan kerajaan ada sedikit sebanyak disalurkan untuk membaiki perparitan, itu hanya langkah yang tidak menyelesaikan masalah.

Mereka juga mendakwa pihak kerajaan mengambil langkah serius untuk menangani industri besar dan pelaburan besar dalam negara melalui Danaharta dan Danamodal bagi menyelamatkan syarikat-syarikat yang menghadapi risiko NPL menerusi *bill out* dan seumpamanya. Jadi apakah kerajaan tetap menyepi diri dalam isu penanaman tembakau yang 90% pengawetnya adalah mereka golongan bumiputera, begitu juga penanam-penanam mereka adalah petani miskin di luar bandar.

Jadi hakikat permasalahan inilah saya mencadangkan supaya pihak-pihak kerajaan mengambil sesuatu langkah yang bijaksana bagi memastikan stesen-stesen

pengawet yang ada hari ini terus boleh beroperasi dengan modal yang boleh membiayai segala input bagi menggerakkan industri tembakau ini sekiranya industri ini terus menjadi perhatian di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Sehubungan itulah saya mencadangkan agar pihak kementerian mengambil langkah bersama-sama dengan pihak MARDI, salah satu institusi penyelidikan pertanian dalam negara kita bagi mengambil langkah penyelesaian supaya industri tembakau ini boleh terus dimakmurkan lagi bagi membela pengusaha-pengusaha bumiputera dan penanam daripada golongan bumiputera itu sendiri yang terhimpit dengan kemiskinan.

Satu isu lagi yang perlu difikir oleh pihak kementerian berdasar kepada kajian yang telah dibuat oleh pihak Fakulti Perubatan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia di Serdang ke atas sekelompok petani, penanam tembakau di Kampung Telaga Papan, Semerak, Kelantan. Hasil daripada kajian itu mendapati, penglibatan penanam tembakau dalam penggunaan racun perosak telah dikenal pasti meningkat di sektor ini yang menyebabkan berlakunya penyakit iaitu serangan sel hati yang akan rosak dan telah pun didapati beberapa penanam yang dijadikan sampel, menghadapi beberapa penyakit kronik di antaranya rosak hati.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Wan Nik bin Tuan Yussof:** ...sedikit lagi, barah dan juga gangguan psikologi dan darah tinggi. Oleh kerana itulah saya mencadangkan agar LTN dapat berfungsi bagi menguruskan aktiviti sokongan bagi memastikan penanam terjamin hasil pendapatannya supaya tidak bergantung langsung kepada hasil tembakau itu sendiri seratus peratus dan juga saya melihat LTN juga harus berfungsi untuk membuat beberapa program *integrated* dengan Jabatan Haiwan misalnya bagi mencadangkan penanam-penanam tembakau ini terlibat sama dalam industri ternak sebagai sokongan kepada pendapatan mereka yang selalu dihimpit oleh masalah ancaman cuaca dan iklim itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Cabut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut. Yang Berhormat buat 'pudapudalah'.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya menyentuh B.18 05000, 00505. Industri tembakau boleh dikatakan industri milik orang Melayu yang berpusat di Kelantan dan Terengganu. Industri ini walaupun disalahkan anggap kerana ketika kita menggalakkan rakyat kurang merokok, tetapi hakikatnya ia punca pendapatan *cash* yang begitu penting bagi orang Melayu di Kelantan dan Terengganu.

**Seorang Ahli:** Sahaja.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, saya sebut pasal ini kerana kita bela nasib orang Melayu bukan macam PAS menentang sahaja. Tanaman tembakau diselang-seli dengan padi dan *cash crop* dengan izin menjadi suatu yang penting di Kelantan dan Terengganu. Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini industri ini dikatakan tidak lagi diberikan perhatian dan pengusaha industri ini dikatakan menderita teruk.

Cadangan saya ialah satu kajian menyeluruh mengenai potensi industri ini perlu dilakukan bagi menyelamatkan rezeki orang Melayu di negeri-negeri tersebut agar pendapatan mereka tidak terjejas. Selain peniaga, penanam tembakau adalah merupakan kumpulan yang terjejas teruk pada ketika ini. Saya ulang sekali lagi.

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak ada masa ini, sedikit sahaja.

**Tuan Moktar bin Radin:** Sedikit sahaja.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya habiskan sedikit, nanti saya bagi. Pasal tembakau?

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, tembakau.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Oklah.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih rakan saya dari Larut. Ini berhubung dengan penanaman tembakau. Kita pun sedia maklum bahawa perusahaan penanaman tembakau ini tidak lagi begitu digalakkan oleh kerajaan terutama sekali

kerana ianya mendatangkan apa ini mudarat kepada rakyat iaitu terutama sekali kesihatan. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa kerajaan mencari satu jalan untuk mengganti para penanam tembakau ini diganti dengan tanaman-tanaman yang lain yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan dan mendatangkan kesihatan yang lebih khasiat kepada masyarakat khususnya orang-orang Melayu di Kelantan dan Terengganu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, terima kasih, kalau Yang Berhormat dengan apa yang telah saya sampaikan tadi itulah yang kita harapkan supaya satu kajian dibuat untuk masa depan industri tembakau kerana Yang Berhormat Kinabatangan pun merokok juga. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, PAS ketawa, DAP pun ketawa ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** DAP merajuk, merajuk, merajuk, balik...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** DAP, takziah sekali lagilah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: **Yang Berhormat...**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bukit Mertajam... Ya, ya saya sambung. Terima kasih Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak kena dengan tembakau.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya.

**Seorang Ahli:** Takziah, takziah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya juga ingin menyentuh dalam soal industri minyak kelapa sawit iaitu industri yang masih penting. Saya dapat lihat sendiri betapa kegilaan menaram kelapa sawit ini begitu berkembang di negeri Pantai Timur. Ketika harga jatuh dan tidak menentu dan petani serta pengusaha lain mengeluh dan meminta kerajaan memikirkan cara mengatasi masalah harga, petani dan pengusaha kita di Kelantan dan Terengganu menebang pokok getah dan menggantikan dengan kelapa sawit.

Saya mohon supaya penerangan diberikan sejelas-jelasnya. Apa untungnya menceburi industri ini sedangkan dasar kita seperti sudah tidak bermaya dan

membiarkan sahaja kita jatuh dari tempat pertama kepada kedua atau ketiga ketika ini selepas Indonesia. Apakah masa depan industri ini?

Tuan Pengerusi, jika kerajaan merasakan industri ini tidak ada masa depan, seelok-eloknya kerajaan memberitahu rakyat supaya melupakan sahaja usaha ini agar rakyat terjamin pendapatan dan masa depan mereka. Tetapi jika kelapa sawit masih mempunyai masa depan yang cerah, saya ingin mencadangkan kalau belum lagi ada iaitu ditubuhkan Lembaga Kelapa Sawit khusus untuk mengatasi segala masalah dan kesulitan sebagaimana Lembaga Koko yang ada pada hari ini, Lembaga ...- ini Libaran kalau hendak bercakap nanti bercakaplah. Lembaga Koko, Lembaga Getah dan Lembaga Tembakau. Jadi kalau belum saya mencadangkan supaya ditubuhkan Lembaga Kelapa Sawit.

Tuan Pengerusi, saya juga menyeru kerajaan supaya menggalakkan usaha ke arah ditingkatkan mutu keluaran minyak sawit kita bagi membantu menjamin kestabilan harga komoditi berkenaan. Ini kerana hanya pengusaha industri minyak sawit boleh membantu memastikan kejayaan dengan memastikan keluaran mereka yang lebih bermutu. Berkaitan dengan usaha ini, kos operasi dan juga usaha meningkatkan produktiviti perlu dilaksanakan oleh pengusaha atau pengeluar komoditi ini. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pasaran minyak sawit dengan mewujudkan skim pinjaman atau kredit kepada negara-negara pembeli. Selain itu, langkah kerajaan bagi meluluskan pengecualian cukai eksport kepada syarikat utama untuk mengeksport minyak sawit adalah juga dialukan

Saya juga ingin menimbulkan satu persoalan, bagaimana keluaran Malaysia umpamanya minyak sawit Malaysia yang dieksport ke luar negara untuk dibuat minyak sapi atau gee tertera di tin atau bekas minyak sapi itu sebagai keluaran Singapura. Saya difahamkan ada syarikat swasta di negara ini yang mengeksport keluaran minyak sawit untuk makanan terpaksa melalui negara Singapura ke negara-negara tertentu. Kenapakah ianya berlaku? Bukankah cara ini merugikan negara? Bukan sahaja dari segi nilai mata wang tetapi juga publisiti negara.

Saya juga mohon mencadangkan supaya usaha mengatasi kempen memburukkan minyak sawit hasil persaingan lebih mencabar daripada pengeluar

minyak sayur-sayuran dan negara pengeluar minyak sawit yang lain dijadikan agenda berterusan. Usaha-usaha perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan daya saing industri sawit negara melalui peningkatan mutu dan keluaran di setiap peringkat berjalan terus.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh isu penebangan balak yang berleluasa. Kita tahu industri balak ini rapat dengan kita semua di dalam Dewan ini, tidak kira UMNO atau PAS. Saya bimbang, Tuan Pengerusi, mereka yang gila balak ini lupa kepada kepupusan dan kerosakan alam sekitar sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya dari Mambong tadi. Kalau pembangkang mengatakan orang UMNO sahaja yang gila balak, bukan gila talak, kita dapati di setengah-setengah tempat, umpamanya di Terengganu, kawasan tadahan air pun kini sedang dibelasah balaknya. Saya mohon kementerian mengemukakan dasar baru yang lebih keras dan tegas.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan sekali lagi terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tebrau.

### **3.12 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan ini terutama dalam Jawatankuasa berhubung dengan Maksud Bekalan 18 – Kementerian Perusahaan Utama iaitu dalam bahagian Mineral Dan Geosains, Butiran 030000, 030200 dan 030400.

Sebagaimana kita sedia maklum, bahawa kajian sumber air tanah ini dan juga dalam masalah mineral dan juga geosains telah pun ditubuhkan pada 1 Julai 1999 di atas gabungan Jabatan Penyelarasan Kaji Bumi dan juga Jabatan Kajian. Saya ingin menyentuh berhubung dengan kedudukan pengeluaran air mineral yang sedang kita lihat pada hari ini, banyak air mineral yang bermacam-macam keluaran dan nama yang dikeluarkan pada hari ini di samping dengan harga yang tidak sama di antara satu sama lain. Ada yang harga RM2.00, RM1.80, RM1.50, RM1.20 dan ada juga yang 80 sen.

Jadi, saya hendak tahulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dari segi menentukan kualiti air atau galian yang saya sebut ini, adakah jabatan yang berkenaan

ini buat? Maknanya sudah menyiasat, melihat dan buat kajian bahawa air-air yang dijual itu harganya ditentukan setelah buat penyiasatan yang berkenaan ataupun siapa yang menentukan. Memang tidak ada kawalan tetapi sebagai mutu air, sebab air ini datang daripada hasil bumi dan galian, cuma kajian yang dibuat ini, saya hendak sentuh macam mana cara kementerian buat? Dan macam mana undang-undang yang ditentukan oleh kementerian ini untuk menentukan kualiti air yang berkenaan supaya nanti tidak berlaku esok ada yang harga murah, ada yang mahal yang saya sebutkan ini, tidak mendatangkan masalah dari segi kesihatan.

Kita ini asal tengok mineral, tidak kiralah, belilah yang 50 sen kah atau 80 sen, kenapa murah? Yang RM1 dan RM2, adakah yang minum RM2 itu, kita jadi sihat. Air sama saya tengok, putih biasalah. Tetapi saya hendak tahu kualiti menentukan sampai begitu tinggi harga yang berkenaan dan ada pula kalau yang minum 50 sen atau 80 sen, esok ada masalah kesihatan pula.

Jadi, ini ada atau tidak diadakan juga undang-undang atau kajian dibuat oleh jabatan saya yang saya sentuh ini atau penyiasatan dibuat selalu dalam menentukan kualiti air ini. Mungkin pada hari ini, kita tidak datangkan masalah. Nampak tidak ada hal, boleh minum bebas dan digunakan di mana-mana sahaja. Cuma saya sentuh dari segi harga, yang saya kadang-kadang keliru dengan harga 50 sen ini, tengok sama sahaja bila minum rasanya. Lainlah kalau kita minum air zam-zam dengan air biasa. Ha, Yang Berhormat Tuan Pengerusi tidak pernah minum agaknya. Jadi, rasa dia ada berbeza. Tetapi yang mineral ini dia serupa.

Jadi, kualiti yang jabatan ini buat ini dia dipertanggungjawabkan macam mana ini? Apabila kata ia sudah disiasat, sudah ditentukan ini, ha! harganya boleh begini. Maknanya kualiti dia baik. Yang ini 50 sen atau 80 sen, macam mana pula? Jadi, saya mintalah kementerian supaya perkara ini diambil perhatian yang serius dan menentukan supaya betul kualiti-kualiti air yang dijual. Setelah disiasat betul, munasabah dan dapat kelulusan dari pihak yang berkenaan. Saya khuatir, tadi kata saya, jangan sudah berlaku esok, Tuan Pengerusi, sudah lepas kita minum, ada masalah timbul. Seperti juga kalau biasa kita minum air paip kita masukkan dalam botol pun, kalau sudah lama-lama pun, sudah haus pun, kadang-kadang dia tidak perasan sama ada air itu air daripada paip...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini atas mana satu butiran?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ya?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tidak. Ini air galian dalam Butiran Mineral dan Geosains, ceraihan 030200. Ini ada kajian sumber air tanah.

**Beberapa Ahli:** Ada, ada.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Kenapa? Penat saya bercakap. *[Ketawa]* Ha, yalah, adalah. Kalau tidak, tidak ada sentuh. Tuan Pengerusi pun ada baca juga. Jadi, inilah saya ingat supaya kita berhati-hati. Selalu sudah berlaku, baru kelim-kabut. Ada masalah orang sakit minum air mineral, itu ini, ha baru hendak daftar. Jadi, semua hendaklah ambil perhatian. Saya tadi cuma sentuh pasal harga. Saya tidak faham macam mana se botol air ini RM2.00. Tengok, baik beli yang murah lah. Sama ada kalau kita beli RM2.00 punya ini baik. Bermakna gerenti. Badan lemah boleh jadi kuat kah dan sebagainya. Tidak apa jugalah. Macam mana cerita ini, kualiti air galian yang disiasat ini?

Yang kedua ini, saya hendak sentuh perhutanan tetapi sahabat saya dari Larut ini telah cakap dahulu, berkenaan dengan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau sudah cakap, sudah okay.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Cakap jugalah sebab sudah tulis ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, sekejap sahaja. Habis ini, habislah Tuan Pengerusi. Betul, saya setuju dengan pandangan rakan saya berhubung dengan penebangan hutan balak. Kawal balak ini, betul, kuasa kerajaan negeri. Negeri menguatkuasakan orang minta balak, lulus atau tidak lulus. Tetapi bila berlaku satu masalah yang besar, seperti kita tebang pokok ikut suka hati. Tidak buat kajian betul kerana ingatkan hendak hasil banyak. Betul, ini satu daripada sumber kepada ekonomi negara. Perhutanan boleh dibuat kayu, boleh dibuat perabot dan sebagainya.

Kayu-kayu digunakan untuk buat perabot dan juga lain-lain, ekonomi negara meningkat. Tetapi dari segi alam sekitar dan masalah juga kita kena kaji. Sekarang kita hendakkan air, tadi sahabat saya pun cakap, tadahan air mesti ada hutan. Kalau sudah banyak hutan dibersihkan, esok bila air sudah turun, dia sudah tidak boleh hendak mengalir. Dia serap terus dalam hutan yang sudah terang. Jadi, ini esok tidak mungkin tidak berlaku waktu kita. Mungkin berlaku kepada masa akan datang, kepada anak kita atau cucu kita kerana hutan yang besar itu ditebang hendak hidup balik, bukan mudah. Lama hendak dihidupkan balik.

Kalau ini berlaku, jadi sumber air susah. Jadi, dalam perkara ini, saya minta daripada kementerian berkenaan berbincang dengan kerajaan negeri dalam mesyuarat perhutanan dan juga mesyuarat tanah negara, mungkin boleh dibangkitkan dan supaya diberi garis panduan atau macam mana supaya dia tidak bebas oleh negeri-negeri ini mengeluarkan hutan ikut suka hati. Ha, asal orang minta balak, lulus.

Yang kedua ini, banjir. Banjir pun berlaku Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kadang-kadang masalah, dahulu ada hutan, ada pokok tetapi sudah ditebang, air sudah begitu laju pula mengalir pergi ke hulu sahaja, bukan ke muara. Jadi, ini pun problem juga kepada mangsa-mangsa yang tidak pasal-pasal menerima akibat banjir kerana hutan-hutan besar telah di tebang. Jadi, ini saya minta perkara ini kena serius. Memang mungkin hari ini kita tidak nampak kerana kita nampak kepada hasil sahaja, kepada ekonomi saya tetapi masalah kebelakangan ini akan timbul, sekiranya kebanyakan hutan tidak dikawal dan dibenarkan untuk ditebang.

Jadi, saya harap Tuan Pengerusi, perkara ini dapatlah diambil perhatian oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan rakyat pada masa yang akan datang.

Itu sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**3.20 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah P.18, Butiran 00501 – Program Pembangunan BCIC Dalam Industri Perabot.

Terlebih dahulu saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian tentang justifikasi peruntukan sebanyak RM100 ribu, berbanding dengan RM6 juta seterusnya

sebelum ini yang begitu banyak. Sebenarnya, saya sendiri rasa *pessimistic* mengenai penglibatan pengusaha bumiputera dalam industri perabot. Tetapi oleh kerana program ini begitu penting ditekankan oleh kementerian, saya berpendapat bahawa dengan adanya bantuan daripada kementerian, pengusaha bumiputera dalam industri ini boleh berkembang dan saya menganggap bahawa melahirkan BCIC yang berjaya ini sebagai salah satu cabaran besar kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana dalam bidang kelapa sawit dan bidang perhutanan, ini adalah industri yang sudah semula jadi ada dalam negara kita. Tetapi ini satu yang dilahirkan oleh kementerian sendiri. Ini satu cabaran sejauh mana kewibawaan kementerian. Tetapi bila saya lihat RM100 ribu ini, saya lihat seolah-olah kementerian sudah tidak begitu peduli sangat kepada BCIC dalam industri perabot.

Saya ingin mengulas lebih lanjut perkara ini, Tuan Pengerusi ya. Saya kenal ramai pengusaha bumiputera dalam bidang industri perabot. Sebenarnya dari segi pasaran industri perabot ini, tidak memihak kepada pengusaha bumiputera. Kalau kita lihat dari segi pasaran tempatan, oleh kerana sudah ada pengusaha dari kaum lain yang telah menguasai pasaran jadi dimonopoli, maka amat sukar untuk proses *market penetration* daripada pengusaha bumiputera. Dengan itu, kerajaan melahirkan Program Konsep Payung dan mereka dapat menjual perabot. Tetapi untuk diperkembangkan lebih tinggi lagi, begitu sukar.

Dan ada beberapa pengusaha-pengusaha kita yang pergi ke seberang laut, masuk ke pasaran antarabangsa. Dan pada masa ini, mereka boleh menjual, setakat *break even* boleh. Tetapi ini disebabkan kerana kadar tukaran asing kita telah menurun dari RM2.70 kepada RM3.80 dan mereka boleh hidup. Tetapi jika tukaran asing ini tukar walaupun 10 sen pertukaran, maknanya kalau meningkat kepada RM3.70 sahaja, pengusaha-pengusaha ini akan gulung tikar. Itu satu masalah yang dihadapi.

Dan keduanya, soal *matching* ini, Tuan Pengerusi. Saya lihat kementerian ini jaga perabot BCIC dan dia juga jaga perhutanan. Makna di sebelah kanan BCIC, di sebelah kiri ada perhutanan. Saya dapati sebahagian besar daripada pengusaha bumiputera dalam bidang perabot tidak dapat bahan mentah daripada perhutanan yang kita jaga. Tidak banyak daripada mereka yang mendapat kelulusan kayu balak

daripada negeri umpamanya. Dengan yang demikian, pengusaha ini mengimport kayu daripada Sumatera dan ada juga yang akhirnya kahwin dengan orang Indonesia kerana kerap sangat pergi ke Sumatera. Akhirnya apabila kahwin dengan orang Sumatera berbagai-bagai masalah timbul selepas itu.

Jadi, tidak kah kementerian sebagai badan yang menjaga tangan kanan dan kiri ini, menggunakan kuasa, macam kata rakan saya tadi, dengan kerajaan negeri, pastikan orang yang telah melabur, sokongan. Ini yang dikatakan sistem ganjaran yang betul. Orang yang telah melabur, berani mengambil risiko dalam bidang perabot patut diberi pula insentif ataupun sistem ganjaran ini dengan memberi bekalan bahan mentah dalam bentuk kawasan kayu balak kepada mereka supaya melalui proses itu mereka sudah mempunyai satu bekalan bahan mentah yang mencukupi dan tidaklah mereka terpaksa mencari bahan, pergi ke negara lain. Manakala orang yang tidak mengusahakan industri perabot ini mendapat pula kelulusan kayu balak.

Jadi, sistem ganjaran ini tidak betul. Orang ini yang mengambil risiko, memang benar risiko ini untuk keuntungan dia tetapi cuba kita bayang jika BCIC ini berjaya, dapat membesar, dapat ke peringkat menguasai pasaran tertentu di peringkat antarabangsa, dengan kesenangan yang mereka perolehi, ia juga menyumbang kepada pembangunan negara dalam berbagai bentuk, dari segi pekerjaan dan juga menyumbang kepada hasil pendapatan negara.

Kedua, di bawah Butiran 00505 Pembiayaan Tanaman Semula Kelapa Sawit bagi Pekebun Kecil. Saya percaya keputusan sebanyak RM30 juta ini dibuat awal dahulu sebelum harga kelapa sawit jatuh. Sekarang harga kelapa sawit jatuh, saya tidak tahu macam mana kalau ada pihak begitu optimistik, saya pesimistik, pesimistik dalam erti kata tidak mungkin harga kelapa sawit akan naik kepada peringkat yang kita perolehi semasa krisis ekonomi, sekarang ini sudah turun dan kalau naik pun tidak begitu banyak. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian boleh atau tidak kementerian memberi statistik tentang bekalan kelapa sawit di dunia serta permintaan.

Saya tidak mempunyai statistik tersebut tetapi sebelum ini saya ada dan saya cari, saya tidak dapat perolehi. Dari segi bagaimana kedudukannya dan juga minyak daripada red bean, soya bean bagaimana? Kerana dari segi apa yang saya nampak

bekalan kelapa sawit ini sudah berlebihan di dunia. Bila berlebihan, permintaan tidak selaras dengan bekalan, jadi harga tentu turun dan kita berhadapan pula dengan soya bean, red bean. Di Indonesia pernah saya nyatakan pokoknya belum sampai kepada kematangan. Sekarang baru tujuh tan, belum sampai kepada pengeluaran sampai 28 tan satu hektar. Bila tiba kepada kematangan nanti, bekalan kelapa sawit akan menjadi begitu banyak. Di samping itu kita perlu sedar bahawa masyarakat dunia sekarang ini sudah berpindah kepada golongan kelas menengah atau middle class.

Jadi golongan middle class, kita ambil dari segi India, dulu memang dia makan minyak sapi, minyak kelapa sawit. Tetapi bila dia sudah terlibat dalam industri IT sudah menjadi billionaire, millionaire atau orang kaya sudah jadi masyarakat menengah, bukan lagi fesyen dia makan cara lama, dia akan makan ala western, dia hendak minyak soya, minyak red beans. Di negara kita pun begitu. Makan nasi pun sudah kurang, yang makan nasi banyak mungkin di kawasan-kawasan yang mundur tetapi kita pergi ke Kuala Lumpur orang makan Kentucky. Ini adalah perubahan-perubahan yang akan selaras dengan pembangunan sosioekonomi dunia. Jadi apabila masyarakat berpindah ke masyarakat menengah, dia kata kelapa sawit ini produk dunia ketiga dan dia tidak makan.

Berhadapan dengan halangan ini, saya tidak begitu optimistik bahawa industri kelapa sawit begitu merangsangkan untuk masa hadapan. Jadi adakah RM30 juta ini kita hendak belanjakan begitu juga. Hendak membanyakkan lagi. Saya tahu di antara syarikat-syarikat milik kerajaan dan milik swasta masih lagi meneruskan program menanam kelapa sawit, hendak pergi Indonesia lagi, akhirnya berapa banyak kelapa sawit yang akan banjir pasaran dunia. Di mana hendak dijual? Jadi keputusan yang dibuat hari ini akhirnya akan mencetuskan suasana industri di mana harganya semakin rendah, bekalannya banyak. Satu keputusan yang betul perlu kita buat sama ada RM30 juta ini hendak kita teruskan dari segi penanaman kelapa sawit ataupun tidak. Saya berharap satu kajian yang mendalam dibuat oleh pihak kementerian terutama mengambil kira keadaan kelapa sawit. Sekarang ini kita sudah kehilangan pasaran India dan saya tahu kita berusaha dengan negeri China bukan senang dengan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sudah habis sudah? Sikit lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila gulung.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, gulung. Kemudian kita pergi cuba dengan, melalui barter trade, bukan senang. Bermakna pasaran ini dari sekarang ke masa hadapan semakin sukar untuk kita mempertahankan pasaran ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kluang.

**3.29 ptg.**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma memerlukan tiga minit sahajalah untuk menyampaikan suara dan permintaan pekebun kecil.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa golongan pekebun kecil adalah salah satu golongan yang besar di negara kita dan pengundi saya memang pun ramai, mungkin separuh yang duduk di luar bandar yang terdiri daripada pekebun kecil. Minggu lepas, bila saya balik ke kawasan, saya lawat tiga kawasan yang ada di luar bandar dan ramai pekebun kecil ada jumpa saya. Mereka tanya pada saya, sebagai wakil kepada mereka sama ada perkara harga kelapa sawit yang jatuh sampai tahap yang begitu rendah pernah dibincang atau tidak di Parlimen ini. Jadi saya memang kata ada, dari segi perbincangan kita di Parlimen banyak perkara telah pun disebut, antaranya mungkin meningkatkan hasil, memperluaskan pasaran minyak sawit dan pernah sekali kita ada minta Kementerian Perusahaan Utama mungkin dengan kerjasama pihak Kementerian Kewangan di mana dapat kita cari satu jalan. Buat masa sekarang, minyak kelapa sawit begitu rendah sama ada dari segi mengurangkan import duti dan juga cukai import dari segi bahan racun dan baja supaya buat masa sekarang dapat mengurangkan beban pekebun kecil.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi saya sampai hari ini pun walaupun sudah bangkitkan banyak kali, jadi saya harap dapat sedikit jawapan sama ada usaha telah pun dibuat atau tidak sama ada harga racun dan baja dikurangkan atau tidak supaya dapat membantu para pekebun kecil di negara kita.

Selain daripada itu, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tambun di mana kita harus kaji sama ada kita masih hendak menggalakkan rakyat kita terus tanam kelapa sawit ataupun harus cari satu jalan di mana dari segi pengeluaran itu begitu banyak sama ada kita betul-betul boleh jual kepada pasaran dunia. Itu satu perkara yang harus kita kaji dengan betul-betul.

Satu lagi, apabila saya jumpa dengan mereka, mereka ada bangkitkan satu perkara kepada saya, saya bukan ada kebun kelapa sawit, ini saya tidak faham perkara ini. Mereka bangkitkan tentang satu kes di mana pada 16 Disember 1997, kementerian melalui Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) telah pun mengeluarkan satu perintah iaitu di bawah Perintah Minyak Kelapa Sawit Mentah 1997 iaitu kilang kelapa sawit harus membayar satu ses iaitu satu tambahan bayaran kepada ses yang kena dibayar di bawah Perintah Minyak Kelapa Sawit tahun 1978 pada tiap-tiap bulan. Saya bangkitkan perkara ini mungkin ikut pandangan mereka. Pada masa yang baik, apabila harga kelapa sawit adalah baik, jadi kementerian mengenakan ses ini supaya kilang kelapa sawit melalui pengeluaran kelapa sawit dapat membayar ses kepada PORLA.

Jadi pada masa sekarang, apabila pekebun kecil menderita jadi sama ada kerajaan menggunakan ses yang dahulu kita membayar kepada kerajaan ataupun kementerian, sama ada kali ini dapat menggunakan ses itu tengok cari jalan apa yang boleh supaya dapat membantu juga kepada pekebun kecil dari segi masa yang begitu susah sekarang.

Jadi dari segi dua, tiga perkara ini saya haraplah kementerian dapat memberi satu penerangan supaya bila kita sampai ke kawasan, dapat kita sekurang-kurangnya memberitahu sedikit sebanyak keadaan ataupun usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk membantu rakyat kita. Jadi perkara-perkara lain saya rasa cukuplah setakat ini. Saya harap dapat satu jawapan yang terang dan juga lanjut untuk keterangan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab.

**3.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-

ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama.

Pertamanya iaitu Yang Berhormat bagi Teluk Intan telah pun membangkitkan isu persaingan kelapa sawit dengan negara jiran iaitu Indonesia. Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, kita sedar Indonesia merupakan negara low cost producer, dengan izin, kerana mempunyai tanah yang luas dan tenaga buruh yang murah manakala Malaysia mengalami masalah sebaliknya. Oleh itu untuk mengembangkan industri minyak sawit kita terpaksa membuat pelaburan ke luar negara terutama sekali di negara Indonesia. Kita sedar Indonesia merupakan pesaing kepada kita dan dengan membuat pelaburan di sana ianya dapat meningkatkan kerjasama untuk mengatasi apa-apa masalah pasaran yang mungkin timbul dari semasa ke semasa serta mengekalkan persaingan yang bukan merumitkan kedua-dua negara.

Kementerian dengan kerjasama lain-lain kementerian seperti MITI sentiasa berusaha untuk negara-negara berkenaan menghapuskan diskriminasi tarif ke atas minyak sawit sama ada melalui Rundingan Dua Hala Serantau ASEAN atau WTO. Selain daripada itu, kita juga mempunyai agensi-agensi di negara tertentu yang sentiasa memantau dan melobi pihak berkuasa negara berkenaan untuk menghapuskan semua halangan, tarif dan bukan tarif termasuk kuota import bagi minyak sawit.

Berhubung dengan China yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan tadi bahawa melalui rundingan dua hala kita telah berjaya mendapatkan peningkatan kuota import daripada 1 juta tan kepada 1.5 juta tan pada tahun pertama kemasukan dalam WTO dan meningkat sehingga 2.5 juta tan pada tahun 2005 dan selepas itu kuota tersebut akan dihapuskan.

Yang Berhormat bagi Teluk Intan juga telah pun membangkitkan tentang isu subsidi soya oleh Amerika Syarikat dan tanaman GMO. Malaysia sedar negara Amerika memberi subsidi kepada pengeluar minyak soya untuk meningkatkan daya saing mereka tetap industri minyak sawit di Malaysia masih lagi mampu bersaing di pasaran antarabangsa kerana produktiviti kita masih tinggi, 10 kali ganda berbanding dengan kacang soya.

Mengenai dengan GMO, pada masa ini masih lagi menghadapi masalah penerimaan oleh pengguna terutama sekali di negara Eropah dan Jepun. Ini telah memberi kelebihan kepada minyak kerana pada masa ini minyak sawit bebas daripada GMO. Di samping itu, pihak kerajaan menggalakkan tanaman kelapa sawit dengan menggunakan baka benih berhasil tinggi seperti PS1, PS2 dan PS3 untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti.

Tentang EU Dedicated Vessel, dengan izin, yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan tadi. Mengenai isu dedicated vessel ini, dengan izin, yang dikenakan oleh EU, sukalah saya menjelaskan bahawa setakat ini eksport minyak sawit Malaysia tidak terjejas dengan cadangan tersebut kerana sebahagian besar daripada minyak sawit kita yang dieksport ke EU akan diproses selanjutnya untuk kegunaan makanan. Walau bagaimanapun, Malaysia masih lagi berunding di peringkat ASEAN dan antarabangsa seperti Kodak, Elementary Commission supaya pihak EU menarik balik cadangan untuk menguatkuasakan peraturan tersebut.

Tentang barter trade pula, kerajaan menggalakkan barter trade sebagai salah satu cara untuk meningkatkan eksport minyak sawit. Dalam hubungan ini, kita telah melaksanakan tiga peraturan counter trade iaitu dengan China yang melibatkan pertukaran minyak sawit dengan beras di antara Bernas dan Kofco yang melibatkan 30 ribu tan sehingga 40 ribu tan minyak sawit yang bernilai sebanyak USD40 juta dan jagung dengan minyak sawit di antara Federal Flour Mills dengan Kofco yang melibatkan 43 ribu tan minyak sawit dan 150 ribu tan jagung.

Satu lagi peraturan barter trade dengan Airco dari India yang melibatkan pertukaran minyak sawit dengan pembinaan landasan keretapi bernilai lebih kurang USD162 juta.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Baram tadi tentang geran membantu pekebun kecil. Pada masa sekarang kerajaan telah pun mewujudkan skim pinjaman mudah kepada pekebun-pekebun kecil berjumlah RM39 juta yang dilaksanakan oleh Bank Pertanian Malaysia. Kerajaan juga telah bercadang untuk melaksanakan skim yang sama kepada pekebun-pekebun kecil untuk tanaman baru dengan syarat yang hampir sama dengan skim tanaman semula pada tahun hadapan.

Beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain iaitu daripada Tambun, kenapa Kementerian Perusahaan Utama sedang giat untuk memajukan skim ini sedangkan pasaran antarabangsa dan harga kelapa sawit menurun dan saya akan jawab selepas ini.

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Datuk Anifah Aman:** Silakan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan, memandangkan harga minyak sawit telah menurun di sekitar RM800 setan dan dengan itu harga buah tandan segar pula yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil juga rendah iaitu dari sekitar RM100 hingga RM120 setan. Apakah kerajaan bercadang untuk memberi apa-apa bantuan misalnya subsidi untuk meringankan beban pekebun-pekebun kecil kerana kita semua maklum permasalahan ini begitu menekan dan dirasai oleh para pekebun kecil dan langkah-langkah drastik harus diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil kelapa sawit dapat dibela untung nasib mereka. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya memang sedar bahawa kebanyakan daripada pekebun-pekebun kecil di Kinabatangan adalah pengusaha-pengusaha kecil kelapa sawit dan oleh itu tidak hairanlah Yang Berhormat telah pun menyuarakan kepentingan pengundi-pengundi Yang Berhormat di kawasan itu. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan setakat ini belum ada cadangan untuk memberi apa-apa bantuan dalam bentuk subsidi kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit.

Walau bagaimanapun, untuk membantu meringankan beban mereka akibat harga yang rendah sekarang, Kementerian Perusahaan Utama sedang mengkaji semula kutipan ses yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha kelapa sawit untuk membiayai operasi dan aktiviti MPOB dan MPOC dengan tujuan sama ada untuk memberhentikannya untuk sementara waktu ataupun mengurangkan kadar ses yang berkenaan. Jadi untuk subsidi belum ada lagi yang dirancangan.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Baram tadi bahawa.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Tambun bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit sahaja. Saya tidak berapa jelas tentang *barter trade* ini antara kita dengan China, kalau tidak silap saya, US\$600 juta lebih kurang RM2 bilion untuk membuat landasan kereta api macam mana mekanismenya dan supaya kita nampak jelas macam mana kita mendapat keuntungan adakah dia hendak memberi kita kontrakkah atau macam mana? Dia ambil kelapa sawit kita harga RM2 bilion, kemudian pembinaan landasan kereta api itu macam mana mekanisme yang *barter trade* ini mendatangkan keuntungan kepada kita. Saya faham *barter trade* dia beri daging, kita beri kelapa sawit. Jadi kita dapat daging, kita jual di sini. Ini dari segi landasan kereta api macam mana?

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Sebenarnya satu daripada usaha Kementerian Perusahaan Utama untuk membuka pasaran kelapa sawit ialah secara *counter trade* ataupun *barter trade* yang saya katakan tadi. Satu daripadanya ialah di mana kita telah pun memberi pertimbangan dan kelulusan kepada negara China untuk membuat landasan kereta api.

Sebenarnya daripada segi aspek kos jika dibandingkan bahawa perbandingan itu bukan secara *dollar to dollar* tetapi semata-mata untuk membuka pasaran di mana kita mengharapkan negara China mengambil lebih kelapa sawit kita yang telah pun diperuntukkan daripada kuota mereka. Apabila perundingan itu dijalankan bahawa demi untuk negara China mempertimbangkan mengambil kelapa sawit kita, CPO kita, maka kita juga telah menawarkan mereka untuk satu pertimbangan dan ini telah pun mendapat penerimaan daripada negara China.

Memanglah daripada perhubungan dua hala daripada masa ke semasa kita terpaksa untuk meminta budi bicara negara yang lain, kita juga harus memberi sesuatu kepada mereka dan ini adalah satu daripada *the norms for business transaction*.

Kembali kepada Yang Berhormat bagi Baram juga, justeru itu skim yang telah pun dicadangkan ini memberi wang tunai secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil. Sementara menunggu pohon kelapa sawit matang pekebun kecil

digalakkan mengusahakan tanaman kontan dan ternakan sebagai sumber pendapatan mereka.

Di sini juga ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat bagi Baram bahawa selain daripada peruntukan skim pinjaman mudah yang diberikan oleh kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama dan dilaksanakan oleh Bank Pertanian iaitu sebanyak RM390 juta, kerajaan juga telah memberi peruntukan sebanyak RM100 juta yang berkuatkuasa pada tahun hadapan, bulan Januari di mana penanaman baru kelapa sawit kepada tanah-tanah yang terbiar yang belum dapat diusahakan juga telah pun diperuntukkan.

Ini adalah ditujukan khas kepada mereka yang mempunyai tanah-tanah yang terbiar terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak. Saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai kawasan-kawasan atau rakyat-rakyat di kawasan mereka yang mempunyai tanah-tanah yang terbiar supaya mengambil perhatian untuk menyampaikan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan Pusat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun pula.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Menyampuk ]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Satu lagi pertanyaan, ini untuk rakyat. Yang Berhormat bagi Tebrau kalau tidak mahu tanya tidak usah tanyalah. *[Ketawa]* Ini mengacau sahaja Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat, terima kasih. Jadi pada satu ketika Yang Berhormat ada memaklumkan bahawa baru-baru ini satu dana khas iaitu skim pekebun kecil telah diberi kelulusan RM100 juta, kalau tidak silap saya, untuk penanaman semula pekebun kecil di Sabah dan Sarawak. Saya ingin mengucapkan tahniah kerana perkara ini tidak berlaku pada satu ketika dahulu tetapi kemungkinan telah berlaku disebabkan kebetulan Timbalan Menterinya daripada Sabah, dan mungkin Menterinya memikirkan adalah perlu untuk mengagih sedikit yang ada untuk masyarakat pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak.

Tahniah di atas usaha Yang Berhormat dan ini mungkin menandakan satu kemenangan politik bagi Barisan Nasional, bukan seperti pembangkang yang menyalahkan kerajaan tanpa melakukan sesuatu. Persoalannya, bilakah agihan-

agihan tabung daripada dana tersebut untuk memastikan pekebun-pekebun kecil ini dapat dimanfaatkan, kerana tanah-tanah terbiar masih ada, bukan lagi masih ada tetapi masih banyak tanah terbiar tidak dapat diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil kerana mereka tidak berkemampuan.

Jadi, dengan ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah dana ini boleh diimplementasikan bermula pada Januari tahun hadapan. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Masalah dana yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perusahaan Utama memang akan dilaksanakan bulan Januari tahun hadapan ini. Yang penting sekali bahawa saya telah pun pergi ke kawasan Yang Berhormat dan Yang Berhormat sendiri ada hadir pada perhimpunan tersebut, di mana kita telah pun menjelaskan tentang kemudahan-kemudahan yang ada, Tuan Pengerusi. Tetapi apa yang mendukacitakan bahawa sampai hari ini belum ada permohonan-permohonan daripada rakyat-rakyat negeri Sabah khususnya dan yang lain amnya, terutama sekali daripada Kinabatangan.

Saya berharap kalaulah sekiranya rakyat-rakyat di Kinabatangan dan Yang Berhormat sendiri ingin untuk kita menjelaskan selanjutnya maka kita bersedia menjelaskan supaya kemudahan-kemudahan ini sampai kepada rakyat dan ini adalah satu daripada usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk mempertingkatkan kehidupan rakyat di luar bandar. Terima kasih, Yang Berhormat.

Soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi iaitu tahap penghijauan negara 50% seperti yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Rio de Janeiro. Yang Berhormat, komitmen negara untuk mengekalkan 50% daripada keluasan tanah negara dikekalkan berhutan dan berpokok *forest and green cover* bukanlah tanpa bersyarat. Mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara lain juga perlulah meningkatkan keluasan masing-masing daripada 27.6% kepada 30%. Pada masa kini keluasan tanah berhutan di negara kita berada pada tahap 60.7% iaitu 19.93 juta hektar.

Di sini terdapat juga pertanyaan Yang Berhormat berapakah keluasan PFE ataupun *Permanent Forest Estate* di negara kita, bahawa dalam tahun 1999 kita dapati bahawa di Semenanjung Malaysia *protection forest* ataupun hutan kawalan

ialah sebanyak 1.9 juta hektar *production forest* ialah 2.85 juta hektar dan jumlahnya ialah 4.75 juta hektar.

Di Sabah pula, *protection forest* ialah 0.19 juta hektar dan *production forest* 3.16 juta hektar dan jumlah ialah 3.35 juta hektar. Sarawak ialah 0.61 juta hektar daripada *protection forest* dan 3.88 juta hektar *production forest* dan jumlahnya ialah 4.5 juta hektar. Keseluruhannya Malaysia dalam *Permanent Forest Estate* ialah 12.6 juta hektar.

Yang Berhormat juga telah bertanya tentang kawasan-kawasan di bawah National Park Wild Life and Birds Sanctuary bahawa di Peninsular Malaysia ialah National Park sebanyak 0.439 hektar dan Wild Life atau Birds Sanctuary adalah 0.31 hektar; Sabah 0.25 hektar daripada National Park dan 0.16 hektar Wild Life and Birds Sanctuary; dan Sarawak 0.7 hektar National Park dan 0.309 hektar Wild Life and Birds Sanctuary dan jumlahnya ialah sebanyak 1.38 juta hektar bagi National Park dan 0.74 milion hektar bagi Wild Life Birds Sanctuary.

Jumlah kawasan yang telah pun dibalak dan apa semua terlalu banyak untuk saya bacakan di sini dan saya akan kemukakan secara bertulis dan juga yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi, kemajuan penggazetan tanah hutan simpan kekal untuk lapan negeri di Semenanjung Malaysia bahawa juga kalau saya bacakan di sini terlalu banyak dan ketiga-tiganya saya akan sampaikan secara bertulis kalau diizinkan, Tuan Pengerusi.

Juga beberapa negeri di Semenanjung Malaysia telah pun mengenal pasti dan mewartakan beberapa kawasan-kawasan hutan sebagai hutan tadahan air dan empat buah negeri yang berikut ialah seperti Negeri Sembilan, hutan tadahan air sebanyak 47,151 hektar dan hutan tadahan air ini telah diwartakan pada tahun 2000. Tindakan sedang diambil untuk mewartakan kawasan-kawasan lain yang berkenaan.

Di negeri Pahang pula, hutan tadahan air negeri keluasannya ialah 223,444 hektar, kawasan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air dan lain-lain negeri di Pahang juga seluas 271,195 hektar juga telah pun diwartakan dan Hutan Tadahan Air Temerloh yang seluas 15, 628 hektar kawasan ini telah diluluskan oleh MMK ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diwartakan sebagai Hutan Tadahan Negeri.

Perlis ialah 5,000 hektar, sebahagian daripada Hutan Simpanan Mata Ayer dan keseluruhan Hutan Simpanan telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air dan Hutan Perlindungan Hidupan Liar.

Selangor pula, hutan tadahan air seluas 42,940, kawasan-kawasan hutan ini telah diwartakan pada 11 November 1999. Nama-nama hutan simpan kekal yang terlibat ialah Bukit Cherakah 1,005 hektar, Semangkoh 1,525 hektar, Hulu Langat 8,085 hektar, Ampang 1,993 hektar, Ulu Gombak 9,824 hektar, Bukit Tarik 808 hektar, Bukit Belata 998 hektar, Bukit Belata Tambahan 1,919 hektar, Rantau Panjang 383 hektar, ini Rantau Panjang bukan di Kelantan. Sungai Lalang 2,023 hektar dan Hulu Selangor 14,370 hektar.

Walau bagaimanapun, negeri-negeri lain sedang dalam proses untuk mewartakan kawasan Hutan Tadahan Air masing-masing.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga bertanya berapakah keluasan yang dibatalkan gazet Hutan Simpan Kekal daripada 1992 hingga tahun ini. Yang Berhormat, jumlah yang dibatalkan gazet daripada tahun 1992 hingga tahun ini ialah 33,800 hektar di Semenanjung Malaysia.

Menjawab daripada isu-isu yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, iaitu satu daripadanya mengenai isu GIS, Jabatan Perhutanan dan MACRES bekerjasama rapat dan bersetuju untuk menandatangani MbU kerjasama tidak lama lagi dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah pun mempunyai seksyen GIS yang menangani hal-hal berkaitan kegunaan *Remote Sensing* dan *Geographic Information System* untuk kegunaan pengurusan hutan. Di sini izinkan saya untuk memberi sedikit sebanyak latar belakang tentang pengurusan hutan secara berkekalan di Malaysia yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi.

Sebenarnya pengurusan sumber-sumber hutan tropika serta kestabilan alam sekitar adalah di antara isu utama yang telah pun dibangkitkan dan dibincangkan semasa Persidangan Kemuncak Bumi yang telah diadakan di Rio de Janeiro pada tahun 1992. Dalam hubungan ini kadar pembalakan hutan tropika hutan yang tinggi serta amalan pengurusan hutan yang dianggap tidak mengikut ciri-ciri pengurusan

hutan secara berkekalan sering dibangkitkan terutama sekali oleh negara-negara maju. Sebagai pengeluar kayu-kayan utama tropika di dunia, Malaysia telah pun didakwa oleh pencinta-pencinta alam di negara-negara maju sebagai salah satu negara yang tidak mengamalkan pengurusan hutan secara berkekalan.

Dengan demikian, usaha-usaha telah diambil oleh pihaknya untuk mengharamkan import kayu-kayan dari Malaysia melalui kempen anti kayu tropika. Malaysia menyedari bahawa kepentingan sektor perhutanan, beberapa langkah telah pun diambil untuk menentang kempen tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah penghantaran misi ke negara-negara pengimport untuk menjelaskan kedudukan sebenar di Malaysia bagi meyakinkan semua pihak pengguna, penyertaan aktif dalam persidangan dan pameran antarabangsa serta pengeluaran filem-filem dokumentari, video dan bahan-bahan bercetak mengenai perhutanan untuk diedarkan secara meluas.

Malaysia juga sebagai ahli *International Tropical Timber of Organization* (ITTO) telah bersetuju untuk mencapai *ITTO objective year 2000*, dengan izin, di mana perdagangan antarabangsa kayu tropika akan dihadkan kepada bekalan yang diperolehi dari sumber hutan yang diuruskan secara berkekalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun 2000 ini. Pengurusan secara berkekalan ini ada kepentingannya dan pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan perlu diteruskan oleh kerana sebab-sebab berikut:-

- Mengekalkan sumbangan sektor perhutanan yang berterusan kepada ekonomi negara dan membekalkan kayu-kayan yang berkekalan kepada industri pemprosesan berasaskan kayu serta memberikan peluang pekerjaan dalam sektor perhutanan. Ini termasuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi tentang industri perabot yang mana bekalan mentah berterusan.
- Di samping itu, pengurusan hutan secara berkekalan hendaklah dilaksanakan untuk memelihara sumber genetik hutan selaras dengan kehendak di bawah *Convention on Biological Diversity*, dengan izin.

- Jika hutan-hutan diuruskan secara berkekalan ia akan menstabilkan iklim selaras dengan obligasi negara di bawah *Framework Convention on Climatic Change*, dengan izin.
- Pengurusan hutan secara berkekalan juga boleh memastikan bekalan air yang bersih dan pemeliharaan alam sekitar.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan ini, hutan simpan kekal yang telah saya sebutkan tadi ialah 73% daripada jumlah kawasan hutan di Malaysia. Jadi satu lagi yang kita usahakan ialah dari segi pemulihan hutan yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat kalau tidak silap saya dari Mambong atau Baram iaitu pemulihan hutan untuk mencapai pengurusan hutan secara berkekalan, pemulihan hutan kawasan yang dibalok harus dijalankan rawatan silviculture. Walau bagaimanapun, masih terdapat seluas 2.3 juta hektar kawasan hutan simpan kekal yang telah diusahakan tetapi masih belum dijalankan rawatan silviculturenya.

Kelewatan dalam melaksanakan rawatan silviculture ke atas kawasan yang diusahakan akan menjejaskan pemulihan semula hutan daripada kayu-kayuan di masa hadapan. Oleh itu, aktiviti ini hendaklah dipertingkatkan supaya pembesaran pokok yang silviculture hendaklah dipertingkatkan di dalam hutan telah diusahakan supaya dapat dipastikan.

Satu lagi isu yang telah dibangkitkan iaitu tentang pembalakan haram. Pembalakan haram ini kementerian sedar, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, bahawa Kementerian Perusahaan Utama sedar masalah pembalakan haram dan Alhamdulillah keadaan sudah dapat dibendung dan peruntukan akta yang sedia ada, contohnya had denda maksimum RM500,000, penjara mandatori setahun dan juga bilangan kes sudah pun menurun dan statistik yang ada pada tangan saya pada hari ini telah pun menurun daripada 1990 – 172 kes, 1995 – 34 kes dan pada 1999 – 26 kes. Ini menunjukkan penurunan pembalakan haram yang telah pun berlaku di kawasan-kawasan yang disebutkan tadi.

Yang Berhormat bagi Serdang pula juga menimbulkan mengenai hutan simpan air 3,066 hektar perlu dikekalkan, juga mengenai pencerobohan hutan simpan. Kerajaan sedar akan kepentingan dan fungsi hutan simpan dan akan mengekalkan

kewujudan hutan simpan tersebut. Sejauh mana perkembangan pensijilan kayu di negara ini NTCC telah ditubuhkan pada 1999. Yang Berhormat silakan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Apa yang dikatakan saya terhadap Hutan Simpan Air Hitam Puchong ini seluas 3,066 hektar telah dibuka untuk pembangunan dan hanya tinggal 4,267 hektar sebagai hutan simpan telah memberi MoU kepada UPM sebagai pusat penyelidikan. Tetapi, rasa bimbang UPM kata mengatakan bila-bila masa MoU boleh tarik balik.

Bolehkah dikekalkan supaya compartments yang ditentukan itu dapat dikekalkan sebagai hutan simpan supaya UPM boleh menggunakan sepanjang masa sebab pernah berlaku kejadian MoU pernah tarik balik apabila sampai masanya. Saya khawatir kalau tiada tempat lagi untuk penyelidikan hutan di kawasan ini. Hanya ini kawasan sahaja. Bolehkah kekalkan ini sebagai hutan simpan kekal dan juga satu kawasan compartment 18 supaya diwartakan melalui Jabatan Hutan supaya wartakan kawasan sebagai *reserve* Orang Asli. Ini pandangan penting kerana ia ada kaitan dengan kehidupan rakyat di negara itu. Saya meminta pandangan daripada pihak Yang Berhormat.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang tadi. Malah saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa hutan simpan kekal itu hendaklah diteruskan dan apatah lagi yang telah ditandatangani oleh MoU yang melibatkan penyelidikan dan pengajian. Kementerian saya akan mengikuti perkembangan dan insya-Allah saya akan pastikan bahawa kalaulah pada sudah-sudah MoU yang ditandatangani telah ditarik balik, kita akan mengikuti perkembangan ini supaya MoU itu benar-benar dilakukan dan dilaksanakan. Ya. Yang Berhormat bagi Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa kes pembalakan haram ini telah mulai berkurangan, bermakna kurangnya pencuri dan perompak [*Ketawa*] Jadi adakah kerana sebab-sebabnya kayu-kayu sudah mula habis berkurangan atau mungkin kebijaksanaan Timbalan Menteri yang baru ini. Sekian, terima kasih. [*Ketawa*]

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu sebenarnya ingin juga saya mengakui tetapi oleh kerana itu tidak betul,

maka saya katakan itu bukanlah hasil daripada saya sebagai Timbalan Menteri. Yang Berhormat, sebenarnya satu daripada berkurangnya pembalakan haram ini seperti Yang Berhormat katakan tadi bahawa satu daripadanya ialah oleh kerana kekurangan kawasan. Saya ingat Yang Berhormat bagi Kinabatangan dia ketawa tadi kerana saya ingat kawasan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah pun hampir habis, jadi tidak ada pembalakan haram yang dilakukan di kawasan Yang Berhormat itu. Jadi itu satu puncanya.

Kedua, yang saya katakan tadi bahawa kawalan-kawalan yang telah pun dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dan satu daripadanya ialah pindaan kepada Akta Perhutanan Negara untuk mengenakan denda yang tinggi untuk mencegah pembalakan haram yang melebihi yang saya sebutkan tadi. Kedua juga menggunakan khidmat polis dan angkatan tentera untuk meningkatkan rondaan udara dan juga menggunakan teknologi satelit *remote sensing* bagi membuat pengawalan untuk tidak ada pembalakan atau pun kegiatan haram yang dilakukan. Jadi itulah sebab-sebab yang aktiviti pembalakan haram telah pun berkurangan. Ya silakan

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta Yang Berhormat memberi penjelasan. Saya ada tanya tadi sebanyak 3,066 hektar Hutan Simpan Air Hitam telah dibuka. Jabatan Hutan atau Majlis Perhutanan Negara berdasarkan kriteria apa untuk membukakan sebanyak 3,066 hektar di kawasan Puchong ini. Adakah permintaan daripada kerajaan negerikah atau bagaimana cara untuk membuka hutan simpan yang begitu banyak di kawasan ini iaitu di Air Hitam ini iaitu 3,066 hektar dibuka. Apa kriteria dia. *On what condition that part?*

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini saya belum mendapat maklumat tentang sebab apa berlakunya pembalakan yang telah dijalankan dalam Hutan Simpanan Air Hitam itu. Walau bagaimanapun, kita akan mendapat maklumat daripada kerajaan negeri dan saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat kelak secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Serdang juga telah pun membangkitkan tentang *National Timber Certification Counsel* atau pun NTCC, dengan izin yang telah pun ditubuhkan pada tahun 1999 untuk menguruskan pensijilan kayu di negara kita ini. NTCC menggunakan kriteria dan indicator yang diasaskan oleh ITTO atau

*International Tropical Timber Organization*, dengan izin yang mana telah diubahsuai dan dijadikan satu set kriteria dan indicator yang boleh digunakan di negeri ini bernama MCNI.

NTCC ini juga telah pun mengadakan rundingan-rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mewujudkan piawaian atau standard untuk membolehkan pensijilan dibuat. Seterusnya NTCC sedang berusaha untuk menyediakan prosedur penilaian untuk membolehkan penilaian itu dibuat. NTCC juga sedang berusaha untuk melatih assesses dengan izin atau penilaian supaya dapat dilahirkan daripada golongan penilai tempatan bagi tujuan menilai pengurusan hutan di negara kita ini.

Yang Berhormat bagi Mambong ingin tahu sama ada skim pensijilan kayu negara ini diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa. Yang Berhormat, NTCC telah mengadakan perbincangan dengan Forest Stewardship Culture, dengan izin atau pun FSC semenjak 1999 bagi tujuan untuk menjalinkan kerja sama termasuk dalam penyediaan piawaian negara untuk pensijilan pengurusan hutan. Ini adalah bagi tujuan bagi mendapat *mutual recognition*. Bagi makluman Yang Berhormat pengeluaran kayu di bawah projek *pilot study* ini dengan izin, bagi negeri-negeri Terengganu, Pahang dan Selangor pengeluarannya bagi negeri-negeri ini diterima baik di pasaran Netherlands ataupun di Eropah.

Yang Berhormat bagi Serdang juga bertanya adakah kayu yang dieksport mendapat pasaran yang lebih luas dan harga yang lebih tinggi daripada kayu-kayu atau produk-produk yang tidak mempunyai sijil. Pada masa kini Yang Berhormat NTCC belum lagi mengeluarkan sijil sepenuhnya tetapi daripada pengalaman para pengeksport kayu dari tiga negeri yang saya sebutkan tadi yang terlibat di bawah projek perintis pensijilan di antara Malaysia dan Belanda adalah didapati kayu-kayu yang diberi sijil didapati lebih laris penjualannya, malah permintaan untuk kayu-kayu ini adalah lebih daripada bekalan.

Berkenaan harga pula ada laporan yang mengatakan harga yang lebih tinggi telah diperolehi tetapi ini bergantung kepada keadaan permintaan dan penawaran dengan izin, *supply and demand*.

Dan Yang Berhormat bagi Larut juga mempunyai banyak soalan di sini, satu daripadanya ialah pertukaran getah kepada kelapa sawit. Kejatuhan harga sawit

adalah fenomena sementara yang kita harapkan dan kementerian percaya pada jangka panjang prospek industri sawit adalah cerah. Ini juga menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Dan unjuran daripada pakar-pakar dalam industri menunjukkan permintaan melebihi penawaran. Selain itu banyak keluaran yang boleh dihasilkan dan yang bernilai tambah. Lembaga sawit telah pun ditubuhkan. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut bahawa adakah kelapa sawit mempunyai lembaga. Bahawa kelapa sawit mempunyai MPOB yang telah pun ditubuhkan pada 1 Mei 2000 ialah gabungan di antara PORLA dengan PORIM. Jadi kita memang mementingkan kualiti dan R&D dan meningkatkan mutu yang dibuat oleh Lembaga Sawit dan institusi-institusi R&D swasta juga telah pun memberi penekanan tentang pentingnya kita meningkatkan penyelidikan dan pembangunan kita.

Dan Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang masa depan kelapa sawit.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Anifah Aman:** Ya Yang Berhormat, silakan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat ada mengatakan Indonesia merupakan sebuah negara pengeluar kelapa sawit yang berkost rendah dan sehubungan itu Malaysia mungkin tidak dapat bersaing dengan Indonesia dari segi harga. Jadi adakah cadangan Malaysia untuk bekerjasama dengan Indonesia dari segi pemasaran misalnya supaya persaingan tidak sihat dapat dielakkan kerana tadi Yang Berhormat ada menyentuh bahawa walaupun harga kelapa sawit ini tidak lama dan mempunyai masa depan yang cerah.

**Datuk Anifah Aman:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Bahawa kita telah pun membuat satu usaha untuk berunding dengan negara jiran kita Indonesia bahawa kedua-dua negara kalau bersaing tidak akan membawa manfaat kepada negara masing-masing. Dan oleh itu, Menteri Perusahaan Utama telah pun mengajak rakan-rakan sejawatannya di negara—negara tertentu terutama sekali Indonesia supaya mengadakan rundingan di mana kita dapat meningkatkan harga kelapa sawit. Dan juga kepentingan Malaysia bahawa sebahagian besar daripada pelaburan di Indonesia dalam kelapa sawit adalah terdiri daripada pelabur-pelabur daripada Malaysia. Jadi

perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Presiden Indonesia iaitu Gus Dur kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Langkawi baru-baru ini. Jadi kita berharap bahawa rundingan seumpama ini dapat dihasilkan dan Insya-Allah dengan persetujuan kedua-dua belah pihak negara, ini akan dapat meningkatkan harga kelapa sawit.

Dan juga tentang naik turunnya harga kelapa sawit ini adalah harga komoditi adalah *cyclical* di mana ada kalanya naik dan ada kalanya turun dan tidak serupa dengan misalnya harga ayam di negara kita ini iaitu komoditi seumpama kelapa sawit ini adalah satu komoditi antarabangsa yang tertakluk kepada permintaan dan bekalan. Oleh itu diramalkan bahawa setiap penurunan itu akan menghasilkan kenaikan. Dan kita berharap bahawa *we have reach the bottom* dengan izin dan kemungkinan kita sedikit sebanyak telah melihat peningkatan harga sebanyak beberapa ringgit dalam beberapa hari yang lalu. Walau bagaimanapun peningkatan itu belum lagi dapat dipastikan ianya satu fenomena ataupun satu trend yang boleh kita banggakan.

Dan juga iaitu minyak sawit mempunyai tekanan ekonomi atau mempunyai *economic advantage* yang lebih berbanding dengan minyak sayuran lain dan dari segi harga kita lebih *competitive* daripada harga minyak sayuran yang lain. Dan satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi iaitu tentang adanya eksport minyak sawit melalui Singapura seperti minyak sapi....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Hulu Terengganu bangun ya.

**Datuk Anifah Aman:** Hulu Terengganu. Silakan

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya mengikuti ada jawapan-jawapan Yang Berhormat berkenaan dengan sebab-sebab kejatuhan harga minyak kelapa sawit dan saya tidak nampak di situ satu peruntukan yang diberi untuk penyelidikan, untuk mempelbagaikan produk daripada hasil kelapa sawit. Apa yang saya tengok tumpuan diberi kepada untuk meningkatkan mutu minyak kelapa sawit, untuk mengeluarkan benih-benih, untuk memendekkan tempoh penghasilan dan sebagainya. Ini pada saya tidak membantu menaikkan harga minyak kelapa sawit. Sebab itu saya cadangkan

supaya peruntukan yang besar diberi kepada R&D ini untuk mempelbagaikan produk kelapa sawit.

Begitu juga saya hairan dengan satu daripada langkah yang disebut oleh Yang Berhormat sebelum daripada ini iaitu untuk mempertingkatkan harga minyak kelapa sawit dengan cara menggalakkan tanam semula kelapa sawit bagi kelapa sawit yang telah berumur 15 tahun ke atas. Apakah Yang Berhormat yakin dalam masa satu dua tahun ini bahawa harga minyak kelapa sawit akan meningkat seperti paras sebelum daripada ini sebab dengan kita menggalakkan penebangan semula kelapa sawit yang berumur 15 tahun bermakna dalam masa tidak sampai 5 tahun kelapa sawit akan terlampau banyak dalam pasaran kita. Ini mungkin akan memburukkan lagi keadaan yang berlaku pada hari ini.

Begitu juga peruntukan yang diberikan sebanyak RM350 juta untuk pinjaman bagi penanaman kelapa sawit untuk tahun depan. Adakah satu perancangan dibuat kerana masalah harga sekarang ini banyak dipengaruhi oleh stok kita yang terlampau banyak dalam pasaran sekarang. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang peruntukan yang Yang Berhormat tidak lihat dalam belanjawan yang telah pun diadakan iaitu MPOB yang dahulunya terdiri daripada PORLA dan PORIM telah pun mengutipkan satu ses. Pengutipan ses itu adalah digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan dan setiap eksport atau *production* itu dikenakan ses sebanyak kalau tidak silap saya RM11.00 dikenakan dan ses ini digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan.

Dan tentang penanaman semula. Sebenarnya Yang Berhormat bukan 15 tahun sebaliknya 25 tahun ke atas yang dianggapkan pokok yang tua yang tidak mendatangkan hasil yang lebih. Dan kita Yang Berhormat sebenarnya kita tidak boleh mengharapkan *mono crop* ataupun satu-satu *crop* dan tidaklah Kementerian Perusahaan Utama ataupun Kerajaan Barisan Nasional apabila sesuatu tanaman itu menghadapi tekanan harga maka kita akan menghapuskan tanaman itu. Dan kemungkinan bahawa di masa-masa yang akan datang, seumpama apa yang berlaku pada masa yang lalu di mana harga kelapa sawit pada suatu ketika dahulu juga pernah menurun yang lebih jauh daripada apa yang kita hadapi pada masa kini tetapi ianya telah pun meningkat ke paras yang sungguh lumayan. Dan oleh itu oleh kerana

bahawa dalam keadaan pasaran antarabangsa bahawa yang saya katakan tadi antara permintaan dan penawaran kemungkinan juga berasaskan kepada faktor-faktor yang ada pada kita, kemungkinan bahawa harga kelapa sawit ini akan meningkat.

Dan industri kelapa sawit juga telah pun membendung banyak pekebun kecil dan ini adalah cara penghidupan mereka dan Kerajaan Barisan Nasional dan juga Kementerian Perusahaan Utama kalaulah mengambil langkah drastik yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi maka kebanyakan daripada pekebun-pekebun kecil ini akan kehilangan punca pendapatan. Jadi Kerajaan Barisan Nasional seboleh mungkin mengusahakan tentang mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa bukan sahaja kita meningkatkan produktiviti kita daripada segi mutu biji benih yang dihasilkan oleh MPOB kita juga sedang mempelbagaikan sektor hiliran kita di mana daripada segi oleo kimianya dari segi bahan-bahan makan dan bahan-bahan bukan makanan juga dipertingkatkan.

Dan saya telah pun menjawab dalam Dewan yang mulia ini dalam beberapa hari yang lalu tentang kemungkinan di mana penyelidikan yang begitu *advance stage* dengan izin, di mana kemungkinan kita dapat menggunakan CPO *palm oil* ini digunakan untuk minyak diesel kita. Dan kalau ini berhasil bahawa kemungkinan besar kita dapat menarik 500,000 hingga 600,000 tan setahun daripada pengeluaran eksport minyak kelapa sawit kita. Jadi kita juga telah pun berusaha untuk mempelbagaikan produk-produk kelapa sawit yang akan membawa *value added products* kepada negara kita.

Dan kembali kepada minyak sawit yang dieksport ke Singapura tadi sebahagian besar eksport minyak sawit adalah terus dipasarkan di pasaran-pasaran yang tertentu. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini eksport minyak sawit melalui Singapura telah menurun namun begitu bagi beberapa pasaran kecil Singapura dengan kemudahan perkapalan dapat membekalkan keluaran minyak kelapa sawit seperti minyak sapi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi dan juga ini adalah satu-satu sebab dan kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan supaya eksport seumpama ini dapat dihadkan melalui Singapura. Pandangan Yang Berhormat ini dan isu yang dibangkitkan kita akan terus memantau dan melihat sama ada ia berterusan dan sekiranya perlu kita akan mengambil langkah-

langkah yang tertentu untuk mengenal pasti bahawa usaha-usaha seumpama ini tidak diteruskan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tentang kawalan terhadap pembalakan di negeri-negeri yang juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, Majlis Perhutanan Negara telah menetapkan keluasan catuan tebanan bahawa setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak juga telah dikenakan lapa yang kita katakan *allowable cut* dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, catuan tahunan ini berjumlah sebanyak 46,040 hektar. Semua negeri alhamdulillah telah mematuhi catuan yang telah pun ditetapkan. I

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau. Yang Berhormat bagi Tebrau saya ingat saya sudah mendapat sedikit jawapan maka saya akan cuba menjawab apa yang dibangkitkan Yang Berhormat tadi berhubung dengan pengeluaran dan kualiti air mineral yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Sukacita dimaklumkan bahawa urusan pengeluaran kualiti air ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Dan saya juga berpendapat bahawa oleh kerana kawalan harga juga kemungkinan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada juga dengan sangkut paut dengan Yang Berhormat katakan tadi. Yang Berhormat tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama adalah setakat mengkaji dan mengenal pasti lokasi dan sumber air yang di bawah tanah. Jadi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidaklah seratus peratus keluar daripada bidang Kementerian Perusahaan Utama oleh kerana Kementerian Perusahaan Utama akan mengenal pasti lokasi dan sumber air yang di bawah tanah itu.

Dan Yang Berhormat bagi Larut juga mencadangkan bahawa Kementerian Perusahaan Utama dan MARDI mengambil langkah-langkah penyelesaian supaya boleh menolong industri terutamanya industri yang melibatkan kaum bumiputera. Memang kita telah jalankan R&D untuk tujuan dan hasil kualiti daun daripada yang telah kita lakukan ini daripada aspek tembakau dan ini termasuk penemuan sistem mekanisasi ladang, penggunaan formulasi baja yang lebih murah dan berkesan dan sistem pengurusan perosak dan juga *variety* baru yang berpotensi. Di samping itu

penilaian tanaman kontan sebagai tanaman giliran untuk ditingkatkan pendapatan penanam-penanam tersebut.

Juga cadangan Yang Berhormat supaya tanaman tembakau diganti dengan *cash crop* yang lain. Buat masa ini kementerian telah dan sedang membuat kajian terhadap tanaman-tanaman lain yang boleh menggantikan tanaman tembakau, contohnya tembikai dan sayur-sayuran dan sekiranya kita mendapati bahawa ianya menghasilkan lebih daripada penanaman tembakau maka kementerian tidak akan teragak-agak untuk memberi bantuan dan juga khidmat nasihat kepada penanam-penanam tersebut supaya dapat mengganti pendapatan cara hidup mereka.

Yang Berhormat juga telah pun membangkitkan mengenai tunggakan hutang pengawet daripada bank yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bachok tadi. Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Tembakau Negara sedang menimbangkan bayaran insentif kepada penanam dan melibatkan syarikat-syarikat rokok melalui insentif sebanyak RM2.50 sekilogram.

Yang Berhormat juga telah bertanya kenapakah peruntukan bangunan LTN tahun 2001 kurang berbanding tahun 2000. Ini Yang Berhormat bagi Bachok, tahun 2001 LTN akan menumpukan kepada projek-projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-7, projek-projek baru dengan peruntukan yang lebih besar akan dimulakan dalam tahun 2002 dan itulah sebab kelihatan bahawa peruntukan LTN itu berkurangan kalau dibandingkan daripada tahun-tahun yang sudah. Ini bukan bererti, Yang Berhormat, bahawa oleh kerana industri tembakau ini adalah terdiri sebilangan besar di Terengganu dan Kelantan maka Kementerian Perusahaan Utama tidak menitikberatkan tentang keadaan ataupun cara penghidupan pendapatan rakyat kita di Kelantan dan di Terengganu. Insya -Allah, kementerian tidak menganaktirikan rakyat di Kelantan dan Terengganu dan hasil daripada kaji selidik juga kita telah pun menjalankan beberapa kajian supaya dapat kita menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil tembakau di kedua-dua negeri Terengganu dan Kelantan, juga Perlis dan Kedah.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan kerajaan membantu penanam pengawet kerana mereka mengalami kerugian dalam pengeluaran tanaman tembakau dari segi hutang *input* dan sebagainya akibat kemarau dan banjir.

Yang Berhormat juga telah pun menyatakan bahawa Lembaga Tembakau Negara sudah mempunyai tabung kebajikan industri tambahan tetapi tidak mencukupi untuk membantu penanam dan pengawet. Yang Berhormat, kerajaan telah memberi bantuan kepada penanam tembakau sebanyak RM75 seorang di bawah tabung bencana alam. Kerajaan juga melalui LTN telah memberi RM70 seorang di bawah tabung kebajikan industri tembakau kerana masalah bencana alam. Untuk langkah jangka masa panjang, kerajaan sedang menyusun program-program untuk membantu mereka yang terlibat dalam industri melalui memperbaiki infrastruktur seperti perparitan dan sebagainya. Di samping itu, kerajaan juga dengan bantuan pengilang-pengilang rokok juga mempunyai program membantu penanam dan pengawet tembakau daripada segi pemberian *input* seperti benih, baja dan untuk membolehkan mereka meneruskan tanaman mereka yang rosak akibat daripada banjir yang berlaku pada tahun-tahun yang sudah.

Yang Berhormat juga telah pun membabitkan sebagaimana kerajaan membantu penternak di dalam masalah JE. Di samping itu, program penyusunan semula industri tembakau dan usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti melalui R&D dan kerjasama MARDI sedang dan akan terus diusahakan untuk meningkatkan aktiviti dan mengurangkan kos yang kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran amat tinggi sekali. Oleh itu, mengenai hutang yang dialami oleh pengawet, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk membantu mengurangkan beban pengawet-pengawet melalui perbincangan yang dibuat dengan Bank Pertanian dan kita mengharap bahawa perbincangan seumpama itu akan dapat menghasilkan satu *agreement*, satu pencapaian di mana kita dapat membantu pengawet-pengawet dan penanam tersebut.

Ada beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi, di antaranya ialah *matching* antara pembuat perabot dan konsesi hutan. Kementerian melalui agensinya seperti MTNB senantiasa mencuba untuk menemukan pembekal dan pengguna supaya dapat membantu pengusaha-pengusaha bumiputera mengenai pengusaha perabot diberikan konsesi, ini Yang Berhormat, terpulanglah kepada kerajaan negeri masing-masing oleh kerana mereka mempunyai kuasa yang penuh ke atas isu perhutanan ini. Kerajaan pusat dan melalui

Kementerian Perusahaan Utama cuba boleh mengemukakan isu-isu ini dan masalah-masalah tentang bahan-bahan mentah yang berkurangan yang dihadapi oleh perabot-perabot industri bumiputera. Saya sendiri telah pun mengawasi dan juga meneliti dan mengkaji tentang masalah industri perabot berkaitan dengan bumiputera ini. Memang kita akui bahawa apabila ekonomi kita menurun, keadaan kita yang tidak mengizinkan bahawa ramai di antara pengusaha-pengusaha bumiputera yang telah pun mengalami di mana mereka tidak mampu untuk membayar hutang mereka. Satu daripadanya, Yang Berhormat, melalui kajian yang telah pun kita jalankan kita dapati bahawa pengusaha-pengusaha bumiputera ini masih lagi menghadapi masalah kepakaran dan di mana kita telah pun mengadakan program-program latihan supaya dapat kita meningkatkan kepakaran mereka dalam sesuatu bidang komponen

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh mereka ialah pengurusan kewangan kalau dibandingkan dengan pengusaha-pengusaha bukan bumiputera yang telah pun established. Dari segi pasaran pula, satu, daripada kualiti yang tidak begitu menyerlah; kedua, daripada pasaran yang terhad maka mereka ini telah pun menghadapi satu tekanan di mana mereka tidak dapat meneruskan perniagaan mereka dan oleh itu, kementerian telah pun mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud ini dan juga bahawa Kementerian Perusahaan Utama menganggap bahawa industri perabot ini adalah satu industri yang strategik di mana yang saya katakan pada awal jawapan saya di Dewan yang mulia ini, RM4 bilion adalah terdiri daripada industri perabot ini di mana 80% adalah daripada kayu getah.

Kalau kita lihat, kita mengagak bahawa kemungkinan dalam beberapa tahun akan datang, industri perabot ini akan meningkat ke RM7 bilion. Jadi, kita di Kementerian Perusahaan Utama tidak berputus asa dan kita sedang mencari beberapa kajian, kita telah mengusahakan kajian dan penelitian dalam kementerian cara macam mana kita hendak mempertingkatkan dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dan termasuk Yang Berhormat sendiri, ada cadangan-cadangan yang baik bagaimana kita hendak memperkukuhkan atau melibatkan usaha bumiputera ini termasuk juga daripada kerajaan negeri yang harus memberi mereka bantuan daripada segi bahan mentah maka ini adalah satu langkah yang positif supaya kita dapat membantu mereka ini. Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama akan terus

mengembangkan, terus mengkaji dan terus membantu pengusaha-pengusaha bumiputera ini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [*Bangun*]

**Datuk Anifah Aman:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ada dua perkara, Tuan Pengerusi, pertama tentang justifikasi RM100,000 ini daripada RM6 juta, RM15 juta.

Yang kedua, Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa dua masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha bumiputera. Satu, masalah kepakaran dan kedua, pengurusan kewangan. Ini masalah yang basic sepatutnya telah selesai. Oleh kerana industri ini *ongoing, dynamic*, dia bukan statik, dia dinamik dan pengusaha kita hendak bersaing di peringkat antarabangsa. Pengusaha-pengusaha lain di negara lain sudah berada pada kitaran yang jauh, *business cycle* yang sudah jauh, kita kebelakang. Pada masa ini baru kita hendak atasi masalah kepakaran, hendak atasi masalah ini, ada *time lag* nanti. Tidakkah akhirnya pengusaha bumiputera tidak langsung dapat masuk ke pasaran dan menjadi kompetitif kerana masih menghadapi masalah yang basic itu. Jadi tidakkah pihak kementerian cuba melihat daripada sudut kita mewujudkan pula pengusaha yang bergabung antara orang Cina katakan, dengan orang Melayu. Daripada orang Melayu pergi sendiri tidak mungkin ia boleh sampai ke peringkat itu oleh kerana masalahnya, jadi kita gabung jadi *Malaysian company*.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu adalah satu daripada saya katakan tadi oleh kerana kekurangan kepakaran dan juga mengalami kewibawaan pengurusan kewangan, ini satu kenyataan yang harus kita terima bahawa ramai daripada pengusaha-pengusaha kita yang mengalami masalah pokok iaitu, daripada segi yang saya katakan tadi. Hasil daripada kajian dan penelitian Kementerian Perusahaan Utama tadi, kita telah pun menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha ini bekerjasama dengan sesiapa pun termasuklah pengusaha-pengusaha daripada luar negara seperti 'Ikea' dan lain-lain. Apabila mereka merasa bahawa mereka telah pun mendapati kepakaran atau pun *the*

*transfer of the technology*, dengan izin, daripada syarikat-syarikat maka barulah mereka boleh berdiri di atas kaki sendiri.

Yang Berhormat, kalau kita pandang daripada sudut masalah-masalah asas ini, masalah pokok yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kita maka saya sendiri apabila melihat daripada jauh pada suatu ketika dahulu bahawa masalah ini seharusnya telah pun diselesaikan, sama juga dengan pendapat Yang Berhormat tadi, telah diselesaikan pada awal-awal lagi. Tetapi apabila saya melihat daripada segi dekat di mana saya sendiri telah terlibat memanggil pegawai-pegawai yang terlibat dan secara kebetulan, secara satu kenyataan bahawa masalah ini masih lagi yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bumiputera. Dari segi kualitinya oleh kerana kepakaran itu tidak begitu berleluasa dalam syarikat bumiputera ini maka tidak ada permintaan daripada luar negara untuk membolehkan mereka mengeksport barangan mereka.

Jadi, inilah perkara-perkara pokok yang harus kita selesaikan dan oleh itu pada masa kini biarpun kita telah pun menawarkan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk menubuhkan satu *furniture village* terutama Sabah sendiri. Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Utama telah memberi peruntukan RM7 juta, sampai hari ini dari mula saya masuk kementerian, sampai hari ini belum mendapat kepastian sama ada negeri Sabah ingin menubuhkan satu *furniture village* yang kita harapkan dan kursus-kursus telah pun dijalankan oleh pihak MARA dan kementerian kita kepada pengusaha-pengusaha bumiputera di negeri Sabah tetapi Kerajaan Negeri Sabah belum lagi menerima tawaran kita dan saya ingat RM7 juta yang diperuntukkan itu akan lenyap, akan dikembalikan kepada Kementerian Kewangan oleh kerana tidak diambil atau digunakan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, kita akan terus mengusahakan industri perabot ini oleh kerana kita memang sedar bahawa betapa pentingnya penglibatan bumiputera dalam industri perabot. Insya-Allah, dari masa ke semasa saya akan memberi Yang Berhormat tentang perkembangan industri perabot ini yang melibatkan usahawan bumiputera kita.

Yang Berhormat bagi Tambun juga telah membangkitkan tanaman semula sawit, telah pun saya jawab Yang Berhormat bagi Dungun oleh kerana industri sawit

ini dan juga industri yang lain di mana turun naiknya harga, maka Kerajaan Barisan Nasional tidaklah berpendapat bahawa oleh kerana harga pada masa kini menurun, maka industri sawit tidak mempunyai masa hadapan yang cerah.

Perangkaan pengeluaran minyak dunia adalah seperti berikut:

Soya bean	-	24 juta tan
Minyak sawit	-	20 juta tan
Sunflower seed	-	9 juta tan
Red seed oil	-	12.9 juta tan

Permintaan bagi tahun 1999 adalah 86.2 juta tan dan nampaknya yang utama adalah seperti berikut:

Soya bean oil	-	23.7 juta tan (agak berkurangan)
Minyak sawit	-	19.4 juta tan
Sunflower seed	-	9.1 juta tan
Red seed oil	-	12.9 juta tan (hampir sama pengeluaran dan

permintaan)

Permintaan minyak sayuran dunia ini dijangka meningkat dengan hubungan penduduk dunia yang akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

Di sini Yang Berhormat bagi Kluang meminta supaya diturunkan cukai import baja dan racun. Permintaan ini boleh dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Perusahaan Utama tidak mempunyai kuasa untuk menurunkan cukai import baja dan racun. Walau bagaimanapun, kita akan cuba membawa ke perhatian Kementerian Kewangan.

Pada tahun 1998 Yang Berhormat telah membangkitkan ses tambahan untuk subsidi minyak masak. Ingin saya katakan di sini bahawa ses telah pun digunakan untuk subsidi minyak masak dan telah pun dihentikan kutipannya pada 1 Jun 1999. Saya terangkan tadi untuk membantu pekebun-pekebun kecil NPOB dan NPOBC akan cuba mengurangkan kutipan ses kepada pekebun-pekebun kecil dan pengusaha-pengusaha sawit.

Oleh itu, saya berharap bahawa jawapan-jawapan yang telah pun kita kemukakan telah pun menepati soalan-soalan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, sekiranya ada soalan-soalan yang tidak dapat dijawab secara teratur dan secara

terperinci dan ada kalanya yang tertinggal, kita akan memajukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu supaya mereka mendapat jawapan yang terperinci dan jawapan yang menepati supaya mereka dapat menerangkan kepada rakyat di kawasan masing-masing.

Oleh itu, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan mengemukakan soalan-soalan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM161,795,130 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM161,795,130 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM70,634,000 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM70,634,000 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B.19 [Jadual] –  
Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Petaling Jaya.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sri Gading bangun dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak semesti yang bangun dahulu, [Ketawa] Saya kira siapa saya nampak dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bolehlah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Petaling Jaya Utara.

**4.45 ptg.**

**Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh Maksud Pembangunan P.19, Kementerian Pertanian, Butiran 08900 - Rancangan-rancangan Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai, Selangor.

Di sini saya ingin mengambil perhatian kementerian terhadap projek menaik tarafkan Sungai Kayu Ara yang melibatkan kawasan Petaling Jaya Utara dan kawasan Subang. Pada tahun yang lepas saya sudah dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM12 juta untuk menaiktarafkan sungai tersebut bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kampung Chempaka iaitu dengan menggantikan jambatan yang sedia ada dengan jambatan yang lebih tinggi dan menaiktarafkan seluruh Sungai Kayu Ara dengan mendalamkan dasar, melebarkan dan mengkonkritkan tebing sungai.

Namun demikian, sehingga hari ini Kampung Chempaka telah beberapa kali dilanda banjir kilat terutama sekali menjelang tibanya musim monsun. Dan berkemungkinan beberapa hari ini akan berlaku banjir kilat lagi. Justeru itu, saya berharap pihak kementerian tidak melengahkan masa lagi dan mempercepatkan proses untuk menjalankan projek ini.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberitahu kerajaan selagi dasar dan tebing sungai tersebut tidak dilebarkan dan dinaiktarafkan serta mempunyai tebing sungai konkrit yang sempurna, perkara seperti membuang atau melonggokkan sisa bahan binaan di tepi sungai untuk dijadikan tapak rumah setingan akan terus berlaku. Ini merupakan salah satu faktor yang mengakibatkan berlakunya banjir.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1996 hakisan tanah juga berlaku di tebing Sungai Kayu Ara iaitu di belakang rumah nombor 61 hingga ke nombor 91, Jalan SS22A/1. Pada masa itu pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, Daerah Petaling telah membelanjakan kira-kira RM100,000 untuk melakukan kerja menahan hakisan tebing sungai di belakang beberapa rumah. Walau bagaimanapun, kerja penahanan secara sementara ini hanya dapat bertahan sehingga tiga tahun dan perlu dinaiktarafkan dengan didirikan dinding konkrit pada tebing sungai untuk mengatasi masalah yang

berlaku. Namun pada masa sekarang kerja pembinaan tebing konkrit belum dilakukan dan kehilangan atau hakisan tanah terus berlaku pada setiap hari.

Saya ingin tahu sama ada projek menaiktarafkan Sungai Kayu Ara yang bernilai RM12 juta juga merangkumi pembinaan tebing sungai konkrit di Jalan SS22A/1. Jika ya, memandangkan keadaan hakisan yang semakin serius dan sebelum terjadinya rumah-rumah yang berada 30 kaki lebih tinggi daripada aras sungai itu terjejas, maka saya berharap kementerian mengambil tindakan segera supaya keadaan buruk tidak berterusan dan mempercepatkan proses untuk menjalankan projek menaiktarafkan Sungai Kayu Ara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagilah Sri Gading.

**4.50 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak membicarakan dalam Kementerian Pertanian ini B.19 – 020000, 030000, 040000 – Pertanian, Pengairan, Saliran dan Perkhidmatan Haiwan.

Walaupun negara telah mula berubah kepada perindustrian, namun pertanian masih lagi menjadi keutamaan, sesuai dengan iklim yang terdapat di negara kita ini, pertanian memang tidak boleh dipisahkan daripada negara dan rakyat. Oleh yang demikian, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang insya-Allah berjaya di Lunas ini nanti, yang telah pun memperuntukkan RM2.4 bilion lebih untuk dibelanjakan baik pengurusan mahupun pembangunan dalam tahun 2001 insya -Allah.

Saya yang mewakili pengundi-pengundi yang berlatarbelakangkan pertanian, mengucapkan ribuan terima kasih kerana sejak berpuluh tahun, Kementerian Pertanian ini memberikan bantuan sokongan yang begitu besar manfaatnya kepada pengundi-pengundi di kawasan saya khususnya di daerah Batu Pahat dan secara umum di negeri Johor.

Hasil daripada peruntukan dan pembangunan Kementerian Pertanian, alhamdulillah, keadaan kehidupan petani-petani di negeri Johor khususnya begitu

baik, walaupun masih boleh diperbaiki lagi dan kalau usaha memperbaiki taraf hidup petani ini terus dapat kita tingkatkan, insya -Allah 2004 memang tidak ada harapanlah PAS hendak masuk negeri Johor. *[Tepuk]*

Oleh yang demikian, saya memohon kepada Kementerian Pertanian teruskanlah projek-projek pembangunan yang boleh memberikan peningkatan kepada taraf hidup rakyat dan petani khususnya kerana ianya memberi impak yang amat ketara, bagaimana rakyat akan berterima kasih kepada kerajaan kerana boleh membantu mereka dalam kehidupan sehari-hari.

Di ruangan yang amat terhad ini, Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan beberapa cadangan, beberapa pandangan yang boleh mengelokkan lagi yang dah cantik, yang boleh lagi mencantikkan yang telah pun elok, yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian, mudah-mudahan apa yang saya suarakan ini akan dapat diusahakan oleh Kementerian Pertanian dan mudah-mudahan sokongan rakyat di Bahagian Sri Gading khususnya, di negeri Johor amnya akan terus memihak kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Pembukaan Tuan Pengerusi, ini pembukaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, baru pembukaan ya. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mukadimah sahaja, harap bersabarlah di sebelah sana. DAP le bih-lebih lagi hendak sabarlah. Fasal kerusi you sudah kena ambil oleh KeADILan. Lebih lagi hendak sabar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay. Ini pertanian Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, memang DAP belum melawan dah kalah dah. Itu apa kata dalam bahasa Cina apa, *[bertutur dalam bahasa Cina]* dengan izin. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya. Ini pertanian. Orkid menjadi sebahagian tanaman yang subur di negara kita. Dan orkid kerana di eksport memberikan pulangan kepada negara. Saya berharap Kementerian Pertanian akan meningkatkan bantuan segala macam, kepada penanam-penanam orkid yang kebanyakan terdiri daripada kaum Tionghua, teruskan bantuan kerana mereka ada kepakaran – teruskan. Cuma saya hendak menyelit sedikit, hendak menyelit, kalau boleh digunakan bahasa menyelit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh, boleh, bahasa halus itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh atau tidak diberikan sedikit pendedahan yang lebih kepada bumiputera yang bantuan kepada pengusaha-pengusaha kaum Tionghua kita, sahabat kita itu teruskan, tingkatkan kerana ia memberikan pulangan yang besar kepada negara, tukaran wang asing. Itu teruskan, cuma boleh atau tidak diberikan ruangan sedikit memberi bantuan dan pendidikan, pendedahan kepada petani-petani Melayu untuk masuk dalam lapangan perniagaan ataupun tanaman orkid ini.

Orang Melayu memang suka tanam orkid. Cuma dibuat perhiasan, isteri saya kadang-kadang dia lebih melihat orkid daripada saya ini. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Isteri atau isteri-isteri?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ialah, mana-manalah Tuan Pengerusi, boleh. *[Ketawa]* Saya ikut ayat Tuan Pengerusi sahajalah. Apa hendak lawan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini fiil wanita Melayu Tuan Pengerusi, termasuk agaknya Datin Tuan Pengerusi, pun sama juga, agak sayalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, lebih kurang sama. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Datin Timbalan Menteri Pertanian pun serupa jugalah Tuan Pengerusi, lebih kurang itulah, bukan main suka dia

menanam orkid ini. Maknanya cara menanam itu sudah adalah, tetapi secara hendak dikomersialkan agaknya amat terhad.

Jadi, kalau boleh Kementerian Pertanian memberikan pendedahan, bantuan kepada ataupun memberi ruang yang lebih, bantuan kewangan umpamanya, bantuan kepakaran umpamanya, kepada petani-petani Melayu yang agak berpotensi, pilihlah, bukan semua. Cuma kerana kita hendak mempe lbagaikan orang Melayu ini kepada tanam-tanaman yang lain, jangan asyik-asyik kacang panjang, asyik-asyik jagung, asyik-asyik ubi, asyik-asyik keledak, itu sahaja orang Melayu ini, apa orang Melayu ini 'muka keledakkah'. *[Ketawa]* Berilah ruangan kepada yang lain. Orang Melayu ini kadang-kadang mereka hendak mudah sahaja. Dia cucuk, tanam, cucuk, tanam. *[Ketawa]* Ialah memang cucuk itu tanam tak. Saya tak ke mana Tuan Pengerusi, cucuk tanam itu pertanian. Ini nanti Bukit Mertajam sudah lain pula kepala dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dak, dak. Teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang kedua, kacang tanah Tuan Pengerusi. Kacang tanah juga mempunyai pasaran yang agak menguntungkan. Ini diberi pendedahan. Kepada kaum Tionghua, Cina yang telah pandai ini terus beri bantuan, tetapi kepada orang Melayu, ini balik-balik kacang tanah Ipoh mari. Apa balik-balik kacang tanah yang Menglembu, kacang goreng ini Menglembu – Ipoh mari. Yang cap 'jempol' itu kata orang kampung saya cap 'jempol'.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cap jari.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Cap jari itu, kata orang kampung saya, cap jempol. Kalau orang kita Jawa tahulah jempol itu apa maknanya.

Cuba beri pendedahan sedikit kepada orang Melayu. *[Disampuk]* Arab boleh Jawa pun boleh ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ini tanaman serai ini. Serai ini orang Melayu buat gulai sahaja, itu sahajalah. Tetapi sebenarnya saya difahamkan melalui serai ini kita boleh perah minyaknya dan minyak serai ini sebenarnya mempunyai market ataupun pasaran yang akan menguntungkan. Cuba berikan satu pendedahan dan satu kesungguhan kerana serai ini amat mudah ditanam terlebih-lebih kepada tanah-tanah

gambut. Tanah gambut memang sesuai ditanam serai ini. Cucuk sahaja dia menjadi. Cucuk dia berkembang. Cucuk serai di ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanah gambut ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....di tanah gambut. *[Disampuk]* Memanglah kalau pertanian kalau tidak cerita cucuk – cerita apa lagi? Jadi, serai itu. Cuba agaknya pilot projek dikenalkan, tanaman kelompok di tanah-tanah gambut yang agak tidak sesuai hendak ditanam dengan pokok buah-buahan, agak dibuat satu perusahaan yang boleh dijadikan contoh dan tiruan supaya tanah-tanah terbiar di tanah-tanah gambut ini boleh mendatangkan hasil dan ini menambahkan pendapatan. Ini kalau bolehlah Kementerian Pertanian. Itu habis cerita pertanian.

Saya hendak masuk cerita pengairan pula Butiran 030000 - Pengairan dan Saliran Terima kasih, Jabatan Pertanian

Di daerah Batu Pahat, di daerah saya ....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Cuma saya perlu penjelasan di sini. Tadi ada Yang Berhormat mengatakan bahawa menanam pokok orkid sahaja. Tetapi apakah bunga-bunga yang lain dan keduanya, bagaimana hendak kita menggalak kaum bumiputera terutama sekali supaya dapat budaya menanam ini secara besar-besaran. Ketiganya ialah, bagaimana dengan pasaran dalam negeri sekiranya kita tidak dapat eksport apa yang kita lakukan. Di samping itu tadi Yang Berhormat ada sebut juga dengan serai, ingin saya dapat penjelasan apakah jenis serai yang kita akan tanam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Saya soal bunga ini tidak berapa mahir, apa yang isteri saya tanam itulah yang saya tahu. Saya belajar daripada isteri. Mungkin bunga-bunga lain juga mempunyai pasaran. Kalau pasaran luar negara itu tidak dapat diadakan, saya rasa itu terpulanglah kepada FAMA, Kementerian Pertanian agaknya boleh mengusahakan jualan-jualan kepada orang ramai tentang bunga-bunga yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Saya memang bersetuju dengan

Yang Berhormat, memang patut dipelbagaikan, dipelbagaikan bukan sahaja orkid tetapi pelbagai bunga-bunga.

Jadi, terserah kalau Kementerian Pertanian, saya harap Kementerian Pertanian boleh tolong jawab soalan ini, daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Saya cuma hendak *pastkan* balik ke sana. Jadi, kita kenen dia balik. Jadi, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan berpuas hati dengan jawapan saya setelah saya banyak berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan selama ini. Jadi, kita bertukar-tukar soalan dan jawapan. Ini cantiknya Barisan Nasional.

Jadi saya beralih kepada ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Laillahaillallah. [*Ketawa*] Ini saliran. Saya kata tadi saya anak Batu Pahat, berterima kasih kepada Jabatan Pertanian kerana selama ini projek Johor Barat telah banyak sangat membantu. Johor Barat dengan hampir RM1 bilion lebih projek yang memakan masa selama 20 tahun daripada tahun 70-an lebih telah pun dapat mengubah muka bumi di negeri Johor khususnya di kawasan Johor Barat yang telah pun dapat kami hindarkan dari segi banjir besar, dari segi pemulihan tanah, dari segi mempelbagaikan tanaman mengikut zon, dari segi perhubungan kerana jalan-jalan yang dibuat di celah-celah pertanian ini telah dapat menghubungkan, boleh dikatakan semua kampung di Johor Barat, ada jalan yang menghubungkan antara kampung dengan kampung dan ini amat sangat memberikan satu pertolongan besar kepada rakyat di Johor Barat dan saya mewakili mereka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekarang Johor Barat sudah pun berlalu, telah ditamatkan kontraknya. Cuma sekarang ini kerja-kerja ini telah pun diserahkan kepada JPS untuk meneruskan saki-baki yang berkaitan dengan kemajuan tanah dan perairan di kawasan itu. Saya berharap peruntukan-peruntukan yang tertentu daripada kementerian ini untuk meneruskan penggalan-penggalan parit di kawasan perladangan, jambatan-jambatan

kecil di atas perparitan di dalam kawasan pertanian dan juga jalan-jalan batu merah yang telah pun dapat dilaksanakan oleh Johor Barat itu disambung...

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kepong, apa kena mengena dengan Johor Barat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi. Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan, Tuan Pengerusi, sebab Yang Berhormat bagi Sri Gading mengambil masa yang terlalu panjanglah, orang lain hendak cakap juga mengenai MARDI, mengenai teknologi-teknologi pendahuluan dan Johor Barat pun mestilah mengambil perhatian mengenai MARDI juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Inilah *double standard* .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong. Saya suruh dia gulunglah Kepong.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Double standard* DAP. Kalau jumpa rakyat dia kata, dia memperjuangkan hak rakyat tetapi saya cerita tentang rakyat sudah dia marah pula. Laillahailallah, *double standard* langsung. Sebab itulah dia tidak dapat bertanding di Lunas. Saya terus, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Satu lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasihlah .

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang lain pula. Saya bagi Keponglah.

**5.05 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya bangkitkan mengenai halaman 368, Butiran 030000 – Program Pengairan dan Saliran. Halaman 370, Butiran 040000 –Program Perkhidmatan Haiwan dan mengenai Bank Pertanian.

Tuan Pengerusi, yang pertamanya mengenai MARDI. MARDI bertanggungjawab untuk penyelidikan dan pembangunan di dalam sektor pertanian. Memang satu aspeknya ia telah memainkan peranan dan ada banyak hasil juga tetapi di dalam usaha untuk meningkatkan teknologi-teknologi pendahuluan iaitu *leading age technologies* yang belum difahami oleh Sri Gading tadi ialah ada ruangan yang boleh diperbaiki kerana MARDI usahanya tidak cukup untuk meningkatkan teknologi pendahuluan bagi negara ini. Ini termasuklah penyelidikan-penyelidikan mengenai *genetically modified food* dan sebagainya. Sebelum ini kita ada banyak *hybrid*. Penyelidikan *hybrid* yang menghasilkan banyak termasuk rambutan, durian kita dan sebagainya.

Tetapi di dalam masalah untuk menyesuaikan *genetically modified food*, saya nampak tidak begitu berkesan lagi dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai teknologi-teknologi pendahuluan ini. Setakat manakah MARDI dapat memajukan misalnya makanan-makanan *genetically modified food*. Dan apakah dasar pihak kementerian mengenai *genetically modified food*? Saya bangkitkan hal ini, *genetically modified food* ini akan semakin hari semakin penting di dalam pengeluaran makanan kita. Sebab dengan adanya gen yang disesuaikan kita dapat hasil yang lebih banyak, yang lebih lumayan dan bagi bidang pertanian, ini merupakan satu perkara yang penting.

Saya mencadangkan pihak MARDI mengambil perhatian terhadap kesan-kesan *genetically modified food (GMF)* ini dan juga mungkin kita akan adakan satu jawatankuasa hanya untuk mengesan, untuk menyelidik, untuk menelaah, semua kesan-kesan *genetically modified food* ke atas manusia dan juga haiwan di Malaysia ini.

Kita perlu buat hal ini sebab teknologi kian meningkat dan satu perkara lagi mengenai MARDI ialah pada tahun ini institusi ini akan dijadikan sebuah badan penyelidikan dan pembangunan, R&D korporat. Apakah maksud pengkorporatan MARDI ini kerana ini merupakan satu langkah yang baru dan apakah faedah yang akan kita perolehi daripada pengkorporatan ini. Sebab kita tidak boleh mengambil perkara ini dengan ringan memandangkan kita perlu meningkatkan hasil dan penemuan MARDI untuk menjayakan sektor pertanian kita secocok dengan Dasar

Pertanian Ketiga. Apakah tujuan pihak kementerian untuk mengkorporatkan institusi ini.

Saya takut, Tuan Pengerusi, apabila institusi-institusi ini dikorporatkan, kerja penyelidikan dan pembangunan hanya menumpukan kepada faedah dan keuntungan sahaja. Kalau tidak ada untung, tidak payah kita ada penyelidikan. Ini bermakna ada sebahagian penyelidikan, bukan untuk keuntungan dan faedah, bukan untuk sektor korporat. Penyelidikan ini untuk kepentingan orang ramai. Itu sahaja. Saya hendak pihak kementerian menerangkan apakah akan dibuat oleh MARDI selepas pengkorporatan tersebut.

Mengenai Program Pengairan dan Saliran kita, Tuan Pengerusi, saya nampak misalnya, di dalam masalah banjir. Kalau ikut peruntukan bagi tahun depan iaitu bagi Wilayah Persekutuan ada lebih RM150 juta dan kalau tidak silap saya bagi Negeri Selangor, hanya RM20 juta atau RM30 juta, saya tidak dapat meneliti sekarang. Tetapi berbanding dengan peruntukan untuk Wilayah Persekutuan, memang kecil. Saya hendak kementerian memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, adakah peruntukan yang kecil ini secocok dengan keperluan bagi Sungai Kelang dan sungai-sungai di Selangor? Sebab saya bangkitkan perkara ini, di Wilayah Persekutuan, sejak tahun 70-an lagi, hampir 30 tahun selepas berlakunya banjir yang besar di Kuala Lumpur, pihak kementerian pun sudah mengadakan satu rancangan tebatan banjir untuk Wilayah Persekutuan dan juga untuk Lembah Kelang.

Tetapi setakat ini saya nampak mungkin ada 60% atau 70% daripada rancangan tebatan banjir ini disiapkan di Wilayah Persekutuan tetapi di bahagian Negeri Selangor, tidak. Pelaksanaan itu lemah dan pencapaian pun lemah juga di Selangor. Kalau tidak silap saya, tidak sampai 40% atau 50% kepada rancangan tebatan itu dan kalau itulah berlaku, mengapa kita memperuntukkan wang yang lebih kecil bagi sungai-sungai di kawasan Selangor ini. Saya bangkitkan hal ini supaya Yang Berhormat dapat mengambil perhatian mengenai masalah banjir terutamanya banjir kilat di kawasan-kawasan ini. Ini termasuk di lain-lain tempat di Kuala Lumpur seperti di Jalan Pantai Baharu dekat dengan Universiti Malaya, ada banjir dari semasa ke semasa kerana saliran dan perparitan yang tidak sempurna.

Begitu juga dengan kawasan-kawasan lain seperti Kajang, di Sungai Chua, di Batu 11 Cheras, dan beberapa tempat. Di Serdang juga ada banjir kilat yang menyusahkan para penduduk dan ini bermakna keadaan sistem saliran dan pengairan di kawasan-kawasan seperti Kajang, Sungai Chua, Batu 11 Cheras dan juga termasuk Serdang, tidak begitu sempurna. Mujurnya, di kawasan Kepong dan Jinjang, pada masa ini tidak ada banjir banyak sebab ada tindakan yang diambil oleh Dewan Bandaraya dan juga oleh kementerian untuk menebatkan banjir di situ dan saya berharap Yang Berhormat dapat mempertingkatkan usaha untuk mengurangkan banjir kilat di kawasan-kawasan yang saya sebutkan dan juga bagi seluruh negara.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai Bank Pertanian Malaysia. Walaupun hasratnya untuk mempergiatkan lagi pembangunan sektor pertanian melalui pemberian kemudahan kredit dan pinjaman dan juga menggalakkan penabungan di kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan. Nampaknya, jumlah peminjam pada tahun 1999 hanya 72,835 orang dan dianggarkan untuk tahun ini ialah meningkat kepada 76,000 orang dan jumlah simpanan tetap masa ialah RM2.2 bilion bagi tahun lepas dan meningkat sedikit kepada RM2.6 atau RM2.7 bilion bagi tahun ini. Saya nampak, Tuan Pengerusi, walaupun hasratnya untuk memberi kredit pinjaman dan untuk menggalakkan penabungan di sektor ini terutamanya kepada orang-orang yang lebih miskin, tetapi usaha bagi Bank Pertanian ini, saya nampak ia lebih cenderung kepada korporat untuk melabur di dalam sektor-sektor yang mendatangkan faedah atau keuntungan yang lebih.

Di sinilah saya menekankan sekali lagi, objektif bagi Bank Pertanian ialah untuk membantu orang-orang yang kurang berupaya di sektor pertanian. Bukan untuk menjadikan bank komersial seperti bank-bank Malayan Banking, RHB Bank dan sebagainya. Jangan kita mirip kepada arah aliran komersial ini kerana kita hendak majukan sektor pertanian, walhal dengan usaha kita untuk melaksanakan dasar pertanian yang ketiga, kita berharap Bank Pertanian Malaysia boleh memainkan peranan dan fungsi yang lebih berkesan, terutamanya untuk menjadikan sektor pertanian yang lebih penting.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh gulung, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, banyak perkara lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, masa sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang akur kepada Tuan Pengerusi. Cuma yang terakhir sekalilah, mengenai Program Perkhidmatan Haiwan untuk mengawal, mencegah dan membasmikan penyakit haiwan dan zoonotic kita. Kita boleh nampak tahun lepas dengan berlakunya wabak *Encephalitis* dan mengorbankan lebih 100 nyawa di dalam industri penternakan khinzir. Nampaknya pihak kementerian sudah tidak begitu berjaya untuk memajukan Program Perkhidmatan Haiwan kerana daripada akar umbinya kawalan tidak begitu baik, terutamanya oleh bahagian Jabatan Veterina untuk sentiasa mengawal selia semua jenis penyakit yang terdapat dalam haiwan-haiwan, bukan sahaja ke atas khinzir bahkan lembu, kambing, itik dan ayam. Mujur industri-industri seperti industri ternakan ayam kita ada maju sedikit. Kita boleh eksport ayam dan nampaknya kementerian pun ada buat kerja sedikitlah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak kata...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....cukup buruh tetapi ada lain sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah berlebih pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi cadangan saya tidak dikemukakan lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, boleh buat cadangan semasa Menteri jawab, boleh mencelah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mencelah sedikit. Saya hendak mencelah ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, ya. Sandakan. Saya bagi Sandakan.

**5.19 ptg.**

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud 19 – Pembangunan Kementerian Pertanian, Butiran 162200 – Peningkatan Aktiviti Perlindungan Sumber, 050000 – Perikanan, 02900 – Kemudahan Pembangunan Industri Buah-buahan

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pertanian mengenai masalah-masalah industri perikanan di Sabah. Apa yang dapat saya perhatikan, banyak kerosakan telah berlaku terhadap hidupan marin di laut, akibat daripada aktiviti-aktiviti pengeboman ikan yang dilakukan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka hanya menginginkan keuntungan yang cepat untuk kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kesannya terhadap alam sekitar dan ekonomi negara.

Aktiviti ini telah mengakibatkan pencemaran laut dan menjejaskan hidupan di dasarnya. Selain daripada memusnahkan terumbu karang, ianya juga telah memusnahkan banyak spesis ikan di laut. Kegiatan sesetengah nelayan yang menggunakan kapal *trawler* untuk menangkap ikan-ikan kecil untuk pasaran tempatan dan ikan-ikan besar untuk dieksport ke luar negara akan menyebabkan spesis ikan di laut akan berkurangan. Secara langsung ini akan menjejaskan sektor perikanan dan pelancongan di Sabah kerana kualiti dan keindahan dasar laut akan terjejas terutamanya kepada pelancong-pelancong yang meminati aktiviti menyelam di dasar laut.

Sekali lagi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pertanian mengenai masalah pencemaran sungai yang berlaku di Sabah, contohnya Sungai Moyag dan Kinabatangan, Sandakan. Jika dahulunya sungai ini cukup terpelihara dan menjadi salah satu daya tarikan pelancongan di Sabah kerana terdapat spesis ikan yang menarik di samping sungainya yang bersih dan unik tetapi kini sungai-sungai ini mula tercemar oleh aktiviti-aktiviti kilang perindustrian kelapa sawit yang membuang sisa

bahan toksid dan kimia ke dalam sungai berkenaan. Akibatnya kualiti sungai telah terjejas dan spesis-spesis ikan di dalamnya turut mati.

Oleh itu, saya minta Kementerian Pertanian dapat menghalang dan menghentikan kegiatan pengeboman ikan dan pencemaran sungai ini dengan segera kerana ianya akan menyebabkan semua spesis ikan akan pupus. Polisi dan tindakan penguatkuasaan yang berkesan untuk menyelamatkan industri perikanan di Sabah perlu diambil perhatian yang serius untuk memastikan keindahan dan hidupan marin di laut dan juga sungai di Sabah terpelihara sepanjang masa.

Seperkara lagi ialah mengenai pertanian buah-buahan bermusim di Sandakan, contohnya rambutan, nenas, durian dan sebagainya. Apa yang saya perhatikan para petani hanya menjual buah-buahan ini setakat musimnya sahaja. Sekiranya musimnya sudah tamat, buah-buahan yang masih ada akan dibuang begitu sahaja kerana tiada permintaan daripada pelanggan-pelanggan mereka.

Sebenarnya buah-buahan tersebut boleh dijual ke kilang-kilang pemprosesan makanan untuk dijadikan produk makanan tin buah-buahan. Cara lain ialah dengan mengeksport buah-buah itu ke negara luar tetapi untuk mengeksport buah-buahan tersebut ke negara luar, beberapa prosedur perlu dipenuhi termasuklah banyak cukai eksport dan sebagainya. Modal diperlukan dalam menjalankan eksport buah-buahan tempatan ke negara luar.

Oleh itu, bantuan dari kerajaan dan badan-badan swasta yang memerlukan bantuan dan pinjaman kewangan adalah amat diperlukan oleh para pengusaha sektor pertanian. Dengan adanya galakan pinjaman daripada badan-badan kewangan maka mudahlah bagi para pengusaha pertanian ini menjalankan aktiviti-aktiviti mengeksport buah-buahan ke negara luar.

Kerajaan seharusnya menyarankan dan menjalankan program-program yang memperluaskan pengetahuan yang dapat membuka minda para petani untuk merebut peluang perniagaan yang ada, manakala sektor-sektor badan swasta haruslah membuka ruang dan menggalakkan pinjaman kepada para pengusaha pertanian demi memajukan industri pertanian kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jerlun.

**5.26 ptg.**

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk ikut membahaskan tentang Kementerian Pertanian P.19 Butiran 060000, 070000 dan 120000.

Pertama tentang pemberian subsidi harga padi. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa harga padi tidak pernah naik, tidak pernah meningkat, maka diharapkan agar kementerian ini dapat meninjau kembali supaya subsidi harga padi itu dapat ditingkatkan dengan mengambil kira bahawa harga barang sekarang ini terus meningkat, keperluan harian terus naik. Maka sebagai kerajaan yang begitu sekali berwawasan dan prihatin kepada rakyat, saya fikir harga padi perlu dinaikkan sekiranya ingin selamat tahun 2004 nanti, insya-Allah.

Walaupun Sri Gading dan kawan-kawannya bimbang PAS masuk ke Johor, ke mana-mana pun negeri yang PAS masuk bukan untuk buat kacau, bukan hendak buat nakal tetapi adalah untuk membela semua peringkat rakyat.

Kemudian, tentang pemberian subsidi baja padi hendaklah dilakukan secara adil tanpa mengira fahaman politik mereka. Suka dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa sehingga minggu lepas, saya mendapat aduan bahawa para petani di daerah Kubang Pasu dan juga Jerlun belum lagi menerima baja padi seperti yang diharapkan sekalipun padi mereka sudah berumur satu bulan. Saya tidak tahu di mana *slack* nya, di mana silapnya menjadikan baja itu tidak sampai kepada petani di daerah yang saya maksudkan itu.

Kemudian, tentang harga racun rumpai untuk kegunaan para petani kita hendaklah dikawal harganya dengan serius oleh kerajaan. Kalau tidak, petani tetap akan menghadapi masalah dan berterusan dalam kesempitan hidup mereka.

Tuan Pengerusi, Butiran 120000 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Majuikan). Suka saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa nelayan-nelayan pantai di sekitar Kuala Sanglang, Kuala Kerpan, Kuala Tunjang dan Kuala Jerlun sampailah ke Kuala Perlis tetap terus menerus menjadi mangsa tangkapan polis Marin. Sampai minggu lepas semasa lawatan saya, saya mendapat aduan daripada mereka di mana bot-bot mereka dan pukuk-pukuk mereka dirampas dan dibakar oleh

pihak polis Marin dan tidak dibenarkan nelayan-nelayan itu untuk menebus kembali bot dan pukuk-pukuk yang dirampas itu.

Kemudian saya ingin tahu perkembangan projek udang harimau Kerpan sampai sekarang ini kerana tiga hari yang lepas semasa lawatan saya ke kawasan itu kelihatan tapak projek tersebut telah diliputi oleh semak dan belukar. Sedangkan Menteri Pertanian semasa lawatan ke negeri Kedah tempoh hari ada keratan akhbar *Berita Harian* pada saya [*Menunjukkan sehelai keratan surat khabar*] bertarikh 31 Mei 2000, memberi ja minan bahawa projek tersebut akan dipulihkan dalam masa dua atau tiga bulan daripada tarikh lawatan beliau. Tetapi sekarang ini sudah hendak berakhir tahun 2000.

Kalau sekiranya projek itu dibiarkan berterusan, lebih kurang 1,000 hektar tanah yang melibatkan 72 keluarga akan terus menjadi mangsa, sedangkan para petani sudah pun bersetuju, penduduk-penduduk yang menjadi mangsa projek tersebut sudah bersetuju untuk mengurangkan tuntutan mereka di mana kalau dahulu mereka menetapkan RM50,000 untuk setiap 0.6 hektar tanah kepada RM24,000 sebagai jalan penyelesaian. Oleh yang demikian dalam hal ini saya merayu agar kerajaan melalui Kementerian Pertanian ini tolong campur tangan bagi menyelesaikan masalah ini secepat mungkin.

Kemudian, P.19, Butiran 17121 - Rancangan Tebatan Banjir Kedah f. Suka saya maklumkan bahawa hakisan sepanjang Kuala Sanglang sampai ke Kuala Kerpan, Jerlun dan juga Tunjang ini terus berlaku terutama di musim tengkujuh dengan pukulan ombak yang begitu kuat, perlu diberikan perhatian yang sebaik mungkin. Seratus lebih rumah se panjang pantai itu menjadi mangsa kepada hakisan laut ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya menyeru agar kementerian ini memberikan perhatian yang saksama kerana kita tahu mempelam sekarang ini ia cerah masa depan. Ianya dua ke tiga tahun dan dua ke tiga kali berbuah habis kena ulat. Ranting dan dahannya akan patah, akan gugur habis, cerah masa depan. Hendaklah mengusahakan melalui kajian dan penyelidikan agar dapat dihasilkan klon-klon mempelam yang tahan serangan musuh tanaman ini, seperti ulat dan sebagainya. Kalau perlu belajar kepada negeri jiran kita seperti Thailand yang begitu

maju di dalam bidang pertanian mereka, teknologi pertanian mereka begitu maju, kenapakah kita tidak boleh belajar daripada teknologi mereka ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, di bawah B.19 Kementerian Pertanian, program pertanian dan Butiran 162900 – Pemberian Kepada FAMA iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, peruntukan sebanyak RM4.67 juta. Apakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi FAMA sekarang ini. Apakah kerajaan mengkaji semula fungsi dan menambahkan peruntukan supaya FAMA boleh membantu memasarkan hasil pertanian yang kebanyakannya punca pendapatan penduduk luar bandar pada masa ini, iaitu seperti tanaman-tanaman mudah, buah-buahan, ubi kayu, keladi, sayur-sayuran dan sebagainya untuk menambah pendapatan mereka ini.

Saya dapati fungsi FAMA tidaklah sebegitu cukup pada masa ini dan saya simpati kepada pegawai-pegawai FAMA ini yang berkurang dan juga kalau dilihat peruntukan yang begitu rendah berbanding dengan tugas mereka untuk membantu pemasaran di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 163300 – Pemberian Kepada LPP iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang, peruntukan sebanyak RM8.86 juta. Sekarang ini LPP merupakan satu pertubuhan yang kuat dan mendapat sambutan daripada petani, peladang, penternak dengan rangkaian yang luas di seluruh negara dan ramai ahli. Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah Kementerian Pertanian tidak bercadang supaya fungsi Lembaga Pertubuhan Peladang ini diperluas lagi dan diberi juga peranan untuk memasarkan hasil pertanian khususnya ahli-ahli.

Kita memang tahu misalnya di Sabah ada kedai peladang tetapi fungsi mereka adalah terhad dan membeli hasil pertanian secara selektif dan terpilih untuk membantu peladang dan banyak hasil yang tidak dapat dipasarkan. Kalau boleh fungsinya diperluas, peruntukan lebih besar kerana kita dapat membantu mengurangkan import buah-buahan ataupun hasil pertanian atau makanan ini jikalau banyak agensi yang boleh membantu mengurangkan masalah ini.

Tuan Pengerusi, program perikanan iaitu di bawah Kepala Perikanan, Butiran 22100 - Latihan f, untuk program perikanan ini. Latihan memang ada dua aspek iaitu yang pertama, latihan untuk menambahkan kecekapan pegawai dan juga latihan untuk meningkatkan kecekapan nelayan ataupun mereka yang terlibat dengan aktiviti perikanan. Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah kementerian sekarang berpuas hati dengan skim latihan yang dibuat ini. Kerana kita dapati bahawa kecekapan pegawai untuk menerapkan industri ataupun aktiviti perikanan ini tidak begitu mendalam. Saya selalu menangkap ikan dan ada juga kolam ikan. Kadang-kadang petani ataupun nelayan ini lebih pandai daripada pegawai tersebut. Jadi saya mintalah supaya ini dilihat kerana fungsinya boleh ditekankan.

Setakat ini apakah jenis-jenis kursus yang ditawarkan oleh kementerian dan berapa banyak kursus yang telah pun dilaksanakan. Saya sentiasa mencari iklan, iklan di surat khabar ataupun di mana belia-belia diambil dan dilatih. Saya tidak mendapati ada iklan yang membolehkan kita wakil rakyat atau pemimpin untuk menghantar belia-belia yang dahagakan latihan ini. Saya mendapat satu tawaran hari itu di surat khabar di Sabah menghantar dua orang sahaja itu pun yang memohon begitu ramai, ratusan orang tetapi tempat cuma dua orang. Apakah ini boleh dikaji semula.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 23700 - Pengurusan dan Perlindungan Perikanan f. Di antara objektif kalau kita lihat dalam belanjawan itu meninggikan mutu hasil perikanan di antara lain dan juga memastikan sumber perikanan tidak terus merosot. Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah aktiviti yang dilakukan sekarang ini mencapai objektifnya. Kerana kita lihat bahawa setakat ini beberapa kawasan tidak ada yang dilindungi. Saya minta kalau boleh berapa banyak kawasan ini, adakah kawasan yang telah digazetkan sebagai tempat perlindungan perikanan, khususnya tempat pembiakan perikanan.

Saya tahu ada beberapa tempat yang tidak boleh menangkap ikan atau memukat. Itu kalau kita lihat ialah cuma kawasan pelancongan atau taman-taman sahaja misalnya di Pulau Payar, di Taman Tuanku Abdul Rahman, di Pulau Sipadan dan sebagainya yang dekat. Jadi saya minta pihak kementerian boleh mengadakan kawasan ini dan kawasan ini dikawal supaya ikan itu diberi peluang untuk membiak. Masalahnya sekarang ini, kalau kita lihat aktiviti ini tidak terkawal, misalnya

ancaman-ancaman kepada pembiakan ini ialah pukot tunda yang tidak ikut peraturan. Kalau hujung pukot tunda itu panjang dibuka, di belakangnya ada dipanggil “lundu”, saya tidak tahu di sini dipanggil apa – “keroncong” iaitu yang bulat di belakang.

Sepatutnya ada sukatan dari segi besar mata pukot ikan itu, 1½ inci ataupun mengikut saiz. Tetapi pemukat tunda ini dia sehingga ¼ inci. Jadi semua anak-anak ikan yang lalu di pukot itu terperangkap di situ. Sepatutnya mereka ini lepas keluar. Saya ingat mungkin rakan saya Yang Berhormat bagi Jerlun tadi, Jabatan Perikanan tangkap mereka ini oleh kerana tidak ikut peraturan. Yang kedua, pukot-pekot kecil persisiran pantai ini begitu berleluasa. Macam-macam jenis pukot, Tuan Pengerusi, pukot ½ inci, 1 inci, ¾ inci, boleh kata semua anak-anak ikan ini ditangkap.

Kemudian penggunaan penangkapan ikan yang tidak berdisiplin misalnya, menggunakan bom ikan seperti yang dikatakan Yang Berhormat bagi Sandakan tadi dan sekarang ini ada *trend* baru, Tuan Pengerusi, kalau menyelam sebelah malam pakai lampu picit, kita boleh tengok ikan itu, kita *spray* dia. Apabila kita *spray* dia dengan racun cyanide ataupun racun serangga, ikan ini mabuk, pening. Jadi tangkap sahaja masuk dalam beg. Itulah aktiviti yang berleluasa sekarang ini. Kalau kita lihat penggunaan cyanide ini begitu berleluasa, tentu sekali cyanide ini bukan sahaja membunuh ikan tetapi juga membunuh batu karang ini kerana racun ini adalah racun cyanide. Saya tidak tahu berapa tan cyanide dikeluarkan di perairan pantai khususnya pantai Sabah sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini.

Masalahnya ialah saya minta kementerian supaya bagaimana cara untuk menguatkuasakan peraturan ini supaya stok ikan kita ini terkawal. Kemudian, bagaimana memberi pendidikan, kesedaran dan juga kefahaman kepada nelayan ini supaya tidak melanggar peraturan ini. Contohnya, Tuan Pengerusi, kalau udang itu kita tangkap apabila dia dewasa, udang ini cepat membesar, lebih kurang enam bulan dia boleh cukup besar dewasa. Satu kilogram udang besar, lebih kurang 10-15 ekor berbanding dengan udang yang kecil kalau kita tangkap yang baru membiak, satu kilogram lebih kurang 400-500 ekor, Tuan Pengerusi.

Harga udang yang besar ini satu kilo lebih kurang RM20-RM25. Tetapi harga udang ini satu kilo yang kecil ini cuma RM3.00-RM4.00 sahaja. Bayangkan betapa banyak pembaziran di sini. Kalau kita tunggu enam bulan kita biarkan dia membesar,

yang 500 ekor tadi yang berharga RM3.00 ini menjadi ratusan, ribuan ringgit apabila dia membesar. Inilah yang nelayan kita tidak faham, Tuan Pengerusi, yang mereka tahu tangkap.

Saya minta pendidikan kepada nelayan ini perlu diperluaskan. Saya boleh membantu juga mendidik ini, tetapi mereka ini tidak faham. Kita mahu seluruh negara dan dasar ini mesti kita fahamkan kepada nelayan-nelayan ini supaya ikan yang mereka tangkap itu iaitu yang kecil ini tiada kualiti dan kita mesti biarkan dia membesar dan bila dia besar dia akan memberi lebih pendapatan.

Jadi beri peluang ikan itu membesar dahulu. Kita tangkap sahaja yang besar. Ini dibuat di luar negara, Tuan Pengerusi, seperti di Australia tidak dibenarkan pukat dan ikan pun ikut saiz. Saya pernah memancing di sana. Kalau ikan siapak kurang daripada 25 inci dilepaskan. Ikan yang lain-lain pun sama juga, ikan kerapu.

**Tuan Lim Hock Seng** : Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob**: Sekejap. ½ minit sahaja lagi.

**Tuan Lim Hock Seng** : Adakah Yang Berhormat akan mencadangkan supaya melarang pembuatan belacan kerana belacan dia memakai udang-udang yang halus.  
[Ketawa]

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob**: Ini dia tidak faham, Tuan Pengerusi. Dia tidak faham yang udang ini yang untuk buat belacan dia lain spesis. Bila dewasa memang macam itu sahaja. [Ketawa]. Kalau di Sabah kita panggil “bubuk” untuk buat belacan. Ini macam mana mahu jadi nelayan. [Ketawa] Dia tidak faham, Tuan Pengerusi.

Udang harimau dengan udang buat belacan memang ada cara menangkap dia. Kalau ditangkap cara itu, udang ini dia datang sekali sebesar Dewan Parlimen, ratusan kilogram satu kumpulan, jadi kita tangkap tapi udang harimau, udang yang di laut ini dia lain cara hidup dia. Jadi Yang Berhormat bagi Bagan ini dia kena pandai memancing dahulu.

Yang penghabisan, Tuan Pengerusi, di bawah P.19, Butiran 17130 Rancangan Tebatan Banjir, Sabah sebanyak RM10.7 juta. Saya ingin meminta perhatian daripada kementerian mengenai Sungai Padas ini yang kedua terpanjang di Sabah. Hakisan begitu berleluasa di situ dan beberapa kawasan sekarang ini meruntuhkan kampung

dan Sungai Padas ini tiap-tiap tahun memang dia banjir. Kalau ikut tradisi dia, Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun dia makan seorang manusia di sungai ini bila dia banjir dan beberapa kampung yang terlibat misalnya kampung Bangkalalap, kampung Padas Damit di kawasan saya ini, kampung Suasa, kampung Lumar, kalau banjir dia tenggelam lebih kurang dua minggu ke satu bulan.

Jadi, saya mohonlah Kementerian Pertanian mengkaji masalah di kawasan ini. Saya kasihan di kampung Bangkalalap ini memang selalu tenggelam dan kalau boleh tebatan banjir di Sabah ini, sungai-sungai tertentu ditambah peruntukan. Kalau RM10.7 juta memang tidak mencukupi.

Saya tidak ingin mengambil masa yang panjang, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bintang.

#### **7.46 mlm.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 17124 dan Butiran 17131 Projek Tebatan Banjir, Negeri Selangor yang mendapat RM50 juta dan Wilayah Persekutuan mendapat RM174 juta seperti yang dikatakan dalam maksud P.19 Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini walaupun bukan besar berbanding dengan masalah banjir yang sering menghantui Lembah Kelang semasa musim hujan, banjir kilat sudah satu fenomena tetap cuaca Lembah Kelang terutama Kuala Lumpur meskipun hujan turun selama kurang sejam sahaja. Tuan Pengerusi, penduduk-penduduk Kuala Lumpur sudah bosan dengan banjir, sudah bosan dengan pihak berkuasa kerana berterusan gagal menjadikan Kuala Lumpur bebas daripada banjir kilat.

Dalam Dewan yang mulia ini, sudah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat mendesak kementerian supaya menubuhkan usaha untuk mengatasi masalah banjir di Lembah Kelang, namun setiap kali hujan, kawasan-kawasan rendah tetap terdedah kepada ancaman dan landaan banjir yang memusnahkan harta benda penduduk. Setiap tahun kita membelanjakan agak banyak wang untuk projek tebatan banjir tetapi

tiap-tiap tahun juga kita berdepan dengan masalah banjir. Apakah rancangan tebatan banjir kerajaan tidak berkesan, hanya sekadar mahu menghabiskan wang peruntukan sahaja.

Tuan Pengerusi, saya percaya sebab utama banjir berlaku selain dari muatan air hujan yang banyak turun kerana musim tengkujuh yang tidak dapat ditampung oleh sungai, parit dan longkang yang diurus oleh agensi-agensi kerajaan adalah disebabkan kesalahan kerajaan sendiri.

Cuba lihat apabila projek sungai berupa perbanjiran depan konkritnya sebenarnya semakin mengecilkan *size* lebar dan kedalaman sungai dan parit. Projek tebatan banjir sepatutnya melebar dan mendalamkan sungai, bukan mengecilkan *size* sungai. Tuan Pengerusi, sungguhpun tebing sungai menjadi dahan dan tidak berlaku tebing yang runtuh tetapi ianya sebenarnya menyebabkan limpahan air di parit dan di longkang besar menjadi dua kali ganda.

Projek atau kempen kerajaan 'Cintailah Sungai Anda' nampaknya sudah menemui kegagalan. Amat kecil bilangan rakyat yang turun ke padang untuk membersihkan sungai. Apakah sebab rakyat kurang memberi sambutan terhadap kempen Cintailah Sungai kerana mereka masih percaya jabatan dan agensi yang menguruskan sungai adalah pihak berkuasa yang bertanggungjawab memeliharanya.

Tuan Pengerusi, longkang tersumbat adalah salah satu penyebab berlaku banjir di kawasan rendah terutama di pusat-pusat bandar. Di samping perbuatan tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam longkang, satu sebab lagi ialah tidak ada kerja-kerja pembersihan berterusan untuk membersihkan longkang dan sungai. Bila aduan dibuat, pihak bertanggungjawab baru mahu bertindak. Jika kerajaan tidak berupaya melakukan kerja pembersihan, kerja-kerja sedemikian hendaklah dikontrakkan kepada pihak kontraktor pembersihan supaya melakukannya. Malangnya bagi tahun 2001 pihak kementerian tidak pun menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan sungai termasuk pembersihan sungai di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya ingin menggesa jawatankuasa induk pencegahan banjir ditubuhkan di Wilayah Persekutuan melibatkan kumpulan rakyat, persatuan, masyarakat peniaga dan kilang perusahaan bagi mencari jalan dan merumuskan pelan

tindakan bersama rakyat seperti menganjurkan kerja-kerja gotong-royong melibatkan banyak pihak. Jika setiap rakyat memainkan peranan bersihkan sendiri kawasan mereka termasuk sistem longkang dan parit kawasan sendiri, kerja-kerja membersihkan menjadi mudah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tebrau.

**5.53 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam Kementerian Pertanian B.19 terutama dalam Pengairan dan Saliran dan ceraihan 10000 Rancangan Pengairan Saliran dan Pencegahan Banjir dan Pemuliharaan Sungai.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita seperti rakan-rakan yang lain juga telah menyebutkan berhubung dengan masalah banjir kilat yang berlaku di satu-satu kawasan apabila hujan turun secara mengejut dalam masa setengah jam atau satu jam akan berlakulah banjir kilat yang mana termasuklah di kawasan saya sendiri ada pernah berlaku iaitu mangsa atau perumahan yang terlibat dengan banjir ini datangnya dengan sebab adanya projek perumahan yang dibina berhampiran dengan kawasan perumahan dan penduduk yang dekat dengan kawasan pembinaan rumah yang tersebut.

Saya minta jabatan yang berkenaan melihat kembali ada satu peruntukan yang diberi atau diminta kepada pemaju-pemaju perumahan bayaran untuk mengendalikan masalah-masalah yang berlaku di kawasan yang berhampiran dengan projek perumahan yang dibina itu iaitu dikenakan kepada pemaju sebanyak RM2,000 bagi satu ekar kalau tidak silap saya, dan ini bergantung kepada luas kawasan projek perumahan yang berkenaan. Tetapi yang menjadi masalah ini wang yang diterima oleh pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran ini melaluinya diserahkan kepada kerajaan negeri ia tidak digunakan di kawasan di mana kampung-kampung yang berhampiran dengan projek perumahan yang terlibat dengan banjir itu.

Tabung ini adalah umum, makna nya dia terima berapa ratus ribu atau juta ikut keluasan tanah yang dibangunkan perumahan itu tidak digunakan kepada orang yang terlibat berhampiran dengan projek yang berkenaan, ia digunakan ke tempat lain.

Maknanya yang tidak ada kena mengena dengan banjir pun boleh dibetulkan sungai dan parit.

Saya hendak tahulah dari segi jabatan berkenaan ini kenapa tidak bolehkah duit yang diambil daripada kawasan yang terlibat dengan banjir kilat yang menimpa di kawasan-kawasan rumah yang berhampiran yang menanggung rugi yang besar sampai berpuluh-puluh ribu, habis sekali rumah yang berkenaan dilanda banjir lumpur yang melibatkan ratus ribu tetapi bantuan hanya kita merayu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat minta ganti rugi, banyak manalah Jabatan Kebajikan Masyarakat beri dua ratus atau tiga ratus ringgit. Tetapi pemaju itu telah memberi satu peruntukan besar. Bayangkanlah satu ekar RM2,000, kalau dekat 5,000 ekar atau 3,000 ekar rumah yang dibinakan tetapi duit itu tidak kita dapat hendak guna ganti balik kepada orang yang menanggung sengsara sedikit daripada projek perumahan yang ditimpa banjir di kawasan rumah mereka.

Jadi, saya ingat kementerian kena ubah dasarlah, mesti duit itu diambil di mana perumahan yang berhampiran dengan tempat tersebut digunakan balik kepada orang yang terlibat itu. Ini kerana dia buat rumah mewah, rumah besar dan sebagainya tetapi kampung yang berhampiran teruk menanggung banjir kerana lumpur daripada sungai-sungai yang berhampiran rumah yang berkenaan ini melanda ke rumah-rumah mereka. Jadi saya mintalah supaya kementerian melihat balik perkara ini walaupun mungkin kuasa kerajaan negeri tetapi ini boleh rundinglah jangan digunakan untuk lainlah, kasihan saya Tuan Pengerusi, kepada mangsa-mangsa banjir ini kerana masalah yang tersebut.

Dan satu lagi yang akhirnya, ini cerita anjing liar. Saya tidak tahulah negeri lain. Di negeri Johor pasal anjing liar ada lesen tidak ada lesen ini, ada undang-undang atau tidak ini? Ataupun apakah tindakan yang patut diambil oleh kementerian ini. Anjing liar di Johor dahulu banyak berlaku tetapi sekarang hendak mula balik, dia menggigit orang terutama di kalangan kanak-kanak berlaku kena gigit anjing liar.

Jadi, kementerian haiwan ini saya hendak tengoklah supaya dapat diambil perhatian sama ada operasi ataupun samanlah kalau ada yang lesen itu anjing dia bebas berjalan merata-rata dan selepas itu kena penyakit dia tidak kenal siapa, gigit semacam sahaja, Tuan Pengerusi. Ini kalau boleh kementerian yang berkenaan

cubalah lihat perkara ini, kalau berlaku lagi boleh jadi membawa maut kepada kanak-kanak kerana banyak anjing liar yang merayau-rayau di satu-satu kawasan yang berhampiran dengan projek perumahan

Jadi, saya cadangkan supaya ada operasi dan kalau boleh tuan punya anjing itu kalau ada lesen pun dia biarkan anjing dia merayau, lesen lesenlah tetapi sebelum orang lain kena gigit saya ingat sama ada dia tembak ataupun dia adakan undang-undang saman tuan punya anjing itu. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baling.

**5.58 ptg**

**Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.19 Butiran 040400 Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (Latihan), Butiran 050500 Pengembangan dan Didikan.

Negara berbelanja sebanyak kurang lebih RM11 bilion pada tahun yang lalu dan juga pada tahun ini untuk mengimport makanan. Kenapa hal-hal yang seumpama ini berterusan sedangkan negara kita adalah negara yang kaya dengan tanah-tanah pertanian. Contohnya, di daerah Baling sahaja mempunyai keluasan 65,808.40 hektar tanah pertanian iaitu 43.04% yang berpotensi untuk dimajukan dengan usaha-usaha pertanian dan apatah lagi kalau kita lihat tanah-tanah pertanian yang berpotensi di seluruh negara.

Oleh itu apa yang saya rasa latihan-latihan dalam bidang pertanian hendaklah dipertingkatkan lagi. Kita banyak bercakap dalam masalah k-ekonomi tetapi sejauh mana kita berusaha untuk melatih petani supaya menjadi petani moden agar ianya selari dengan kehendak k-ekonomi, berbanding dengan sektor perindustrian yang diperuntukkan berbagai-bagai kemudahan dan latihan. Kita banyak bergantung bekalan makanan dari luar negara termasuk beras. Kita bergantung juga kepada beras yang dari Siam, India, Vietnam dan China sedangkan ini adalah memerlukan belanja yang besar.

Jepun, walaupun negara mereka jadikan negara industri tetapi mereka tidak mengetepikan atau mengkesampingkan usaha-usaha pertanian bahkan mereka modenkan usaha-usaha pertanian ini sehingga pengusaha-pengusaha di sektor

pertanian boleh berdiri sama gagah, sama tinggi dengan pengusaha-pengusaha di sektor-sektor perindustrian.

Saya ambil contoh, Bernas misalnya, Bernas buka kilang di Guinea, kos tinggi tetapi tidak menguntungkan negara sedangkan di negara kita tanah pertanian untuk dimajukan oleh Bernas begitu luas. Kalau Yang Berhormat Rompin ada, di Rompin sendiri lebih daripada 40,000 hektar tanah pertanian yang berpotensi untuk dimajukan oleh Bernas tetapi tidak dimajukan.

Saya cadangkan supaya kerajaan dalam hal ini mempertingkatkan lagi usaha-usaha supaya petani kita dapat dilatih untuk menjadi petani yang sebenarnya dan institusi-institusi seumpama ini bukan setakat institusi-institusi seperti mana Institut Pertanian Bumbung Lima yang tidak jauh dengan rumah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasakan bahawa institut-institut yang seumpama itu hanya sekadar untuk memberi latihan-latihan sepintas lalu. Tetapi yang saya maksudkan ini ialah dari segi melatih Pak Tani supaya menjadi petani moden sama ada dari segi untuk memajukan lagi usaha tani mereka dari segi bagaimana menghadapi pemasaran dan sebagainya seperti mana yang telah berlaku di negara-negara maju.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Larut bangun, hendak beri jalan tak?

**Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib:** Tolong .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit sahaja. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tentang Bernas ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Nampaknya Yang Berhormat memang arif tentang Bernas. Jadi, saya hendak tanya, berapa luaskah kawasan yang Bernas sudah tanam padi ini, setahu saya tidak ada. Ia cuma memasarkan beras sahaja? Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib:** Pasal tidak tanam ini, yang dok kira hendak kena tanam ini. Yang dok pergi buat kilang di Guinea cari apa, tempat sendiri ada. Ini persoalan yang kita hendakkan supaya maksud saya ialah - ini bukan hendak marah ni, tetapi hendak ceritanya ialah kalau kita boleh buka kilang di Guinea maknanya dengan sendiri kita memajukan usaha-usaha pertanian di Guinea maka

lebih baik kita mendorong petani kita untuk mempertingkatkan tanah-tanah pertanian di tempat kita sendiri yang luas.

Kemudian saya ingin juga menyentuh Tuan Pengerusi, Butiran 25200 - Pemeliharaan Ikan dan Udang Air Payau, Butiran 17600 – Perkembangan Perusahaan dan Pusat Pembiakan Ayam/Itik. Yang saya ingin kaitkan di sini ialah selain daripada makanan yang kita import dengan lebih RM11 bilion tadi maka makanan ayam, makanan ikan juga kita masih import lagi. Ini boleh menyebabkan kos kepada penternak ataupun pengusaha ayam, ikan dan sebagainya membebankan dan mahal dan sudah tentu tidak menggalakkan petani-petani ataupun pengusaha-pengusaha kecil untuk memajukannya.

Kita tidak nafikan kerajaan ada pengalaman dengan RISDA, kerajaan ada pengalaman FELDA, FELCRA dan sebagainya, apa salahnya kalau kita katakan bahawa kita terjemahkan pengalaman ini untuk dijadikan estet makanan untuk ikan ataupun ayam, estet jagung misalnya, bukan sahaja boleh menjimatkan kos import bahan-bahan ini tetapi dapat membangun pertanian negara. Jadi, k-ekonomi seharusnya juga melibatkan perancangan untuk membela nasib petani kita. Apakah kita peka untuk program penyediaan makanan. Kita sebutkan sains dan teknologi makanan dan pemakanan tetapi sejauh mana kita menyediakan kemudahan-kemudahan ini untuk para-para petani bagi mereka mendapatkan kemudahan tersebut?

Saya ingin tekankan di sini Tuan Pengerusi, kawasan-kawasan pertanian seperti Baling dan di daerah-daerah lain, Sik, Padang Terap dan sebagainya, tenaga-tenaga yang ada banyak terpaksa berhijrah di luar untuk ke bandar-bandar dan di tempat-tempat *factory* - industri lain seperti mana di Butterworth, Penang, Kulim dan sebagainya. Yang tinggal di kampung ialah tenaga-tenaga yang sudah tua, tenaga-tenaga yang sudah tidak berpotensi lagi untuk membangun usaha-usaha pertanian ini. Keadaan ini tidak menarik atau tidak menarik perhatian atau tidak menarik minat generasi muda kita ini dengan kerana kedudukan pertanian itu sendiri masih di tahap tradisional tadi, tahap lama. Tetapi kalau kita dengan izin, kita *build up system* pertanian ini kepada satu sistem moden maka kita yakin bahawa tenaga-tenaga muda kita ini lebih-lebih lagi yang intelek, yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan

akan turut sama balik ke desa-desa, ke kampung-kampung bagi memajukan sektor-sektor pertanian.

Tuan Pengerusi, se perkara lagi ingin saya sentuh di sini ialah sektor pertanian di negara kita juga berpotensi untuk tanaman herba. Dalam negara kita ini boleh kita majukan tanaman herba. Oleh itu, saya mengharapkan pihak Kementerian Pertanian mengadakan kajian yang secukupnya supaya dapat negara kita juga menjadi negara pengeluar tanaman herba terutama di kawasan-kawasan pertanian seperti Baling, Sik, Padang Terap dan sebagainya kerana daerah-daerah ini adalah daerah yang tersenarai sebagai daerah yang termiskin di negeri Kedah. Jadi, kalau usaha-usaha ini dapat kita tingkatkan maka sudah pastilah bahawa ekonomi bagi penduduk-penduduk daerah ini dapat dipertingkatkan. Tanah-tanah pertanian didapati banyak yang telah digunakan untuk bangunan, untuk membangunkan bangunan, yang menyebabkan tanah-tanah pertanian makin sempit akhirnya boleh menyebabkan usaha-usaha pertanian ini makin tersisih lagi.

Oleh itu, saya minta kerajaan juga turut mewartakan tanah-tanah pertanian di seluruh negara supaya tanah-tanah pertanian kita tidak hilang begitu sahaja disebabkan kita terlalu nampak kepentingan pembangunan bangunan itu sahaja sehingga kadang-kadang kita terlepas pandang dan terlupa kepentingan tanah-tanah pertanian ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan Butiran 15000 – Memperbaiki Sungai-sungai, yang diperuntukkan lebih kurang RM1 juta dan juga sehubungan dengan Butiran 15400 – Rancangan Pembangunan Sistem Saliran Pertanian, dengan peruntukan RM15 juta. Ini saya ingat dalam Belanjawan yang lepas pun saya sudah merayu pihak Kementerian Pertanian dan sekali lagi saya kemukakan pada kali ini iaitu, di mana sesetengah kawasan yang berpunca dari pembangunan-pembangunan lain termasuk projek menaikkan taraf jalan maka sungai dan sistem saliran pertanian kita terjejas sama ada air kering atau sungai-sungai tadi sudah tertimbus disebabkan itu dan sebagainya menyebabkan tanah-tanah pertanian kita turut, boleh dikatakan turut musnah. Para petani tidak lagi dapat mengusahakan tanah-tanah mereka oleh kerana kesulitan mendapatkan air atau sistem saliran yang sudah rosak. Jadi, saya cadangkan supaya keadaan ini diperbaiki, kalau perlu sungai-

sungai yang tertimbus tadi dapat dikorek dan didalamkan balik supaya sistem saluran itu dapat dimanfaatkan oleh petani.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

**6.08 ptg.**

**Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Satu ialah berkenaan dengan Butiran 00100 - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, dan juga Butiran 00300 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berkenaan dengan penyelidikan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini, suka jugalah saya bertanya kerana saya pernah juga membangkitkan dahulu perkara berkenaan dengan pemasaran bunga-bunga kerana bunga-bunga atau *cut flowers* dengan izin, adalah satu industri yang boleh dikatakan *billion dollar industry*, kalau kita perhatikan ini ada juga bersangkut-paut dengan industri *hospitality* kerana bila ada hotel-hotel, bila ada keraian dan sebagainya kita menggunakan bunga-bunga.

Malangnya, bunga-bunga kita dari Malaysia ini tidak dapat dipasarkan di pasaran antarabangsa kerana bunga-bunga ini tidak digred atau diklasifikasi. Perlu kita mengadakan satu *grading of our flowers*, dengan izin, kerana ini akan dapat menyenangkan atau memudahkan pengusaha-pengusaha dan juga pembeli-pembeli bunga kita ini. Kalau tidak ada grading ini bunga-bunga kita hanya layak duduk di kubur-kubur sahaja. Kalau bunga-bunga ini dihantar ke Hong Kong hanya bunga ini diguna *for the grave side only*, dengan izin.

Jadi, oleh kerana itu saya suka menggesa lembaga pemasaran untuk mengadakan satu klasifikasi bunga-bunga kita ini. Saya juga ingin mencadangkan kerana di rantau ASEAN atau di sebelah sini tidak ada satu pun centre ataupun pusat untuk meyelong bunga-bunga ini. Sebab itu saya pernah juga mencadangkan tahun yang lalu supaya kita adakan satu *auction centre for flowers* untuk rantau ini. Kalau ada semangat ASEAN itu kita boleh berhubung dan mengadakan rundingan dengan mungkin pihak Thailand, Indonesia dan juga Filipina kerana di rantau ini tidak ada

centre untuk melelong bunga-bunga, hanya ada di sebelah Jepun, kalau tidak silap saya, ada empat di negara Jepun *centre for auction of flowers*.

Jadi, saya berharap kita akan belajar daripada negara seperti di Holland bagaimana mereka mengadakan auction centre untuk bunga mereka. Kita di Malaysia ini memang terkenal dan banyak penyelidikan telah pun dibuat berkenaan dengan bunga orkid. Tadi sahabat saya bagi Sri Gading pun sebut bunga orkid. Tetapi malangnya, yang terkenal mengeluarkan bunga-bunga orkid ini ialah Singapura dan di rantau ini. Sebab itu saya berharap kementerian akan mengambil tindakan supaya berusaha untuk mencari jalan supaya dapat kita mempelbagaikan aktiviti pertanian kita dan juga dapat kita menambahkan *foreign exchange*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak beralih kepada Butiran 00300 - Penyelidikan. Saya fikir untuk kita membangunkan industri pertanian kita ini dalam apa sahaja bidang, penyelidikan adalah perlu sentiasa dijalankan. Saya difahamkan kita telah lama menanam padi, tetapi saya perhatikan hasilnya selalunya dalam dua atau tiga tan satu hektar. Tetapi saya perhatikan di sebelah Sekinchan, Selangor petani-petani di sana dapat meningkatkan keluaran hasil padinya sampai enam, tujuh dan lapan tan satu hektar. Jadi, saya berharap juga kementerian akan kaji apakah cara-cara mereka ini dapat meningkatkan hasil pertanian ini, kerana di kawasan-kawasan saya di Kuala Pilah, saya cuba hendak bawa anak-anak muda ini menanam padi tetapi hampalah semua, sambang semua padi itu, tak begitu tinggi hasilnya.

Jadi, saya berharap dapatlah juga Kementerian Pertanian memberi juga satu latihan *in service* ataupun latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai-pegawai pengembangan ini. Dahulu ramai pegawai pengembangan (*extension workers*), tetapi hari ini nampaknya tak tahulah ke mana pergi agaknya pegawai-pegawai *extension workers* ini, saya tak nampaklah. Kalau boleh kementerian berilah mereka itu satu kursus motivasi supaya mereka ini dapat mengemukakan kepada rakyat terutamanya kawasan luar bandar penemuan-penemuan baru supaya dapat merangsang juga industri pertanian ini di kawasan-kawasan luar bandar. Saya ingat pengurusan ladang-ladang yang kecil supaya menghasilkan lebih atau meningkatkan pendapatan mereka, rasa saya adalah satu usaha yang baik, kalau boleh kementerian mengadakan kursus-kursus latihan ini.

Saya juga ingin hendak bertanya beberapa soalan ini, berkenaan dengan Butiran 00908 - Taman Bukit Cahaya Sri Alam. Begitu banyak wang nampaknya dibelanjakan lebih kurang RM86 juta. Apakah hasilnya yang saya hendak tahu. Adakah ini satu tempat contoh di mana petani-petani dari pelosok negara boleh datang untuk melihat kajian-kajian yang diadakan dan penemuan-penemuan, penyelidikan ini mereka dapat contohi dan bawa ke kampung-kampung mereka.

Begitu juga saya ingin bertanya kepada projek Butiran 00913 - Projek Pembangunan Agrotourism, begitu banyak juga wang nampaknya, RM202 juta. Jadi, apakah penemuan-penemuannya dan kalau boleh kita gunakan penemuan-penemuan ini untuk membangunkan kawasan-kawasan kita terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Satu lagi yang saya hendak bertanya ialah berkenaan dengan Butiran 00925 - Pembangunan Kawasan Pertanian Modern, begitu banyak juga wang diperuntukkan, RM20 juta untuk tahun 2001, apakah projek ini dan bolehkah kita gunakan projek-projek, penemuan-penemuan ini di kawasan-kawasan di luar bandar seperti di kawasan saya di Kuala Pilah.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, sebelum saya duduk ialah Butiran 05500 - Latihan Luar Bandar Bagi Ekonomi Rumah Tangga. Di dalam tahun 1960-an saya rasa ini adalah satu-satunya perkhidmatan yang amat berguna kepada kita di Semenanjung. Kebelakangan ini saya selalu juga pergi ke negeri Sabah dan di kawasan-kawasan pedalaman saya dapati perlu kita mengadakan kerja-kerja pengembangan terutamanya di dalam bahagian ekonomi rumah tangga ini untuk menolong mereka yang duduk di kawasan pedalaman. Misalnya, dalam lawatan saya ke satu tempat, ada seorang wanita saya tanya berapa umurnya, katanya 22 tahun. Anak berapa, saya tanya, enam orang anaknya. Satu dia pegang, satu dia dukung dan satu dalam kandungan. Bila saya lihat mukanya, nampaknya begitu dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *malnourish*, giginya sudah hendak jatuh, hitam-hitam. Mungkin dia makan sireh, saya tak tahulah. Tetapi dengan umur 22 tahun, dalam tahun millenium 2000 ini rasa saya tidak sepatutnya kita menengokkan keadaan begini.

Jadi, saya berharap Kementerian Pertanian akan teruskan usaha-usaha begini. Ada *pocket*, dengan izin, tempat-tempat mungkin kawasan di luar bandar yang perlu kita memberi perhatian.

Tuan Pengerusi, rasa saya cukuplah setakat itu.....

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Datuk Napsiah binti Omar:** ....hanya satu sahaja lagi. [*Ketawa*] Saya memang datang dari pertanian. *I come from a long line of peasant, so you must excuse me*, dengan izin, Tuan Pengerusi. Sebenarnya, hari ini saya perhatikan banyak kawasan kolam ikan. Bila saya tanya kenapa ini tidak diusahakan? Katanya, dua, tiga musim bolehlah, selepas itu tak ada lagi benih-benih ikan. Jadi, saya berharap jugalah kepada kementerian, kalau boleh - banyak tempat yang cantik, indah, air yang bersih supaya kita dapat buat satu tempat *for breeding of fish*, dengan izin. Timbalan Menteri pun senyum-senyum sahaja. Saya harap ini semua akan menjadi kenyataan.

Dengan itu, saya berharaplah, saya gesa kerajaan kalau boleh untuk mengadakan satu *task force* untuk mengkaji semua aspek pertanian, kerana seperti pernah saya katakan pertanian ini penting terutama sekali di waktu begini kita perlu menjaga *food security*. Kita perlu mengkaji semua aspek, penyelidikan, latihan, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam. Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai sangat yang hendak berucap ini ya. Susahlah jikalau kesemua hendak berucap, susahlah. Ya, saya haraplah yang telah berucap acap kali janganlah berucap lagi. Ya, haraplah ya. Ya, Bukit Mertajam sila.

## 6.20 ptg.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan ke atas Butiran 07400 dan juga semua butiran di bawah Pengaliran dan Saliran. Ini adalah untuk rancangan-rancangan pengairan, saliran mencegah banjir dan pemeliharaan sungai di semua negeri.

Saya mendapati bahawa peruntukan anggarannya adalah kosong, tidak mempunyai apa-apa peruntukan untuk program ini. Apakah .....

*[Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan keluar Dewan sambil berkata sesuatu]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan. Kinabatangan, masuk balik. Apa Yang Berhormat kata tadi? Ya, Yang Berhormat kata apa tadi?

**Tuan Moktar bin Radin:** Saya cakap yang orang dalam bandar pun bercakap fasal pertanian, jadi orang yang betul-betul mahu cakap pertanian, tiada peluang untuk bercakap. Itu yang saya cakap.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Janganlah bercakap sambil berjalan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya faham ini, dia masalah bandar, dia sebut saya Shah Alam. Tetapi Shah Alam pun ada banjir juga Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, yalah. Sila, sila.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahu bagaimana keadaan di negeri lain, tetapi di negeri Pulau Pinang, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian pun datang daripada Pulau Pinang, tentu dia tahu ada banyak rancangan untuk maksud ini di Pulau Pinang yang memerlukan peruntukan seperti Sungai Rambai, Sungai Pulau Pinang, Sungai Bumbong Lima, di kawasan Yang Berhormat ini, saya tidak faham mengapa, adakah kerana negeri-negeri ini tidak perlu peruntukan ataupun apa sebabnya, adakah kerana kita tidak cukup wang untuk memberi peruntukan.

Tetapi saya rasa ini adalah penting kerana di Pulau Pinang sahaja, saya rasa Yang Berhormat tentu faham kerana masalah banjir bertambah serius di beberapa tempat dan program ini adalah *urgent* untuk dijalankan tetapi tidak ada peruntukan, macam mana? Maka saya harap boleh dapat satu penjelasan terutamanya untuk negeri Pulau Pinang kerana sama-sama dari negeri Pulau Pinang. Parti lain tak apa, tetapi untuk rakyat Pulau Pinang, itu yang penting.

Saya pun ingin mendapat penjelasan tentang butiran 17122 iaitu rancangan tebatan banjir di Pulau Pinang, di bawah butiran ini kita dapati ada RM25 juta. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimana peruntukan ini akan digunakan untuk program-program di negeri Pulau Pinang, di mana, dan khasnya saya ingin menyebut satu

masalah di Kampung Machang Bubok dan ini pun pernah saya bentangkan di dalam Dewan ini.

Saya difahami bahawa kerajaan, JPS memang mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan program di Sungai Machang Bubok dan Sungai Kulim, ia adalah di antara dua negeri. Tetapi saya rasa rancangan ini akan memakan masa yang panjang. Sementara waktu, apakah JPS ataupun kementerian akan buat supaya masalah banjir ini boleh dikurangkan kerana di Kampung Machang Bubok khasnya kalau hujan lebat dua jam sahaja air akan naik sampai dua kaki, tiga kaki ke rumah, maka saya harap kita mempunyai rancangan untuk jangka masa pendek untuk mengurangkan masalah ini.

Saya ingin mendapat penjelasan Butiran 00911 iaitu Ladang Ternakan Khinzir. Di bawah butiran ini juga didapati bahawa peruntukannya telah dikurangkan, pada tahun ini ialah RM10 tetapi untuk anggaran 2001 adalah kosong. Apakah maksud ini, apakah tujuan peruntukan ini dan mengapa anggarannya telah tidak diperuntukkan lagi.

Saya ingin tanya apakah pendirian atau keputusan, adakah kementerian ataupun kerajaan telah membuat keputusan ke atas, dengan izin, Sunflower Project yang telah dikemukakan oleh penternak-penternak khinzir yang dijejaskan oleh wabak Nipah. Memorandum ini telah dikemukakan kepada kementerian ataupun kerajaan lebih kurang dua tahun dan apakah keputusan kerajaan, adakah kerajaan akan membenarkan projek ini ataupun adakah kerajaan akan menasihatkan penternak-penternak khinzir ini menjalankan industri ini di luar negara.

Tuan Pengerusi, walaupun saya faham bahawa industri penternakan khinzir ini mungkin ada sedikit sensitif dari segi agama, tetapi kita perlu juga menimbang dari segi ekonomi dan juga dari segi sumber protin untuk orang-orang bukan Islam, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Beruas semasa pilihan raya kecil di Teluk Kumbar, bahawa janganlah kita menghentikan industri ini kerana ada sensitif dari segi agama, kita perlu timbang berapa jumlah wang untuk mengimportkan daging-daging ini sekiranya kita berhentikan industri ini.

Saya juga ingin mendapat penjelasan bilakah kerajaan akan menjalankan atau mengkotakan janji di Teluk Kumbang bahawa Integrated Pig Farming Area di Kima, Negeri Sembilan akan dijalankan.

Yang akhir sekali ialah mengenai ....

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Saya daripada Negeri Sembilan, boleh tanya atau tidak?

**Puan Chong Eng:** Mengenai apa?

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Pasal pig farming ini (PFA).

**Puan Chong Eng:** Okay.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri Sembilan telah mengadakan Pig Farming Area ini (PFA) ini, cuma masalahnya mereka ini tidak mahu berpindah kerana kosnya agak tinggi kerana kerajaan telah buat sistem pembetungan yang baik, ada *oxidation pond* dan sebagainya, bau tahi babi ini pun sudah tidak busuk lagi tetapi penternak-penternak babi ini tidak mahu pindah.

Janganlah Yang Berhormat hendak tuduh-tuduh kerajaan tidak hendak buat dan sebagainya, ini tak baik, kalau Yang Berhormat tak tahu, jangan cakap, tanya dahulu. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bahawa Yang Berhormat Tampin ini dia anggap dia sebagai seorang menteri hendak jawab soalan di Dewan ini. Dan walaupun saya tak pernah buat apa-apa tuduhan, saya menanya, saya memohon penjelasan. Itu bukan tugas Yang Berhormat Tampin untuk menjelas, tetapi Yang Berhormat di sana [*sambil menunjuk kepada Timbalan Menteri Pertanian*]. Bantu pun tak perlulah, nanti kalau minta bantu, baru bantulah. Ini tak beri muka kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ini ada yang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bukit Mertajam, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa semasa itu yang ditawarkan pun dengan harga yang begitu tinggi. Dan ada orang-orang petualang politik yang mengambil kesempatan untuk menceburkan diri di dalam bidang itu.

**Puan Chong Eng:** Ya, saya memang faham, saya tahu masalah itu dan saya pun faham bahawa Integrated Pig Farming Area ini memakan perbelanjaan yang besar, maka sekiranya penternak-penternak ini tidak mampu atau mempunyai masalah, maka apakah tindakan kerajaan untuk membantu mereka seperti kita membantu mana-mana industri kecil ataupun SMI. Seperti SMI yang lain, kita memberi pertolongan, apakah bantuan yang boleh diberi kepada mereka sekiranya mereka menghadapi masalah.

Yang akhirnya, saya ingin sentuh 01000 dan 01004 iaitu Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Pulau Pinang. Apakah perkembangan terkini. Apakah kedudukannya, adakah projek ini telah dijalankan dalam apa peringkat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, lepas ini saya hendak mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Ya, saya terpaksa menggunakan *guillotine*.

**6.30 ptg.**

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ini susah betul. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bincang pada Maksud B.19 perkara 03000 – Pengaliran dan Saliran. Sebagaimana yang saya jelaskan bahawa soal yang menyentuh Kementerian Pertanian ini bukan sahaja melibatkan wakil-wakil rakyat di kawasan luar bandar tetapi masalah di bandar pun ada berhubung kait tentang pertanian. Terutama mengenai pengaliran dan saliran.

[Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sebagaimana yang kita sedia maklumat, bahawasanya soal banjir ini menjadi perkara yang amat merisaukan dan harus ditangani dengan begitu berhati-hati. Saya ingin mengambil peristiwa banjir kilat yang menjadi banjir besar, saya ingat kita boleh sebut sebagai sejarah dalam tanah air ini pada tahun akhir 1995 iaitu satu taman yang ada penduduk lebih kurang 5,000 unit rumah itu sudah menjadi sebagai lautan iaitu banjir di Taman Sri Muda. Pada masa

itu saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Rengam, di mana kawasan itu adalah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri.

Kita difahamkan bahawa banyak perkara yang kita boleh mengambil pelajaran daripada peristiwa itu, daripada bermula awalan lagi mengapa masalah itu timbul dari segi soal guna tanah, soal perancangan, soal kelulusan pelan pembangunan dan juga yang paling penting ialah kerana ia berhampiran dengan sungai yang dulunya berkeupayaan untuk mengalir dan menyalurkan air dengan begitu deras dan cepat dan tidak ada siltation, dengan izin, terhadap sungai tersebut dan justeru itu ia tidak menimbulkan masalah terhadap banjir. Tetapi apabila berlaku pembangunan yang pesat maka banyak penghakisan dan siltation yang berlaku dan ianya menimbulkan masalah yang sungai menjadi cetek dan justeru itu apabila berlaku hujan yang lebat yang tidak diduga dengan berlakunya air pasang, dengan izin, air pasang keling, maka ada *bad flow*, jadi banjir besar.

Pada masa itu semua menumpukan tentang soal bagaimana kerugian yang besar yang dihadapi oleh orang ramai dan rakyat dengan kehilangan harta benda dari segi material dan juga guna tenaga. Justeru kerana itu, pada masa ini cabaran yang besar adalah bagaimana kita menguruskan sungai kita ini sebagai menjadi satu pengurusan yang baik dan cekap yang mampu untuk menangani segala masalah yang berhubung kait dengan sungai itu sebagai pusat yang akan menyalurkan air yang telah pun ditakung dan tidak pun ditakung dan sungai itu menjadi salah satu kemudahan prasarana yang terutama bagi kita mengatasi masalah banjir yang berlaku di negara kita ini.

Dan, kalau kita bercakap bahawa tanggungjawab pengaliran dan saliran ini tentulah jabatan yang dipertanggungjawabkan adalah Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS). Dulu saya ingat kerana Jabatan Perparitan dan Saliran ini diletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian kerana tugas utama Jabatan Perparitan dan Saliran ini untuk menentukan bahawa sumber pengaliran air yang bersih di sungai-sungai ini boleh membantu untuk menjadikan sebagai pengaliran kepada produk-produk pertanian yang berlaku di kawasan-kawasan sawah padi yang memerlukan sistem pengaliran yang baik supaya proses penanaman padi dapat dilakukan. Tetapi pada hari ini, JPS juga dipertanggungjawabkan bagaimana untuk menyelenggara dan

menguruskan sungai ini, supaya sungai ini boleh menepati kehendak dan cabaran pada hari ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Bukit Bintang.

Kalau kita lihat di Kuala Lumpur, sungai dikemaskinikan dengan diletak dinding konkrit supaya *the runoff*, dengan izin, dapat dilakukan dengan begitu efisien dan cepat. Tetapi oleh kerana peningkatan yang dilakukan untuk membuatkan pengairan sungai di kawasan Kuala Lumpur ini begitu efisien tetapi akibatnya iaitu di *downstream*, dengan izin, kawasan-kawasan Puchong, Shah Alam dan Lembah Kelang akan terjadi *bad-flow* kepada ini. Saya difahamkan bahawa satu projek besar-besaran yang telah pun dijalankan .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kepong ni.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ini hendak bercakap tentang kecewa pasal tidak jadi calon di Lunas kah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak soal?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Saya tidak mahu melunaskan Shah Alam. Shah Alam tidak lunas, saya tahu. Cuma penjelasanlah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Hendak penjelasan boleh tetapi kalau hendak bercerita pasal kecewa. Jadi, saya cadangkan .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, ini.....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** .....Barisan Alternatif ini banyak alternatif. [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, jawab kemudianlah. Dengar dia hendak soal dulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pelaksanaan projek tebatan banjir di Kuala Lumpur lebih berkesan, prestasinya lebih baik daripada projek di kawasan-kawasan Selangor termasuk Shah Alam, bukan sahaja *bad-flow* sahaja, sebab pelaksanaan itu, prestasi kurang baik. Itulah masalahnya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Nyatalah sekali bahawa pemikiran Yang Berhormat tidak terkepong dalam Kepong. Tidak ada lunas dan terlunas. *[Ketawa]* Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawasanya daripada segi sistem pengurusan. Tetapi Yang Berhormat, saya juga ingin berkongsi, pada masa ini saya bersyukur bahawa KL Linear City ... *[Ketawa]* Ya Allah nanti sekejap

*[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat berdiri]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** KL Linear City itu, oleh kerana kegawatan ekonomi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang berdiri ramai sangat ni apa pasal? Oh hendak masuk.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** ... nanti bagi laluan. Sekejap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin. Sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sekejap lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia minta tunggu dulu.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sekejap lagi, sebelum hilang ni. Saya bersyukur oleh kerana kegawatan ekonomi, Kuala Lumpur Linear City, Projek Liner City terpaksa ditangguhkan kerana saya pernah bercakap kalau KL Linear City ini ditangguhkan kerana ada perubahan yang besar terhadap sistem saluran di Kuala Lumpur ini saya takut, kot di Shah Alam akan jadi banjir. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Hendak masuk Barisankah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta sedikit isu pandangan Shah Alam, Tuan Pengerusi tentang apa juga yang diusahakan sama ada projek hendak dilaksanakan perparitan, prestasi perlu kita nilai, badan organisasi pun perlu kita nilai. *[Ketawa]* Kalau saluran biar airnya laju tidak bocor, alhamdulillah. Kalau parti, organisasi prestasi kena betul juga. *[Ketawa]* Macam DAP, apa ada prestasi. Sudah umum sahaja, orang lain curi. Kalau macam itu....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini apa Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ..... apa ni prestasi ni. Ini apa ni?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab itu orang Tionghua, orang Cina akan tolak DAP tidak lama, prestasi tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Itu sebab saya cakap tadi, bila Kepong bangkit ni kalau hendak bercakap tentang banjirkah, tentang lunas, terlunas kerana dengan permainan banyak alternatif ni. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ini yang Bukit Mertajam ni marah lagikah? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ini gangguan. Jadi, balik kepada soal pokok, Tuan Pengerusi. Saya fikir bahawa pada masa kini bahawa harus ada satu pendekatan, hala cara baru bagaimana kita mesti meletakkan pengurusan sungai ini sebagai satu perkara yang cukup penting dalam negara kita. Kalau dulu Jabatan Kerja Raya dibagikan tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan jalan dan prasarana bagi membangunkan negara ini, dan akhirnya ada satu tuntutan untuk mewujudkan satu sistem jalan raya daripada utara selatan dan pada hari ini juga ke timur yang menjadi isu politik, walaupun Kerajaan Persekutuan bersetuju hendak buat Lebuhraya Pantai Timur ini tetapi masalah di Terengganu pun ditimbulkan.

Jadi, saya mencadangkan supaya kementerian memikir balik tentang perjalanan dan pengurusan Jabatan Perparitan dan Saliran ini supaya dibentuk sebagai satu lembaga pengurusan sungai untuk memberikan tumpuan kepada pengurusan sungai ini. Kerana sungai ini bukan hanya sekadar bertanggungjawab untuk

disediakan saluran supaya dapat *discharge water*, dengan izin, masuk dengan cepat dan sekarang ini dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mercadangkan untuk *intermediate remedy* kepada banjir kilat ini dibuat *retention pond*, setiap pembangunan yang diluluskan. Kata contoh 100 ekar, 5% daripada 100 ekar ini mesti ada *retention pond*.

Jadi, kalau hujan lebat, ia boleh ditakung di kawasan itu, kemudian disalurkan kepada sungai tersebut dan ini berhubung kait dengan banyak perkara dan masalah *discharge* kepada sungai, pencemaran sungai. Jadi, sungai ini kalau hendak menimbulkan masalah sebab bila saya bangun hendak bercakap pasal sungai ini, Kinabatangan marah. Dia kata, orang ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dato', saya dari Sungai Simpang Kiri, Parit Sulong. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan salah satu perkara yang menjadi masalah kepada sungai adalah masalah mental pemikiran rakyat yang menyifatkan sungai itu sebagai satu saluran yang amat lumrah. Bermakna dia gunakan apa sahaja baling dalam sungai. Adakah saudara meminta supaya Kementerian Pertanian kempen besar-besaran supaya pemikiran rakyat terhadap sungai itu diubah? Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ya, saya bersetuju dengan pandangan daripada sahabat saya dari Parit Sulong alias Sungai Simpang Kiri dan Simpang Kanan. [Ketawa] Tetapi kadang-kadang masalah sungai ini sebagai satu tuntutan kehendak perubahan zaman. Kalau kita lihat di Sungai Damansara, tentu Kepong bersetuju dengan saya, bagaimana banyaknya rumah-rumah setinggan. Kita ada masalah setinggan yang hendak diselesaikan walaupun Kerajaan Negeri Selangor menetapkan kepada Selangor maju pada 2005, kita hendak selesaikan masalah setinggan, *zero* setinggan. Tetapi pada hakikatnya, setinggan ini dia akan datang dan pergi walaupun banyak sudah diselesaikan. Macam dalam kawasan saya, ada 4,000 rumah setinggan yang kita boleh selesaikan dan saya yakin bahawa kalau kita pindahkan mereka, setinggan baru akan muncul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ya. Saya hendak gulung. Saya bersetuju dengan pandangan daripada Bukit Mertajam bahawasanya ..... [*Disampuk*] Pasal sekarang saya simpati dengan DAP.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruslah Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Pasal walaupun sudah umumkan calon, jadi ter'Lunas. Jadi kalau hendak itu, tidak apalah. Jadi, kita simpati. Untuk hal ini, kita kena sokong sikit-sikit pandangan. Yang itu Kepong, jangan terkepong pemikiran ya.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian memberikan satu pendekatan hala cara baru bagaimana untuk menguruskan sungai ini dan saya mencadangkan supaya Lembaga Pengurusan Sungai Malaysia diwujudkan, termasuklah di Sabah dan di Sarawak. [*Tepuk*]

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya terpaksa sebut ini kerana....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia sudah akhir, Yang Berhormat ini.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Akhir sekali, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya teruskan.

**Dr. James Dawos Mamit:** [*Bangun*]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Butiran 19002 – Pembangunan Rumah Sembelih, B.19 iaitu pusat penyembelihan haiwan. Sekali lagi saya sebut bahawa ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ya?

**Beberapa Ahli:** Mambong, Mambong!

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Mambong. Ini ada *injury time* tidak?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada, tidak ada.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ada kaitan dengan sungai tidak ini?

**Dr. James Dawos Mamit:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ini bukan main bola, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ataupun masalah Lunas ter'Lunas, ini?

**Dr. James Dawos Mamit:** Masalah sungai, masalah sungai. [*Disampuk*] Tahukah Yang Berhormat bagi Shah Alam bahawa saya ini Pengerusi Lembaga Sungai Sarawaklah. [*Tepuk*] [*Sorak*] Ini bermakna kita sudah ada Lembaga Sungai di Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, sudah ya. Sudah ada Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mana yang belum ada sahaja.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya tahu ada Lembaga Sungai di Sarawak tetapi kalau boleh Lembaga Sungai di Sarawak itu *diincorporated*kan dalam Semenanjung. Apa salahnya.

Yang *last* sekali ini saya terpaksa sebut ini, berkenaan pusat penyembelihan haiwan di Butiran 19002. Sekali lagi saya menyuarakan bahawa sudah tiba masa dan ketikanya, tidak sesuai betul-betul di pusat Bandaraya Shah Alam masih lagi wujud pusat penyembelihan haiwan ini terutama yang berkait dengan pusat penyembelihan khinzir dan juga lembu. Jadi, saya sekali lagi minta tolong, tolong pindahkan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Timbalan Menteri menjawab.

**6.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Pertanian, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kami kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya dapati ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap tetapi oleh kerana masa yang tidak mengizinkan. Saya setujulah dengan Tuan Pengerusi yang mengehendkan masa.

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, tengok ramai ada lagi. Yang *opposition* tinggal berapa orang sahaja. [*Disampuk*] PAS ada tiga, DAP ada lima.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta sedikit Dato' Timbalan Menteri, saya hendak bertanya tentang isu prestasi....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak berjawab pun lagi ini, macam mana...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini hendak bertanya, dia berkata tentang prestasi kementerian. Adakah Yang Berhormat sedar yang ramai DAP di sini sebab calon dia tidak bertanding. Itu sebab dia ada di sini. Ha, kalau tidak, semua sudah hilang. Hendak minta pandangan Dato'.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Mereka dalam keadaan yang sedih. [*Ketawa*] Oleh kerana itu, soal undang buat belacan pun dia tidak tahu, undang kecil ataupun undang yang besar.

Tuan Pengerusi, saya akan cuba menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya saya tidak dapat menyentuh kesemuanya, Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah beranggapan bahawa perkara yang dibangkitkan itu tidak akan diberi perhatian. Pegawai-pegawai yang hadir telah mengambil catatan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah membangkitkan soal projek menaik taraf Sungai Kayu Ara untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut. Suka saya maklumkan projek menaikkan taraf Sungai Kayu Ara akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Ini merupakan projek sambungan dan rancangan tebatan banjir negeri Selangor. Ini juga termasuk menstabilkan tebing sungai di mana yang perlu.

Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan soal tanaman orkid supaya kita menganjurkan program tanaman orkid kepada penanam-penanam bumiputera. Saya amat menghargai atas sikap Ahli Yang Berhormat yang menerangkan dengan jelas bahawa industri ataupun tanaman orkid ini diusahakan oleh penanam-penanam orkid daripada keturunan Cina di mana menunjukkan bahawa

kita dalam Barisan Nasional, semangat kita dan imej kita adalah imej Barisan. Imej kita imej yang ingin menolong semua kaum walaupun kita tahu industri ini kebanyakannya diusahakan oleh orang Cina, bukan kita kata hendak tolong Melayu, Cina kita tidak tolong, Cina kita tolong, Melayu pun kita tolong, India pun kita tolong. Ya?

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Menyampuk*]

**Puan Chong Eng:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Nanti ya, khinzir tidak sampai lagi. Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, memang kita mempunyai rancangan secara besar-besaran untuk tanaman orkid bagi melibatkan kaum bumiputera iaitu dengan mewujudkan Taman Teknologi Bunga dan kelompok bunga orkid. Misalannya, kawasan seluas 100 hektar telah dikenal pasti di Bukit Tanah Merah, Segamat, Johor, 100 hektar di Sungkai, Batang Padang, Perak dan 20 hektar di Bukit Canggang, Kuala Langat, Selangor.

Jabatan Pertanian akan memberi latihan dan khidmat nasihat. Fokus bukan sahaja kepada tanaman orkid tetapi juga untuk dedaun dan *ornamental*. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, dalam industri orkid ini, pasaran eksport utama orkid ini adalah kira-kira RM5 juta setahun. Jumlah eksport bunga-bunga keseluruhan adalah RM42.8 juta. Pasaran utama kita ialah Singapura, Eropah dan Hong Kong. Jadi, seperti mana Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah katakan tadi, memang benar kita mengeksport bunga *cup flowers* ini, dengan izin, ke Singapura. Dari Singapura, dieksportkan ke negara-negara lain. Malaysia dan Indonesia adalah pengeksport utama kepada Singapura. Dari Singapura, ia dieksport ke negara-negara lain.

Yang Berhormat Sri Gading juga membangkitkan tentang tanaman serai untuk minyak. Kita memang menggalakkan penanaman herba termasuk tanaman serai melalui perlaksanaan ladang sate lit ataupun sate llite farms terutamanya termasuk di beberapa pusat pertanian di negeri-negeri. Menggunakan tanah-tanah kita di pusat-pusat pertanian yang ada di seluruh negara akan kita bangukan sebagai sate llite farms yang akan kita tanam dengan jenis-jenis herba, bukan sahaja untuk pemprosesan tanamannya tetapi juga untuk pasaran segar dan juga untuk anak benih.

Yang Berhormat juga memohon supaya projek Johor Barat walaupun tempohnya telah tamat sekarang ini, kita telah serahkan kepada pihak kerajaan negeri. Usaha-usaha untuk membina parit dan jalan di peringkat ladang adalah menjadi tanggungjawab petani-petani. Walau bagaimanapun, projek ini akan diserahkan kepada pihak berkuasa kerajaan negeri. Jadi pihak berkuasa kerajaan negeri, saya ya kin mempunyai peruntukan untuk menyelenggara projek yang telah pun diserahkan oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong mendakwa kononnya peruntukan untuk banjir bagi negeri Selangor ini sikit berbanding dengan peruntukan yang kita beri untuk rancangan tebatan banjir di kawasan Wilayah Persekutuan. Ingin saya jelaskan projek Sungai Klang yang sedang kita jalankan di bawah program tebatan banjir ini merupakan sebahagian daripada sungai yang terletak di dalam negeri Selangor. Jadi tidak betullah kalau kita katakan bahawa peruntukan untuk rancangan tebatan banjir bagi negeri Selangor sedikit seperti mana yang dituduhkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal peranan MARDI. Suka saya maklumkan bahawa MARDI telah .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong berdiri, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Kalau ikut buku Belanjawan ini kita dapati untuk Wilayah Persekutuan, RM174 juta, bagi Selangor hanya RM50 juta, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sungai-sungai yang mengalir melalui Wilayah Persekutuan ini berasal dari Selangor dan berakhir di Selangor. Itulah masalah dan apa jawapan tadi itu tidak betul juga kerana sepanjang sungai itu di Selangor.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, sebahagian daripada peruntukan bagi Wilayah Persekutuan adalah untuk menaikkan taraf Sungai Klang yang juga terletak di dalam negeri Selangor. Jadi maknanya peruntukan yang diberi kepada Wilayah Persekutuan itu juga akan memberi kebaikan, manfaatnya kepada negeri Selangor. Jadi, walaupun peruntukan untuk Selangor itu RM50 juta dan peruntukan untuk rancangan tebatan banjir bagi Wilayah Persekutuan RM174

juta, tetapi sebahagian daripada peruntukan RM174 juta itu akan digunakan untuk menaik taraf Sungai Kelang yang juga terletak di Negeri Selangor. Dalam lain perkataan, negeri Selangor juga mendapat peruntukan daripada RM174 juta ini.

Tuan Pengerusi, MARDI telah menghasilkan beberapa leading technologies yang telah disampaikan dan dimanfaatkan oleh petani dan klien tertentu. MARDI sedang menjalankan kajian genetic modified betik yang tahan lama disimpan supaya boleh dieksport dengan kapal laut ke destinasi yang jauh. Juga nanas yang tahan lama disimpan dan bebas daripada busuk dalam. Kementerian sedang mengkaji kemungkinan tentang pengkorporatan MARDI. Pihak Kementerian sedang mengkaji kemungkinan ini, belum ada keputusan lagi.

Mengenai dengan polisi GMD ini, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, ini adalah di bawah Kementerian Sains dan Teknologi, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, maksud saya ialah kerana MARDI lah yang membuat penyelidikan itu dan saya berharap bukan sahaja ke atas betik dan nanas sahaja, kepada semualah tanaman yang boleh ditanam di negara ini dan juga saya cadangkan supaya kita ada satu jawatankuasa khas untuk menilai dan menyelidik bagaimana GME atau GMT atau GMF dapat kesan sampingan ke atas manusia dan haiwan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya sebutkan tadi, kita ambil perhatian tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bukan di bawah Kementerian Pertanian, walau bagaimanapun kita akan bincang dengan kementerian.

Yang Berhormat bagi kawasan Kepong juga membangkitkan tentang kawalan penyakit haiwan dan zoonotic berkaitan kawalan penyakit yang tidak begitu baik. Saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, Jabatan Haiwan sentiasa menjalankan pemantauan kepada semua penyakit haiwan di sepanjang tahun. Sehingga bulan ini, tiada outbreak penyakit ternakan yang serius dilaporkan. Untuk

pengawalan penyakit JE ataupun Nipah Virus, program pemantauan yang melibatkan pengambilan darah untuk diuji telah dijalankan. Tiada outbreak baru yang melibatkan kumpulan ternakan yang baru berlaku sehingga bulan ini. Bagi meningkatkan lagi prestasi kawalan penyakit, peruntukan sebanyak RM1 juta telah dicadangkan untuk pembelian vaksin penyakit, surveillence penyakit haiwan dan zoonotic dan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan program kawalan penyakit.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bagan berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, oleh kerana saya tidak sempat untuk mengambil bahagian untuk menyoal sedikit sebanyak berkenaan dengan penyakit babi ini, bolehkah Yang Berhormat memberitahu sebab apa Nipah Virus ini boleh dijangkiti binatang-binatang atau khasnya babi-babi ini kerana dia sudah berlalu lebih kurang dua tahun dan sama ada punca dari manakah virus ini disampaikan sama ada ia dibawa oleh kuda yang diimport seperti apa yang didakwa atau virus ini dibawa oleh kelawar-kelawar atau apa-apa atau siapa-siapa yang bawa masuk?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, dulu kita bercakap tentang JE. Kita ingat penyakit ini asalnya daripada Jepun, Japanese Encephalitis tetapi daripada kajian yang dibuat memang terbukti ini bukan JE. Selepas itu, kita dapat kesan penyakit ini di Sungai Nipah - ini yang baru maka kita telah menamakan Virus Nipah. Pihak jabatan sentiasa menjalankan pemantauan terhadap penyakit ini, jadi kita sentiasa menjalankan pemantaun dengan mengambil sampel darah daripada babi dan didapati virus itu tetap ada tetapi pihak jabatan melaporkan ia di dalam peringkat terkawal. Jadi daripada report yang kita dapat, tidak ada outbreak sehingga masa kini.

Yang Berhormat bagi Kepong juga membuat tuduhan kononnya Bank Pertanian memberi perhatian dalam soal....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** (*Mengetuk-ngetuk pembesar suara*).

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah ketuklah Yang Berhormat saya tahu siapa yang berdiri, Yang Berhormat bagi Jeli.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Pasal JE kah?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sikit-sikit, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi sehubungan dengan JE kita hendak tanya sedikit penyakit mulut dan kuku lembu-lembu ini. Seringkali kalau lembu, kerbau ini dia menghadapi penyakit mulut dan kuku dan mengikut peristiwa yang lepas lembu-lembu ini atau kerbau-kerbau ini akan ditembak. Jadi sekarang ini sudah lama penyakit mulut dan kuku ini. Jadi saya hendak tanya pihak kementerian sama ada sekarang ini kita sudah ada pakar-pakar untuk memperkenalkan vaksin dan sebagainya untuk mengatasi penyakit mulut dan kuku bagi lembu-lembu dan kerbau-kerbau supaya selepas ini tidak melibatkan kita memusnahkan atau tembak lembu-lembu dan kerbau-kerbau ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi kawasan Jeli. Memang kita mempunyai pakar-pakar, pegawai kita. Kita mempunyai pakar-pakar yang diakui. Soal penyakit ini kita tidak boleh tentukan bahawa dia tidak ada virusnya, tetap ada tetapi dari segi jabatan kita sentiasa menjalankan pemantauan untuk mengawal. Alhamdulillah, apa yang dibuat oleh pegawai-pegawai menunjukkan usaha-usaha kita untuk mengawal *outbreak* penyakit-penyakit itu berjaya.

Yang Berhormat bagi kawasan Kepong telah membuat tuduhan kononnya Bank Pertanian lebih mengutamakan pihak korporat dalam kita menimbangkan permohonan untuk mendapat pinjaman.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa 70% daripada pinjaman yang kita keluarkan adalah kita berikan kepada para petani, penternak dan nelayan yang miskin. Tetapi jumlah pinjaman atau *loan size* mereka adalah kecil jika kita bandingkan dengan *loan size*, dengan izin, yang dipinjam oleh pihak korporat. Jadi kalau tuduhan mengatakan kita hanya memberi keutamaan kepada pihak-pihak korporat adalah tidak benar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sandakan telah membangkitkan soal Jabatan Perikanan di Sabah tentang masalah perikanan di Sabah. Suka saya memaklumkan bahawa Jabatan Perikanan di Sabah sering melakukan pemeriksaan mengejut di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti adanya aktiviti pengeboman

ikan. Pemeriksaan mengejut ini dilakukan untuk memastikan ianya tidak berleluasa. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya didapati ada golongan yang terlibat dalam aktiviti pengeboman....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Pengerusi aktiviti pengeboman menggunakan bahan letupan sebagai alat teknologi untuk menangkap ikan memang berleluasa di Sabah. Sebagaimana yang disarankan, Jabatan Perikanan mengambil tindakan undang-undang tetapi saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri sama ada kementerian sedar bahawa tindakan undang-undang mempunyai *loopholes*.

Kalau kita kaji Akta Perikanan seksyen 26 (1)(c) umpamanya, di mana pihak pendakwa dikehendaki untuk menanggung *burden of proof* untuk membuktikan bahawa seseorang itu mengetahui bahawa ikan yang mereka miliki ditangkap dengan menggunakan bahan letupan. Ini merupakan satu *loophole* yang banyak merencat penguatkuasaan untuk membendung masalah menangkap ikan dengan bahan letupan di negeri Sabah ini.

Saya ingin tahu sama ada kementerian sedar akan perkara ini dan sama ada ada langkah-langkah yang akan diambil untuk meminda Seksyen 26(1)(c) ini agar *burden of proof* itu diberi kepada pemilik atau orang yang memiliki ikan-ikan yang ditangkap dengan bahan letupan itu. Terima kasih, saya inginkan penjelasan.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, soal penguatkuasaan ini saya akui memang satu perkara yang sukar. Bila mereka nampak Jabatan Perikanan ada di sekitar ataupun berdekatan, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini tidak akan melakukan aktiviti pengeboman ini tetapi bila kita duduk jauh dia akan buat. Kita sedar tentang perkara ini dan kita akan mengkaji bagaimana kita boleh memperketatkan kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Setiu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Timbalan Menteri. Yang Berhormat Rompin tidurkah? Saya ingin

mendapatkan penjelasan berhubung dengan bot laut dalam yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri semasa Menteri Pertanian, Dato' Seri Sanusi Junid dahulu yang melibatkan 40 buah bot laut dalam dinamakan Layang 1, Layang 2 sampai Layang 40, apa sudah jadi dengan projek tersebut dan bagaimana kedudukannya sekarang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, tidak ada berkaitan dengan perkara yang kita bahaskan ini, tidak sangkut yang itu. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Ya. Tidak apa. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sandakan juga telah mencadangkan supaya kita mempelbagaikan kegunaan buah-buahan bermusim untuk diproses dan dieksport. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, kementerian memang menggalakkan penglibatan swasta khususnya dalam sektor pemprosesan buah-buahan.

Pihak FAMA juga akan menjalankan program untuk mempromosikan buah-buahan bagi tujuan eksport. Salah satu langkah yang sedang dilaksanakan oleh FAMA ialah melalui ladang kontrak ataupun *contract farmer* untuk menghasilkan buah-buahan seperti rambutan dan betik untuk tujuan dieksport.

Yang Berhormat bagi kawasan Jerlun telah membangkitkan soal cadangan supaya subsidi harga padi ditingkatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan belum bercadang lagi untuk meningkatkan subsidi harga padi memandangkan harga padi akan menjadi lebih tinggi dan menjadi tidak kompetitif dan kerajaan terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang besar bagi membolehkan rakyat membeli beras dengan harga yang berpatutan.

Mengenai dengan skim.....

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang yang berdiri Yang Berhormat. Yang mana hendak beri, Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Rompin, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Ini saya hendak tanya tentang subsidi. Saya bersetuju dengan Timbalan Menteri supaya tingkatkan subsidi kepada pekebun-pekebun kita. Dalam politik pun ada subsidi juga [Ketawa] sebab apa sekarang ini DAP beri subsidi sahaja kepada KeADILan, [Ketawa] untuk pandangan Dato'. Subsidi sahaja, di Telok Kemang subsidi, di Kedah pun subsidi. Apakah pandangan Yang Berhormat terus DAP beri subsidi kepada KeADILan, subsidi politik. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah jawablah itu.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Memang parti pembangkang dia tidak boleh beri subsidi, ini mungkin bentuk subsidi yang DAP boleh beri kepada KeADILan. [Ketawa]. Jadi apa.....

**Seorang Ahli:** DAP tidak ada kuku dah.

**Seorang Ahli:** Bangunlah tanya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Dato', subsidi lagi Dato'.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Subsidi DAPlah kepada KeADILan. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Beluran berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Ronald Kiandee:** Subsidi, saya memang mengetahui bahawa seperti yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri subsidi tidak akan ditambah, untuk subsidi padi ini kerajaan tidak akan menambahkan jumlah yang diberi. Tetapi saya ingin tahu apakah masa depan subsidi ini apabila bahan proses makanan ini dimasukkan ke dalam CEPT itu menjadikan ianya satu barangan yang harus dibawa bersaing dengan barang-barang makanan daripada luar. Saya ingin tahu pada waktu AFTA nanti masuk, WTO nanti dijalankan di negara kita, bagaimana subsidi kita ini kepada masyarakat petani kita di negara ini, satu.

Dan juga saya ingin tahu apakah kementerian telah membuat kajian tentang subsidi ini sama ada ianya benar-benar telah dapat menaikkan taraf hidup masyarakat petani kita yang mana subsidi ini diberi. Kerana kalau kita lihat subsidi merupakan satu perkara yang telah sekian lama diberi oleh kerajaan kepada petani-

petani. Namun, sama ada kerajaan ataupun kementerian mengetahui sama ada ianya telah memberi impak yang positif kepada petani dari segi ekonomi mereka, pendapatan mereka keseluruhannya. Sekian.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, mengenai dengan subsidi ini. Kita telah mulakan dahulu dengan RM3.00 sahaja. Sekarang ini subsidi ini telah meningkat sehingga RM24.00 untuk satu kilogram. Jadi kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan lagi pemberian subsidi ini. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, subsidi harga padi dan subsidi baja padi pada tiap-tiap tahun, kerajaan terpaksa membelanjakan RM500 juta untuk tujuan subsidi harga padi dan subsidi baja padi. Jadi oleh kerana itu, kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan lagi subsidi harga padi.

Ahli Yang Berhormat daripada kawasan... *[Diganggu]* Saya ingat banyak sudah cakap fasal subsidi ini.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Sikit saja.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Saya mewakili rayuan petani.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Hendak sembahyang maghrib sekejap lagi ini.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Ya, ya saya selepas ini hendak sembahyang Maghrib juga

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Yang Berhormat boleh keluar, saya tidak boleh keluar. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun telah, apa.... *[Disampuk]*

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Yang Berhormat, tadi saya sudah tidak berpeluang, Speaker tidak bagi 10 minit. Sikit sahaja, saya tidak main, ini betul-betul.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tidak apa, saya hendak jawab. Yang ini, sekejap lagi boleh jawab.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Masa Peringkat Dasar saya tidak berpeluang, masa Jawatankuasa pun saya tidak berpeluang

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mana boleh berbahas seperti ini. Hendak bagi bagi, tidak bagi cakap tidak bagi.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tidak bagi Tuan Pengerusi. Tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Saya sudah bagi *chance*, tadi sudah tanya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun membuat tuduhan kononnya dalam soal pemberian baja padi, ada diskriminasi. Suka saya maklumkan dalam dasar kita, kita tidak kira fahaman politik dalam pemberian subsidi baja padi. Dasar kita pada satu musim untuk keluasan enam ekar, kita akan berikan baja subsidi. Jadi setakat ini kementerian belum dapat apa-apa makluman kononnya para petani di kawasan Jerlun dan Kubang Pasu masih lagi belum menerima baja padi. Walau bagaimanapun, kita akan menyiasat perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat juga telah ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun tentang subsidi padi [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Rompin ada padi kah?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ada padi. Jelapang padi ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tentang subsidi padi. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi subsidi padi melalui Kementerian Pertanian. Tetapi nampaknya, Kelantan pun hendak cuba juga. Kerajaan Kelantan pun ada juga bagi subsidi padi. Adakah Yang Berhormat mengetahui tentang perkara ini.

Tetapi dalam Laporan Ketua Audit Negara tidak diuruskan dengan baik dan juga saya difahamkan, subsidi padi Kelantan bagi orang PAS sahaja. Orang UMNO dia tidak bagi. Dia tunjuk kita tetapi bila dia buat, dia buat benda yang sama lebih teruk lagi. Ada laporan daripada Ketua Audit Negara. Ini saya minta penjelasan sebab takut selepas ini 'setiausaha politik' akan melompat marah. Tengok dia marah tidak, kali ini. Saya meminta pandangan daripada Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, hakikat itu memang benar yang Kerajaan Negeri Kelantan juga mengeluarkan subsidi pada petani. Tetapi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan subsidi ini hanya diberikan kepada petani-petani daripada parti PAS sahaja. *[Sorak]*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri. Nanti dahululah. Dia bagi kah tidak bagi jangan lagi hendak bercakap.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Bagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haro n:** Terima kasih. Pertama sekali saya berterima kasih kerana pihak Kementerian Pertanian nampak tidak begitu peka dengan konsep pemberian subsidi baja padi. Saya ingin mengetahui, apakah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan ataupun menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi semua subsidi baja padi dan subsidi harga jualan padi ini kepada seluruh para penanam-penanam padi di Malaysia. Itu soalan saya dan tahukah Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa menampung lebih daripada RM3 juta tiap-tiap tahun kerana menampung subsidi baja padi hasil daripada penyelewengan dan diskriminasi yang berlaku oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan tidak memberi sebahagian besar di kalangan penyokong-penyokong PAS. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa memperuntukkan sendiri bagi menampung subsidi baja padi tersebut. Faham kah tidak faham maksud saya. Di sini bukan bermakna tanggungjawab kerajaan negeri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha fahamlah itu. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Di sini bukan bermakna tanggungjawab kerajaan negeri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haah..!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** ...kerana di negeri-negeri lain pun tidak ada. Ini memang tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Tetapi oleh kerana berlaku diskriminasi dan bagi membuktikan Kerajaan Negeri Kelantan tidak membiarkan rakyat Kelantan ini terbiar hasil daripada diskriminasi yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO, maka terpaksa menanggung sendiri, menambah subsidi baja padi kepada mereka-mereka yang tercicir hasil daripada diskriminasi tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi saya sudah terangkan tadi pemberian subsidi baja padi ini kita bagi kepada semua petani tidak kiralah dia fahaman politiknya. Kita bagi semua. Ia ikut peraturan, maksimum enam ekar. Satu ekar enam beg, satu baja urea, lima campuran. Kawasan keutamaan diberikan kawasan jelapang padi. Itu peraturan kita. Jadi tidak kisah dia PAS kah UMNO, jadi kita bagi. Itu dari segi dasar kita .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu. Bagi dia jawab dahulu.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Jadi kalau didapati dari segi pelaksanaannya tidak betul, kita akan siasat supaya dari segi pemberian subsidi baja padi ini hendaklah mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita pun tengok orang PAS ini dok kelek baja cap Barisan Nasional merata [*Ketawa*]. Maknanya kita bersyukur dapat beri baja dan mereka berterima kasih dapat baja lambang dacing.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** [*Bangun*]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Tiong Thai King:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana satu ini...

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Bagi dia Tuan Pengerusi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih dengan sikap Yang Berhormat, tetapi saya sedih dengan sikap Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Nampak benar dalam Dewan ini hendak mempolitikkan petani [*Ketawa*] Kita boleh bersandiwara dalam Dewan ini. Yang Berhormat semua tahu sebagai satu tanda bukti yang paling besar baja telah dipolitikkan ialah cap daging itu sendiri [*Ketawa*]

Yang Berhormat tahu sebagai wakil daripada Kementerian Pertanian, semua baja padi diedarkan dengan cap daging. Ini bukti politik yang paling penting sekali. Tidak usah cakap benda lain. Diskriminasi kah, bukti tidak ada kah, baru hendak fikir, hendak siasat ini semua karut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalamya Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jadi soalnya sekarang ini realitinya ialah masyarakat petani telah didiskriminasikan. Kalau Yang Berhormat kata hendak siasat sahaja, dahulu saya sudah bangkitkan dalam persidangan ini, Setiausaha Parlimen kata dia hendak siasat, tiada bukti. Tadi Ahli Yang Berhormat bagi Rompin cakap PAS diskriminasikan, mana bukti? Tiada bukti.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sama-sama tiada bukti.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tetapi hakikat diskriminasi ini bila Kelantan sendiri terpaksa belanjakan wangnya sebanyak RM3 juta ringgit, itu menunjukkan bahawa ada sebahagian petani telah dinafikan hak mereka [*Menunjukkan keratan akhbar*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa benda itu? Ha tidak payahlah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Petani jual baja padi subsidi [*Ketawa*] Kita tidak usah kisah fasal ini. Kita tidak hendak politikkan perkara ini. Urdu dalam kawasan saya sendiri telah didiskriminasikan dan yang terbaru sekali mungkin dasar Kementerian Pertanian, kita kata baik.

Di Kuala Lumpur semua petani dapat padi, dapat subsidi, tetapi di peringkat pelaksanaan, oleh kerana mereka menggunakan jentera yang *illegal* dari segi kerajaan

negeri iaitu Pegawai Pembangunan Mukim yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan, maka mereka menyenaraikan petani-petani mengikut selera mereka dan padi yang dikeluarkan, subsidi yang dikeluarkan, peruntukan oleh kementerian adalah seperti biasa, tetapi apabila sampai di bawah, setengah dia bagi, setengah dia orang jual.

Ini masalah serius. Ini bukti ada. Jadi saya berharap kementerian ini pandang serius. Pandang sungguh-sungguh, jangan dok main-main, dok berlagak hendak sandiwara macam Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** *[Ketawa]* Marah. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya sudah beritahu dasar kita tadi dalam pemberian baja ini tidak ada diskriminasi. Jadi sudah banyak kali kita ulang, cuma mungkin rakan-rakan kita dari Kelantan dia tidak mahu mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Jadi kita tidak mahu ikut peraturan yang telah ditetapkan. Jadi kita tuduh kita ada diskriminasi. Peraturan yang ditetapkan dalam agihan baja di Kelantan ada caranya. Saya minta kita ikut cara-cara yang telah ditetapkan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang lagi berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*. Sikit-sikit hendak tambah mengenai sandiwara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Janganlah macam itu, Yang Berhormat. Ini ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak minta tentang subsidi sandiwara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi siapa, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Subsidi sandiwara ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat hendak bagi siapa?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Ini bagi ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sikit-sikit sahaja, sandiwara, sandiwara.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Okay, okay.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sandiwara yang kata UMNO, Barisan tidak pernah sandiwara, sebelah sana bersandiwara. Dia sudah bangun. *[Yang Berhormat bagi Kubang Kerian keluar dari Dewan]*. Sauk itu. Sauk mana senjata angkat dia kata sandiwara. Dia sudah balik sandiwara.

**Seorang Ahli:** Sudah keluar.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sudah keluar, sudah tidak berani, itulah caranya. Dia tuduh, dia baling, dia lari. Ini PASlah. Dia yang bersandiwara. Di kawasan saya, kita bagi semua. Kita tahu dia PAS, kita bagi. Itu bukan cara kita, yang mendiskriminasi kepada orang UMNO ialah PAS Kelantan.

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kepong bagi atau tidak. Kepong.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong dia subsidi politik dia. *[Ketawa]*. Kalau sebelah sana hendak terus supaya DAP ini kuat lantik dia Setiausaha Agung. Lagi kuat dia lagi bagus. Minta pandangan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Okey beri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sib.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih. Minta penjelasan tentang subsidi padi saya mahu tanya kalau contohnya di Negeri Sarawak kami sekarang nampaknya tidak boleh menanam padi dengan estet yang besar. Layakkah mereka diberi subsidi baja padi? Contohnya satu estet kurang lebih dua ribu hektar. Adakah petani itu layak terima subsidi baja padi? Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Selangau.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga bertanya berkenaan dengan subsidi baja pa di iaitu subsidi baja padi bukit. Saya ucapkan syabas dan terima kasih kerana Dato' Timbalan Menteri mengatakan di sini

tiap-tiap enam ekar ada enam beg dia bagi kepada petani kita atau pekebun kecil. Tetapi di Sarawak, saya telah difahamkan oleh pegawai pertanian, seorang petani itu dia bagi setengah beg sahaja. Bolehkah kementerian menambahkan peruntukan subsidi baja padi bukit kepada petani di Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, ini untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat kawasan Sibul yang buat padi cara estet ini, yang itu dia tidak dapat, dia tidak bagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada kawasan ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Selangau.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Selangau.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Keutamaan kita beri subsidi baja padi ini adalah untuk kawasan jelapang padi. Di kawasan-kawasan kemungkinan kita akan timbanglah untuk kawasan-kawasan di luar jelapang. Dari segi bantuan subsidi ini satu ekar enam beg – enam kampak. Satu urea ada lima campuran. Maksimumnya untuk enam ekar.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Yang Berhormat sudah banyak kali saya bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nak bagi? Ha, sila.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sekarang semua orang tahu KADA dan MADA ini main peranan untuk menambahkan hasil padi. Itu kerja utama dia KADA dan MADA sekarang ini. Apakah pihak Menteri bersetuju kalau saya mencadangkan supaya untuk menyelesaikan masalah diskriminasi ini kita serahkan kepada KADA dan MADA sebagai agensi untuk mengedar serta mendaftar, mengedar baja-baja padi kepada penanam-penanam ini kerana beliau sahajalah mengetahui keadaan yang sebenarnya. Itu persoalannya.

Kalau kita tunggu perkara ini akan berterusan, akan berlaku lebih banyak lagi perkara-perkara yang tidak diingini kerana tindak balas daripada petani setakat ini Kelantan belum lagi kedengaran. Tetapi di akhir-akhir ini ada sikit-sikit benih-benih yang akan berlaku sedikit kekalutan apabila ada petani-petani merasai bahawa mereka ini tertindas dan diskriminasi ini terus berlaku sehingga berpuluh-puluh tahun, 10 tahun kebelakangan ini berterusan berlaku. Kemungkinan tindak balas ini akan menyebabkan pihak KADA akan menjadi kesulitan dalam usaha untuk menambahkan pengeluaran padi tersebut. Jadi minta penjelasan sedikit adakah setuju ?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, tugas mengagih baja ini kita serahkan kepada pertubuhan peladang kawasan. Jadi tidak ada rancangan untuk bagi kepada MADA ataupun KADA mengambil alih peranan PPK.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian memang menggalakkan petani mengurangkan penggunaan racun bukan sahaja untuk menjimatkan kos pengeluaran tetapi juga bagi tujuan keselamatan persekitaran dan penggunaanya. Salah satu cara yang dilatih petani mengamalkan ialah melalui amalan pengurusan perosak bersepadu atau dengan izin, Integrated Pest Management (IPM) iaitu penggunaan ejen-ejen biologi, pelekat warna dan perangkap-perangkap lampu untuk serangga, crop protection untuk mengurangkan rumpai dan lain-lain lagi. Kaedah pengawalan ulat pengorek batang mempelam telah disampaikan oleh MARDI dan Jabatan Pertanian kepada petani-petani di Kedah dan Perlis. Program latihan, demonstrasi dan khidmat nasihat diberikan secara berterusan kepada petani-petani. Sehingga kini penyakit ini adalah terkawal. MARDI sedang membangunkan klon-klon mempelam yang toleran kepada penyakit, menghasilkan kualiti buah yang tinggi, berupaya mengawal proses pembungaan dan penghasilan buah. Klon-klon mempelam yang sedia ada seperti mempelam harum manis telah ditingkatkan mutunya di mana penyakit reput dalam telah dapat diatasi.

Yang Berhormat bagi kawasan Sipitang telah membangkitkan tentang peranan LPP. Suka saya maklumkan Kementerian Pertanian mempunyai beberapa rancangan untuk menguatkan lagi peranan LPP dalam mengembelngkan peladang-peladang yang menjadi ahli pertubuhan peladang untuk menanam tanaman-tanaman seperti buah-buahan dan sayur-sayuran yang bernilai tinggi bagi pasaran tempatan dan juga

eksport. LPP juga diberi peranan untuk menggiatkan aktiviti pasaran pertubuhan-pertubuhan peladang, keluaran ahli-ahli peladang. Bagi tujuan ini dalam Belanjawan 2001 dan dalam Rancangan Malaysia Ke-8, LPP akan diberi lebih banyak peruntukan untuk membiayai projek-projek pengeluaran dan pemasaran oleh ahli-ahli.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Tebrau telah membangkitkan mengenai dengan anjing-anjing liar. Suka saya maklumkan tuan punya anjing dimestikan mengambil lesen untuk anjing-anjing mereka. Lesen-lesen ini perlu diperbaharui setiap tahun. Walaupun mempunyai lesen, anjing-anjing ini tidak boleh dibiarkan lepas bebas di luar kawasan premis tuan punya. Operasi menembak anjing liar akan dijalankan dari semasa ke semasa sebagai salah satu langkah pengawalan penyakit anjing gila. Tindakan yang sama boleh diambil ke atas anjing-anjing yang berlesen yang dibiarkan keluar dari premis tuan punya semasa operasi dijalankan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan. Kalau tidak bagi, teruskan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tentang tembak anjing liar. Sekarang di Majlis Perbandaran Sibu kami ada satu program sedang dilaksanakan. Bolehkah kami minta subsidi atau bantuan kewangan dari kementerian? Ya, bolehkah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Subsidi peluru ya.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Subsidi tembak anjing liar. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, subsidi tembak anjing tak ada. *[Ketawa]* Yang ini Yang Berhormat bagi Sibu boleh minta kerjasama pihak berkuasa kerajaan tempatan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Baling telah mencadangkan supaya negara menghasilkan makanan ternakan sendiri seperti jagung. Negara terpaksa mengimport banyak makanan ternakan dari luar negeri kerana tiada keadaan yang sesuai khususnya iklim untuk tanaman seperti jagung, khasnya untuk makanan ternakan. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang berusaha membuat percubaan untuk

menanam jagung di dalam negara ini. Umpamanya, di negeri Johor di mana sebuah syarikat dengan kerjasama dan bantuan agensi kerajaan iaitu MARDI sedang menanam jagung secara percubaan. Penanaman jagung ini akan diperluaskan jika didapati berdaya maju dari segi ekonomi.

Yang Berhormat bagi Baling mercadangkan supaya kerajaan mewartakan kawasan untuk pertanian. Suka saya maklumkan Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri telah mewujudkan zon tanaman kekal pengeluaran makanan untuk pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang akan diwartakan. Seluas lebih kurang 7,000 hektar di 52 lokasi di seluruh Semenanjung Malaysia untuk tanaman kekal pengeluaran makanan telah dikenal pasti dan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini di Perak, Kedah, Selangor dan Johor telah pun menandatangani memorandum persefahaman mengenai perkara ini. Negeri-negeri lain sedang membuat persediaan untuk menandatangani memorandum persefahaman.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai dengan Rancangan Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai di negeri Pulau Pinang, peruntukan tidak disediakan. Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, butiran perkara ini telah pun diberhentikan selaras dengan dasar kerajaan telah melanjutkan projek imbuhan balik kerja pengairan, saliran dan sebagainya.

Semua peruntukan untuk kerja pengairan, saliran, tebatan banjir telah disediakan seperti di bawah Butiran 12800, 12900,15400 dan 17122. Peruntukan sebanyak RM25 juta di bawah P.19, Butiran 17122 untuk tahun 2001 akan digunakan untuk projek sambungan di kawasan perbandaran Pulau Pinang - Sungai Rambai, Nibong Tebal, Sungai Jejawi dan juga Sungai Perai.

**Puan Chong Eng:** Bolehkah penjelasan? Bagaimana dengan Kampung Machang Bubok, kerana Kampung Machang Bubok, Taman Impian Ria di sebelah sana semua kerana Sungai Junjung. Maka kalau tak ada peruntukan, macam mana hendak menyelesaikan masalah di sana. Mungkin termasuk juga sungai di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Saya sudah sebut tadi ada dimasukkan di bawah peruntukan RM25 juta di bawah P.19 termasuk Sungai Rambai.

Yang Berhormat bagi Shah Alam telah mencadangkan supaya ditubuhkan lembaga pengurusan sungai.....

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** [*Sambil memberi isyarat minta tunggu*].....sungai dengan lebih berkesan untuk menjaminkan bekalan air dan mengatasi masalah banjir.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat - sekejap lagi.... kerajaan telah bersetuju dengan konsep ini sebagai projek printis. Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Lembaga Urus Air Selangor pada tahun 1999. Sekiranya pendekatan baru ini berkesan ianya akan diperluaskan kepada negeri-negeri yang lain.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya meminta Yang Berhormat boleh memberi penjelasan yang lebih terperinci, kerana itu merupakan negeri Yang Berhormat Timbalan Menteri juga. Saya rasa dia tahu maklumat-maklumat ini kerana masih ada Sungai Pinang dan juga Sungai Juru di mana mengikut rancangan kerajaan negeri memang semua ada rancangan untuk menjalankan projek-projek di sana. Tetapi sekiranya tidak ada peruntukan, macam mana hendak menjalankan projek di sana. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mempunyai maklumat sekarang, saya harap boleh memberi jawapan secara bertulis dengan lebih jelas lagi. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya sudah sebutkan tadi diperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi tujuan tebatan banjir. Salah satu termasuk Sungai Rambai yang dalam kawasan Parlimen Bukit Mertajam. Selain daripada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat, kerajaan negeri juga menyediakan peruntukan, faham?

**Puan Chong Eng:** ...maklumat sahaja. Adakah itu maksudnya?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Ya, peruntukan RM25 juta ini...

**Puan Chong Eng:** Untuk empat.....

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** ....termasuk sungai-sungai di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih atas response daripada Yang Berhormat tentang cadangan untuk mewujudkan lembaga pengurusan sungai. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Mambong yang juga telah menjadi Pengerusi Lembaga Sungai Sarawak, saya ambil kaitan ini dengan Yang Berhormat punya response iaitu Lembaga Urus Air Selangor ia adalah satu peringkat pelaksanaan koordinasi di peringkat jabatan PBT, local council.

Saya ingin mengutarakan pandangan ini supaya lembaga pengairan sungai ini diwujudkan serupa juga dari segi analoginya, kalau dahulu JKR bila kita hendak buat highway kita ada Lembaga Lebuhraya Malaysia yang menguruskan dari segi koordinasi antara setiap negeri dan tentulah soal perparitan dan saliran ini masalahnya lebih besar sekarang ini dari segi pencemaran, dari segi hendak coordinate dengan kerajaan. Jadi, lembaga pengurusan sungai ini bertanggungjawab untuk menguruskan seluruh sistem perparitan dan saliran yang berhubung kait dalam negara ini melalui lembaga. Sumber air minum itu mustahak. Jadi, terima kasihlah dengan jawapan, bila hendak buat? *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya sudah terangkan tadi bahawa kita sedang melihat kemajuan Lembaga Urus Air Selangor. Sekiranya lembaga ini didapati bersesuaian, ia akan diperluaskan ke negeri-negeri. Pihak JPS sedang membuat kerja.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan peruntukan tahun 2001 untuk ladang babi. Sorry, saya tak mahu pakai perkataan 'khinzir', saya cakap 'babi'. Projek yang ada pada tahun 2001 ini merupakan projek-projek sambungan. Bagi ladang ternakan babi, semua projeknya telah selesai dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu untuk tahun 2001 tiada peruntukan diberikan kepada ladang-ladang babi. Walau bagaimanapun, pada tahun 2002 ia akan wujud sebagai satu projek baru dan akan diberikan peruntukan.

Mengenai dengan Integrated Pig Farming Area (PFA) di Negeri Sembilan. Kawasan dan kerja-kerja tanah telah siap, walau bagaimanapun, jabatan masih menunggu keputusan Kabinet sama ada diteruskan atau tidak tentang projek ini.

Tuan Pengerusi, saya ingat saya sudah sentuh banyak perkara. Jadi, yang mana saya tak dapat sentuh, tak dapat jawab, saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan sebagainya. Jadi, bagi pihak kementerian saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,188,037,700 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,188,037,700 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,215,427,420 untuk Maksud P.19 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,215,427,420 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B. 20 [Jadual] –  
Maksud P. 20 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

**7.41 mlm.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas ketegasan beliau di mesyuarat menteri-menteri bagi persiapan Persidangan APEC di Brunei berkaitan

dengan penentuan sama ada sidang seterusnya di Uruguay Round ditentukan agenda terlebih dahulu ataupun tidak.

Apa jua pendirian kita semestinya disuarakan secara berkesan dalam forum yang berkaitan dan bukannya di luar forum yang berkenaan. Dan tidak hanya menjadi pahat berbunyi selepas rumah siap, terutama berkaitan penggubalan peraturan WTO yang sedang berkembang sekarang.

Tuan Pengerusi, peraturan-peraturan dagang yang baru sebagai landasan kepada liberalisasi dan pensejagatan yang sedang dituju oleh negara kita dan dunia seluruhnya pada hemat saya, memerlukan pendedahan yang meluas pada segenap lapisan masyarakat. Pendidikan, penyesuaian, perubahan baru ini hendaklah dijalankan secara meluas. Kita semua tahu struktur baru dunia ini amat besar kesannya dan bersifat struktural. Masih banyak pihak di negara kita masih terpinga-pinga dengan perubahan-perubahan yang akan berlaku.

Dan ini dapat kita perhatikan dalam perbincangan di Dewan ini sendiri sebahagian daripada Ahli Parlimen tidak sepenuhnya memahami kedudukan beberapa isu berkaitan dengan AFTA dan WTO. Kerana itu pendedahan amat perlu bukan sahaja bagi masyarakat dagang tetapi juga bagi semua lapisan masyarakat yang lain, umpamanya pegawai-pegawai kerajaan, pendidik dan pembuat dasar di semua peringkat itu sendiri.

Saya sendiri mengakui kepayahan mencari bahan-bahan untuk memahami isu ini secara lebih mendalam. Masyarakat biasa pada hemat saya tentulah lebih sukar untuk memahami dan mengikuti perkembangan ini.

Saya berharap semua persetujuan yang telah diterima oleh negara kita dari masa ke semasa berkenaan dengan WTO dan AFTA dihebahkan kepada umum dan tidak menjadi bahan yang diperam bagi kementerian ini semata-mata. Seminar, majlis penerangan dan bahan bacaan yang mencukupi seharusnya menjadi sebahagian dari saranan untuk melengkapkan anggota masyarakat dengan maklumat berkaitan.

Pendidikan yang saya maksudkan bukan sahaja mengenai bentuk perubahan serta peraturan-peraturan yang telah dipersetujui dan kesannya, tetapi juga ialah peluang-peluang yang akan diperoleh oleh pedagang-pedagang dan negara kita keseluruhannya daripada peraturan-peraturan baru ini.

Kita semua tahu liberalisasi dagang membawa bersama cabaran dan peluang. Dan peluang-peluang ini amat penting untuk diketahui oleh masyarakat kita. Adalah penting, komuniti dagang mengambil kesempatan meluaskan aktiviti mereka selaras dengan pembukaan kesempatan di negara luar. Mereka perlu cepat dan melalui perluasan kegiatan di luar, mereka berpeluang memperoleh sumber yang lebih murah selain pasaran yang lebih besar. Mereka juga boleh bertindak cepat jika mereka mempunyai cukup maklumat mengenai peluang baru dan susunan baru ini.

Kementerian ini saya yakin sudah tentu telah mengenal pasti sektor-sektor potensi di setiap negara yang diliputi oleh AFTA dan kemudiannya WTO. Maklumat seperti ini sangat berguna untuk disebarkan kepada masyarakat negara kita.

Tuan Pengerusi, berdasarkan laporan prestasi aktiviti kementerian ini, saya melihat negara kita telah menandatangani banyak persetujuan termasuk apa yang diputuskan oleh Uruguay Round (UR). Kebimbangan saya ialah sebahagian daripada persetujuan ini telah ditandatangani tanpa penelitian yang halus. Bahkan mungkin tanpa Malaysia terlibat semasa membincangkannya. Dan ini akan mengakibatkan sebahagian daripada persetujuan ini menyukarkan negara kita dan mengalami kepayahan untuk dilaksanakan sebagaimana telah dipersetujui.

Sebagai satu contoh ialah TRIMS ataupun Agreement on Trade Related Investment Immerges dan juga TRIPS yang telah pun kita tandatangi sebelum daripada ini dan kebelakangan ini Malaysia telah memohon untuk melanjutkan tempoh bagi, dengan izin, *paste out of the local content requirements* bagi perjanjian ini.

Ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada persetujuan itu telah kita capai, tanpa kita meneliti secara lebih halus dan ini memburukkan negara kita. Ketelitian dan ketegasan amat perlu supaya kesannya kepada negara kita diambil kira sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, jika tidak silap saya, satu daripada isu WTO ialah perolehan ataupun pembelian kerajaan. Amerika bersekali dengan EC, Jepun, Singapura dan Korea menyokong peraturan ketelusan dalam perolehan kerajaan. Ini meliputi pembelian-pembelian kerajaan, tatacara pembelian, syarat-syarat tender, kelayakan

dan kriteria-kriteria berkaitan dengan tender yang diperoleh oleh kerajaan tentang barangan-barangan yang mereka akan belikan.

Saya ingin tahu, apakah sebenarnya alasan Malaysia keberatan menerima cadangan wujudnya *transparency* dalam perolehan-perolehan kerajaan. Adakah bermakna ini Malaysia melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu dan tidak berhasrat mendapatkan pembekalan dengan harga yang jauh lebih murah jika sekiranya Malaysia menerima konsep *transparency* dalam perolehan kerajaan.

Saya difahamkan juga isu alam sekitar telah cuba dimasukkan dalam Peraturan WTO dan pada fikiran saya adalah amat baik mengaitkan mana-mana kegiatan perdagangan dengan usaha penjagaan alam sekitar, perladangan, pembalakan, perkilangan, perikanan dan lain-lainnya mestilah diuruskan tanpa merosakkan alam sekitar secara berleluasa dan kriteria ini sepatutnya dimasukkan sebagai satu dari peraturan dagang sejagat.

Dan saya sekali lagi tidak faham, mengapa Malaysia adalah keberatan dalam isu ini dan lebih suka persoalan alam sekitar dimasukkan dalam MEAS dan bukannya WTO. Saya berharap kedua isu ini dapat penjelasan daripada pihak kementerian dan setakat itulah perbincangan saya.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Temerloh.

**7.46 mlm.**

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga ingin menyentuh Maksud Bekalan B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di bawah Butiran 010200 – Dasar dan Penyelidikan dan juga Butiran 020400 – Kerjasama Ekonomi ASEAN, bersama-sama.

Saya juga ucap syabas dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas banyak kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian ini dan telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang terkenal di peringkat antarabangsa dan sebagaimana sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, saya juga ingin mengucapkan tahniah di Sidang APEC baru-baru ini di Brunei, kita telah melihat bagaimana Malaysia mengetuai Negara-negara Membangun

yang lain menyuarakan pandangan dan pendapat berhubung dengan ketidakadilan dalam perdagangan antarabangsa antara negara maju dan kurang maju.

Jadi, kita ucap syabas, tahniah kepada menterinya dan semua pegawai di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Pengerusi, saya lihat dalam Belanjawan 2001 dan juga tahun 2000 yang lepas begitu kecil sekali peruntukan yang dibuat bagi kegiatan penyelidikan. Sedangkan masalah yang dihadapi oleh negara berhubung dengan kegiatan perdagangan antarabangsa ini begitu besar sekali. Saya cuba mencari kalau-kalau ada laporan ataupun kajian *impact studies*, dengan izin, yang dibuat oleh kementerian berhubung dengan kesan kepada industri-industri tempatan apabila AFTA dilaksanakan. Malangnya, saya tidak mendapatkan kajian-kajian itu dan saya telah menghubungi seorang rakan di Bangkok menanyakan perkara yang sama dan saya terkejut apabila melihat di Thailand begitu banyak sekali kajian-kajian *impact studies* ini dibuat ke atas industri-industri tempatan di Thailand, industri makanan, industri automobil dan ini telah membantu banyak sekali bagi negara Thailand untuk merangka strategi terutama mengenai *position*, dengan izin, industri-industri tempatan di Thailand untuk menghadapi AFTA 2003 ataupun 2005.

Tuan Pengerusi, apa yang saya dapat daripada laporan-laporan kementerian, hanyalah laporan-laporan mesyuarat sahaja yang dihantar oleh pegawai-pegawai daripada pejabat-pejabat perdagangan antarabangsa di luar negara dan laporan-laporan ini tentunya tidak dapat membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian, sejauh manakah kementerian telah menjalankan penyelidikan tentang implikasi terhadap industri-industri tempatan yang terlibat di bawah AFTA. Dalam erti kata yang lain, apakah kementerian telah menjalankan kajian impak terhadap industri-industri utama seperti automobil, automatif, industri pembuatan, industri elektronik, apabila AFTA dilaksanakan nanti.

Saya kira kajian-kajian ini penting dilakukan. Saya sebut tentang contoh negara jiran tadi, Thailand, begitu juga Filipina begitu banyak kajian impak ini dibuat. Sebab itulah kalau kita lihat Thailand pada hari ini telah menjadi satu *global hub*, dengan izin, iaitu pusat pengeluaran global untuk *compact, pick up truck*, dan lain-lain

pembuat kereta terutama daripada Jepun, Toyota, Honda, Mitsubishi dan sebagainya telah meletakkan kepentingan industri ini, industri automatif mereka di Thailand dan juga di Filipina.

Kita tidak tahu *position* kita, apakah industri automatif kita akan mampu bersaing dengan industri automatif lain seperti Honda, Toyota apabila tarif diturunkan daripada 5% ke 0% pada tahun 2005. Apa strategi kita? Ini semua hanya boleh dijawab sekiranya kita mempunyai maklumat-maklumat yang tepat yang hanya dapat dihasilkan melalui penyelidikan yang berkesan. Laporan ini dibuat oleh *Standard and Poor*, sebuah organisasi penyelidik yang menyatakan pada tahun 2010, negara-negara Asia dijangkakan, tidak termasuk Jepun, akan menyumbangkan sebanyak 22% jualan dunia dalam industri automatif. Jadi, kita harus menentukan *position* kita dan kita harus menentukan strategi kita untuk menghadapi pasaran antarabangsa berkenaan dengan automatif ini.

Kajian ini juga penting, Tuan Pengerusi, untuk menentukan tenaga kerja yang sekarang ini terlibat dalam industri-industri ini. Kita tidak tahu bagaimana, apa akan berlaku kepada tenaga-tenaga kerja ini sekiranya sebahagian daripada industri ini terpaksa ditutup kerana tidak mampu lagi untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Atau mungkin sebahagian daripada industri-industri ini terpaksa mengecilkan saiz operasi mereka untuk mengurangkan kos agar dapat bertanding di pasaran antarabangsa. Mungkin persiapan perlu dibuat daripada sekarang untuk *mobilise*, dengan izin, tenaga kerja ini ke sektor-sektor lain yang kita jangka mempunyai *comparative advantage* yang lebih tinggi.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya melihat kajian-kajian ini penting sekali dibuat dan kita juga melihat kesan implikasi AFTA ke atas barangan-barangan elektronik kita. Saya difahamkan akibat kenaikan harga bahan bakar ataupun kenaikan harga minyak baru-baru ini, sudah ada beberapa industri-industri elektronik yang besar di negara ini bercadang untuk memindahkan industri mereka ke negara-negara lain seperti Thailand dan juga Taiwan. Kita mesti kaji dan selidik dengan mendalam tentang perkara ini. Begitu juga dengan keluaran barang makanan dan pertanian, saya nampak tidak ada langsung kajian yang dibuat, kajian impak *studies* ini dibuat,

bagaimana kedudukan kita bila AFTA dilaksanakan. Dan, ini saya kira harus dilakukan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, selain daripada AFTA, Asian juga ataupun Malaysia bersama telah menandatangani persetujuan mengenai perkhidmatan ataupun *Asian Agreement On Services*. Dan, *agreement* ini ditandatangani pada tahun 1995. Perjanjian ini meliputi bidang insurans, komunikasi, profesional *services* dan lain-lain yang berbentuk perkhidmatan. Perjanjian ini amat kurang *dihighlightkan*, dengan izin, oleh pihak kementerian. Tidak begitu ramai saya kira yang tahu mengenai *agreement* ini. *Agreement* ini juga mempunyai implikasi yang luas terhadap industri perkhidmatan di negara ini. Apakah *position* kita, dengan izin, dan apakah strategi kita, apabila *agreement* ini dikuatkuasakan.

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, saya melihat kementerian memerlukan *budget* yang lebih besar untuk melaksanakan kajian-kajian ini. RM800,000 setahun pastinya tidak mencukupi. Dan, hasil kajian-kajian ini akan menentukan masa hadapan negara kita. Saya boleh katakan bahawa kajian-kajian implikasi ini masih belum dilaksanakan dan *the real impact of AFTA on industries in our countries are not known yet*. Kita masih ada masa dan pastinya kita boleh lakukan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tampin.

**7.55 mlm.**

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. B.20, Butiran 070000 – Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Tujuan kerajaan menggalakkan dan membangunkan industri kecil dan sederhana sebagai industri pelengkap dan penyokong serta mengharapkannya berdaya maju supaya mengeluarkan produk-produk yang bermutu amatlah digalakkan. Tetapi adalah difahamkan juga, banyak syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana yang melibatkan diri sebagai syarikat penyokong kepada syarikat-syarikat *multi-national company* terutamanya yang melibatkan diri dalam bidang pemprosesan, pemasangan atau pengeluaran komponen-komponen tertentu kerap menghadapi masalah di dalam mendapatkan market ataupun meningkatkan jualan.

Salah satu sebab utamanya ialah terdapat kadang-kadang banyak syarikat *multi-national company* yang mengeluarkan produk-produk tertentu seperti video,

VCD tetapi berlainan jenama biasanya tidak mahu menggunakan perkhidmatan syarikat yang menjadi *vendor* kepada jenama lain walaupun produk yang sama. Sebagai contoh, kalau syarikat *multi-national company* yang membuat jenama TV Sony, tidak mahu menggunakan syarikat yang menjadi *vendor* kepada TV yang berjenama Hitachi. Di sinilah satu masalah utama yang sering dihadapi oleh syarikat-syarikat IKS di negara ini.

Saya masih ingat, suatu ketika dahulu di Taiwan, sekitar tahun 1980-an beberapa buah syarikat *vendor* terpaksa ditutup kerana syarikat vendor itu terlalu bergantung kepada IBM dan saya mengharapkan perkara ini tidak berlaku di negara ini. Walaupun kita sedia maklum, pihak SMIDEC yang juga berusaha untuk mengatur, *match-making* antara syarikat-syarikat IKS dengan syarikat-syarikat *multi-national company* tetapi peratus berjayanya *match-making* ini, dengan izin, menjadi persoalan.

Saya maklum walaupun adalah menjadi tanggungjawab pengurusan syarikat IKS khasnya yang terlibat dalam skim *vendor* untuk memasarkan produk atau *service* perkhidmatan syarikat mereka tetapi saya yakin sekiranya pihak SMIDEC dapat memberi perhatian yang lebih serius dalam membantu syarikat-syarikat *vendor* memasarkan produk-produk atau perkhidmatan mereka, ini adalah kerana masalah yang terbesar ialah masalah pemasaran. Dan, inilah merupakan masalah yang terpenting yang perlu ditangani oleh SMIDEC.

Saya yakin dari segi pengurusan syarikat kualiti produk yang diuruskan oleh usahawan-usahawan yang terdiri daripada rakyat negara ini, pada hari ini telah bermutu malah begitu banyak syarikat-syarikat IKS telah memiliki sijil-sijil pengiktirafan antarabangsa.

Tuan Pengerusi, suatu ketika dahulu pihak kerajaan menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat *vendor*, akibatnya ramailah usahawan-usahawan muda menyahut cabaran ini dan menceburkan diri dan menjadi *vendor* kepada syarikat-syarikat tertentu dengan tujuan untuk menerima pemindahan teknologi, di samping itu sebagai tapak untuk memulakan perniagaan yang sihat sebagai objektif utama. Malangnya, setelah ramai usahawan-usahawan mengambil pinjaman yang besar ini, dan berusaha bersungguh-sungguh ingin berjaya menguasai teknologi-teknologi tertentu tetapi

menghadapi masalah pasaran. Adalah diharapkan pihak SMIDEC dapat mengumpulkan syarikat-syarikat IKS yang terlibat dalam sesuatu industri yang sama dan berusaha serta mencari jalan menyelesaikan masalah ini.

Selain dari itu, saya juga meminta pihak kementerian melalui SMIDEC dapat membantu syarikat-syarikat IKS di dalam bidang penyelidikan agar syarikat-syarikat IKS khususnya yang menjadi *vendor* kepada syarikat-syarikat *multi-national company* tidak terlalu bergantung pada satu produk malah cuba untuk menggabungkan kebolehan-kebolehan atau kemampuan-kemampuan syarikat IKS yang ada di negara ini dan difikirkan secara bersama, apakah produk yang boleh dihasilkan secara bersama. Ini perlu dilakukan kerana sekiranya SMIDEC mengharap syarikat-syarikat IKS sendiri melakukan penyelidikan, ianya mungkin sukar kerana kos penyelidikan yang terlalu tinggi. Apatah lagi syarikat-syarikat IKS ini juga baru keluar dari masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara sekitar tahun 1997 hingga 1998. Oleh yang demikian, adalah diharapkan SMIDEC dapat membantu syarikat-syarikat IKS ini di segi pemasaran dan juga penyelidikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tukar kerusikah? [Ketawa] Jeli.  
**8.00 mlm.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Seterusnya saya ingin mengambil bahagian dalam bab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kepala B.20 dan P.20, di bawah 010200 – Dasar dan Penyelidikan yang mana peruntukannya sepertimana yang telah diberitahu oleh sahabat saya tadi hanyalah sekitar RM853,000. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian oleh kerana ini di bawah bab Dasar dan Penyelidikan, saya hendak tahu arah mana dan industri apa yang kerajaan cuba fokuskan atau intensifkan. Oleh kerana ini di bawah Dasar, maka kita ingin tahu apakah dasar untuk perindustrian tersebut. Bahkan setakat ini dari segi Penyelidikan, apakah arah penyelidikan, bentuk penyelidikan dan jenis penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan ini.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian, misalnya sekarang ini kalau kita lihat di dalam industri getah, masih lagi industri yang mendominasi sektor industri getah iaitu sarung tangan getah sama ada jenis, dengan izin, *examination* ataupun *surgical* dan proses yang terlibat ialah jenis *Roller*. Walhal banyak lagi proses-proses keluaran hasil getah yang boleh menonjolkan imej negara dalam produk hiliran hasil getah. Umpamanya, dengan izin, *sheeting*. Walaupun ia kurang popular di negara kita, kemudian *moulding*, dengan izin, juga masih kurang popular di negara kita. Tetapi proses-proses *moulding* ini telah berjaya menghasilkan getah-getah yang mempunyai daya tahan yang tinggi dan mendapat pulangan yang begitu tinggi di negara-negara maju.

Malah kalau kita lihat tayar-tayar yang berkualiti tinggi, masih tidak dikeluarkan oleh negara kita, sama ada oleh Goodyear, Silverstone dan sebagainya. Tayar-tayar berkualiti tinggi ini dikeluarkan oleh negara-negara yang mana mereka tidak mempunyai bahan mentah mereka adalah getah seperti misalnya, tayar kapal terbang Boeing 747, Airbus dan sebagainya kerana kita kira bahawa produk-produk hasil getah ini yang mempunyai kualiti yang tinggi dan yang *specialized* ini, dengan izin, sudah pasti memberi pulangan kos yang tinggi kepada industri-industri yang berkenaan.

Sebab itu saya memohon, oleh kerana kita merupakan negara pengeluar getah, maka marilah kita intensifkan hasil-hasil keluaran yang diasaskan oleh bahan mentah yang terdapat di negara kita, umpamanya bijih timah. Negara kita pada satu ketika dulu adalah pengeluar bijih timah terbesar di dunia tetapi apa jadi kepada industri timah sekarang. Dengan izin, *almost dead industry* kerana kita hanya menjual timah mentah dan tidak sampai ke peringkat hiliran secara besar-besaran.

Kalau ada pun hanya yang dihasilkan oleh syarikatsyarikat kraftangan seperti Selangor Pewter dan syarikat-syarikat pewter yang lain ataupun kalau lebih sedikit oleh Kian Ju untuk tin-tin minuman dan makanan. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya kenapa penyelidikan dan dasar kementerian tidak fokuskan secara intensif kepada industri-industri yang menggunakan bahan mentah yang terdapat dengan banyak dalam negara kita.

Satu lagi bahan mentah yang banyak terdapat di negara kita adalah kelapa sawit. Saya masih ingat dan membacanya di akhbar-akhbar perdana negara dan ianya juga keluar di berita-berita perdana TV-TV kita di mana minyak kelapa sawit boleh menghasilkan minyak diesel. Penemuan ini telah ditemui. Tetapi sekarang ini, setakat mana penemuan ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk mengkomersialkan penemuan-penemuan minyak diesel daripada minyak kelapa sawit. Tambahan pula, waktu ini adalah waktu yang terbaik untuk kita memanfaatkan produk kelapa sawit ini sehingga dapat menjadikan minyak diesel kerana pada waktu sekarang, harga kelapa sawit adalah pada waktu harga yang rendah, manakala harga minyak diesel adalah pada waktu harga yang tinggi.

Saya ada terbaca dalam sebuah majalah *Asia Incorporated*, dengan izin, keluaran sebelum keluaran yang terbaru, saya agak bimbang dengan sektor automobil kita kerana penulis-penulis yang terlibat dalam *Asia Incorporated* tidak yakin bahawa kita akan bersetuju supaya pada tahun 2005, sektor automobil kita akan mengikuti kehendak AFTA itu sendiri kerana banyak lagi perkara-perkara yang kita belum selesai secara komersial dan ekonomik di dalam sektor industri automobil.

Di dalam *Asia Incorporated* juga, menunjukkan bahawa Thailand telah mendapat jolokan, dengan izin, *Detroit of the East* di mana syarikat-syarikat besar dunia sama ada dengan izin, GM, Ford, bahkan syarikat-syarikat daripada negara-negara Eropah, Toyota, semuanya memusatkan pengeluaran sektor automobil mereka di tempat yang dinamakan *Detroit of the East* dan mereka meramalkan hasil eksport daripada produk automobil di *Detroit of the East* ini hampir-hampir 10 kali ganda jangkannya dengan automobil yang bakal kita eksport.

Sehubungan itu, kalau kita lihat, kita telah lama berkecimpung dalam sektor automobil walaupun kita tidak nafikan kita menggunakan teknologi Mitsubishi tetapi kita sudah mula terlibat dalam industri automobil pada awal tahun 80-an tetapi sehingga hari ini kita masih belum boleh mengatakan bahawa enjin yakni, dengan izin, *the core of the car* benar-benar dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kita.

Tidak ada lagi syarikat tempatan yang mengeluarkan enjin kereta. Yang hanya kita lihat kemungkinan banyak yang kita keluarkan adalah mungkin barangan atau produk-produk plastik, produk-produk *stamping* dan juga produk-produk seperti

kusyen dan sebagainya. Bahkan kita lihat *mould* itu sendiri masih banyak *lagi moulds*, dengan izin, acuan kepada *mould* itu masih kita import sama ada daripada Jepun ataupun daripada Taiwan.

Saya bimbang kalau ini berterusan, maka sudah tentu automobil kita tidak dapat atau tidak mampu bersaing dengan keluaran-keluaran automobil daripada negara jiran kita yakni Thailand. Sebab itu kita lihat, Thailand, umpamanya, beria-ia benar supaya sektor automobil ini disegerakan dari sudut syarat-syarat AFTA ini tetapi kita memohon maaf kepada Thailand supaya dilanjutkan daripada 2003 kepada 2005. Ini dengan sendirinya menampakkan di kaca mata dunia tentang ketidaksediaan kita untuk bersaing secara adil di pasaran terbuka untuk produk-produk kereta.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian dan Ahli-ahli Dewan sekalian, bahkan kita terperanjat sekiranya kita membuat perbandingan. Kereta Kancil kita berharga dalam negara kita lebih kurang RM30,000 tetapi kereta yang bersaiz sama di Korea Selatan, hanyalah berharga RM11,000. Jadi, cuba kita bayangkan kenapa perbezaan ini begitu tinggi? Jadi, kita sampai bila-bila pun, kita tidak boleh mempertahankan industri automobil ini dengan hanya kita mengenakan pelbagai cukai import untuk barangan-barangan daripada luar negara.

Saya pohon pihak kerajaan, oleh kerana kita sudah agak ketinggalan, hanya ada lebih kurang empat tahun lagi dan penulis-penulis automobil dunia sangsi tentang keupayaan kita untuk akur dengan kehendak AFTA pada 2005, tarikh yang kita janji, saya minta intensifkanlah usaha-usaha ini supaya pada waktu itu, sektor automobil kita benar-benar boleh bersaing dengan sektor-sektor automobil yang sedang bergerak maju di peringkat antarabangsa sekarang ini.

Satu hal lagi kita tidak dapat mengelakkan, deh kerana rakan kongsi kita, Mitsubishi sendiri pun sudah dibeli oleh syarikat daripada Eropah, maka kita tidak ada pilihan yang lain. Mungkin kita juga terpaksa menjual saham-saham Proton kita kepada syarikat-syarikat yang besar sama ada Ford kah, GM kah, Renault kah, Mercedes kah, supaya kita tidak ketinggalan kerana selepas ini, perniagaan tanpa

sempadan memang benar-benar akan berlaku dan kita tidak ada pilihan. Kita mesti mengikuti kehendak perniagaan dunia tanpa sempadan.

Sebab itu saya minta kerajaan membuat kajian bahawa kita mungkin terpaksa membuka saham-saham Proton kepada syarikat-syarikat yang telah *established*, yang telah menguasai pasaran kereta, bukan hanya, dengan izin, di kontinen-kontinen tertentu tetapi di semua kontinen yang ada di dunia ini.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Butiran 060000, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), peruntukan lebih kurang RM48.54 juta. Saya sering kali juga melawat pejabat-pejabat MATRADE kita di beberapa negara dan saya lihat bahawa ada beberapa kelemahan yang pihak kementerian perlu fokuskan. Umpamanya saya lihat pegawai-pegawai kita yang bertugas kurang faham sangat tentang perniagaan, dengan izin dia tidak ada *business orientation mind*. Dia hanya sekadar ditugaskan untuk menjaga. Jadi kalau kita beri kepada mereka yang tidak begitu berminat atau kurang faham mungkin pulangan kepada MATRADE dan kepada negara kita tidak seperti mana yang kita hajatkan. Kalau kita beri kepada mereka yang benar-benar faham.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kalau kita berikan kepada mereka yang benar-benar faham dan mereka yang benar-benar terlatih mungkin negara kita akan mendapat pulangan yang lebih. Sebab itu saya syorkan kepada pihak kementerian supaya pegawai-pegawai yang akan ditugaskan untuk mengurus dan mengendalikan MATRADE ini di peringkat antarabangsa supaya kita hantarkan dia *practical training* dahulu, mungkin di syarikat-syarikat pembuatan di negara kita, mungkin enam bulan atau se tahun supaya mereka dapat rasai dengan izin, *business environment* itu sendiri supaya mereka rasa produk ini seolah-olah seperti mana produk mereka, bukannya produk-produk..., ini bukan produk saya, kalau orang hendak beli, belilah, kalau tidak hendak beli, apa saya punya pasal. Kita tidak mahu *that sort of mentality*, dengan izin yang ada pada pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negeri.

Satu lagi Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup sudah masa.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini saya hendak tanya sikit pasal Butiran 080800 - Pemberian Kepada MATRADE, sebanyak RM15 juta ini boleh disenarakan tidak? RM15 juta untuk apa?

Last sekali, satu lagi hendak tanya, MIDA ini saya cadangkan dalam buku ini, kalau boleh MIDA itu kita tolong tulis syarikat-syarikat yang melabur secara langsung dalam negara kita. Umpamanya, cita-cita dia hendak melabur dalam negara kita daripada tahun sekian ke tahun sekian, sekian banyak. Jadi kita buat *row and column* dia, tahun ini sudah berapa banyak dia melabur supaya dengan itu semua Ahli Dewan dapat tahu dengan jelas tentang FDI - *Foreign Direct Investment* negara kita.

Kalau saya ingat boleh disisip pasal saya tengok agak simple cara keterangan di bawah tajuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya minta di tahun hadapan, kalau boleh pihak kementerian tolong pastikan supaya FDI negara kita boleh dimasukkan dalam ini. Kita hendak tahu sektor apa, kompeni apa, setakat ini banyak mana. Kalau mungkin dia janji RM1,000 juta tetapi sepuluh tahun baru masuk RM50 juta. Jadi kita senang memantau .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi saya ingat cukup setakat itulah.

Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Shah Alam.

### 8.13 mlm.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Perkara B.20, Butiran 080800 – Pemberian Kepada MATRADE.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pada masa kini perdagangan adalah berasaskan kepada dunia globalisasi dan asas pertimbangan utama Belanjawan 2001 yang dikemukakan bagaimana negara harus meletakkan seluruh kekuatan strategi kita dalam kita untuk meraih daripada segi kesan globalisasi ini dalam penguasaan kita untuk menentukan keekonomi ini adalah menjadi satu perkara yang

dapat kita nikmati hasilnya. Justeru kerana itu, saya lihat bahawa peranan dan tanggungjawab Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia tentulah mempunyai tanggungjawab yang besar bagi kita meneroka pasaran baru.

Tadi kita dengar rintihan daripada Yang Berhormat bagi Jeli bagaimana tentang keberkesanan para pegawai yang telah pun diberikan amanah dan tanggungjawab untuk menjadi dengan izin, *key communicator* kita kepada dunia pasaran antarabangsa. Saya ingin mendapat maklum balas daripada pihak kementerian, dalam tempoh tiga tahun pasaran-pasaran baru manakah yang telah pun kita terokai.

Begitu juga dengan laporan pasaran, penting untuk kita ketahui dan adakah MATRADE ini diperengkap dengan segala butir maklumat tentang pasaran-pasaran baru ini dan di manakah negara yang berpotensi supaya kita boleh mengadakan hubungan perdagangan antarabangsa.. Pertama, untuk memudahkan dan menjanakan pembangunan ekonomi negara itu sesuai dengan produk-produk yang dapat kita hasilkan. Tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tugas untuk mempromosikan dan menakluki bidang serta pasaran baru ini bukanlah merupakan satu perkara yang mudah dan senang, ianya memerlukan satu perancangan strategik yang menyeluruh dan dengan izin, *market plan* yang komprehensif bagi kita menakluki pasaran ini dan saya mempunyai tanda tanya bahawa sejumlah peruntukan RM15,67,000 ini adalah satu angka yang saya kira agak kecil kalau dibandingkan dengan setengah-setengah syarikat *multi national corporation* membelanjakan bagi mengadakan satu promosi dan juga dalam kita menakluki pasaran antarabangsa itu.

Sehubungan dengan itu sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dunia globalisasi ini dan tanpa sempadan ini, perdagangan menjadi berbelah bagi mengikut blok. Kita ada NAFTA – North American Free Trade Agreement di antara Amerika dengan Canada dan juga dengan Mexico, kita juga ada European Union dan juga kita ada AFTA dan AFTA juga adalah merupakan satu pasaran yang mempunyai potensi yang besar sebanyak 450 juta consumer, pasaran yang boleh diterokai dan kita juga mempunyai tanggungjawab untuk kita mempertahankan perniagaan domestik kita yang mempunyai nilai yang begitu tinggi daripada segi *purchasing power*.

Justeru kerana itu pihak kementerian perlu memberikan penerangan yang lebih menyeluruh tentang kesan AFTA ini terhadap ekonomi negara. Ini akan memberikan fokus yang lebih kepada para pengusaha tempatan khususnya dalam usaha mereka untuk mempersiapkan diri untuk bersaing di pasaran yang lebih terbuka.

Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Jeli melahirkan rintihan bagaimana jikalau kita punya industri automobil ini tidak dipertingkatkan daripada segi secara total ianya merupakan produk pengeluaran Malaysia yang tulen, tentulah apabila kita berhadapan dengan AFTA dan WTO pada 2005 daripada segi *supply and demand, market forces* dengan izin, kita akan tenggelam dalam pasaran ini dan sebagaimana yang kita sedia maklum bawasannya juga masalah yang berhubung kait dengan *transfer of technology* ini dengan izin, bukan satu perkara yang mudah kerana soal kita untuk membangunkan masyarakat, mendidik masyarakat ini adalah menjadi tanggungjawab utama.

Justeru kerana itu, adalah menjadi satu asas pertimbangan utama untuk semua rakyat Malaysia ini untuk meletakkan keharmonian dan kestabilan politik itu sebagai satu faktor yang utama akan memberikan kita kekuatan untuk kita melengkapkan diri kita mempertingkatkan daya pengeluaran kita dan ini akan membolehkan kita untuk bersaing dengan pasaran antarabangsa. Kita tidak ada masa untuk membuang masa untuk membicarakan perkara-perkara yang remeh-temeh

Saya fikir bahawa soal *transfer of technology* ini bukan satu perkara yang mudah. Tidak ada pun satu bangsa dalam dunia ini yang bersedia untuk memberikan kepakaran dan kepandaian kepada satu bangsa yang lain supaya bangsa itu boleh bersaing dalam pasaran dunia yang terbuka. Kita sendiri yang dituntut untuk mengubah nasib dan kedudukan bangsa kita.

Jadi, pihak kementerian perlu juga untuk mengadakan mekanisme khusus dan istimewa untuk menarik lebih banyak dana asing untuk melabur di negara ini. Oleh kerana pelabur asing melihat Malaysia tidak lebih dari mana-mana negara Asia dan ASEAN yang lain maka perlu ada satu strategi khas untuk menonjolkan keistimewaan negara Malaysia agar ia akan dilihat sebagai istimewa dan tidak lagi sama dengan negara-negara lain. Usaha ini mungkin memerlukan lebih banyak usaha-usaha *public*

*relation* dengan izin, dan memerlukan satu peruntukan yang khusus untuk pandangan ini.

Jadi, saya lihat bahawa kalau peruntukan RM15 juta di bawah B.20 Butiran 080800 ini di bawah MATRADE ini tentulah satu perkara yang dengan izin Tuan Pengerusi, sebagai *a drop in the ocean* untuk kita menembusi bukan pasaran dalam dunia pasaran bebas tetapi pasaran ASEAN ini pun saya ingat ini adalah satu angka yang kecil. Saya berharap supaya satu peningkatan harus ditumpukan supaya peranan dan tanggungjawab MATRADE ini dapat dipertingkatkan dan benar-benar dapat memainkan peranan dan tanggungjawab untuk kita menguasai pasaran baru dalam dunia tanpa batasan dan sempadan ini dalam cabaran dunia globalisasi.

Mengenai perkara dalam B.20 tentang IKS. Pihak kementerian saya kira telah pun menyediakan peruntukan yang besar melalui tabung-tabung tertentu untuk di salurkan oleh institusi-institusi tertentu kepada golongan pengusaha industri kecil sederhana. Walau bagaimanapun, pengusaha sektor IKS sering mendapati bahawa *accessibility*, dengan izin, mereka kepada tabung berkenaan amat sukar sekali. Kerajaan mungkin boleh melakukan sesuatu untuk membantu pengusaha-pengusaha ini menyelesaikan masalah tersebut.

Usaha ini akan meningkatkan lagi usaha dan produktiviti sektor IKS yang banyak menyumbang ke arah pemulihan ekonomi negara. Tadi sahabat saya Yang Berhormat bagi Tampin telah pun menyuarakan bagaimana susah dan prihatin tentang IKS ini untuk berdaya maju dan berdaya saing. Daripada segi produk dan juga bahan yang hendak dikeluarkan terpaksa bergantung kepada principal yang akan menggunakan bahan pengeluaran. Itu daripada segi produk yang hendak dikeluarkan tetapi masalah besar yang lain ialah sumber kewangan supaya perniagaan itu boleh berdaya saing dan berdaya maju.

Saya lihat bahawa institusi kewangan sering menekankan faktor pengalaman di dalam memberikan bantuan kepada pengusaha sektor IKS walaupun faktor pengalaman ini adalah penting ia turut memberikan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** Boleh sambung besok? [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa untuk Yang Berhormat sudah cukup. Sila gulung.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Ketawa]* Saya ingat Yang Berhormat katakan 8.30 boleh sambung besok, banyak lagi perkara yang hendak dibangkitkan. Jadi, kalau sambung tahun depan *[Ketawa]* saya hendak sentuh, saya ingat tidak ada apa lagilah. Itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sipitang.

**8.23 mlm.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ambil masa lebih kurang lima minit. Perkara B.20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di bawah Butiran 020000 Penggalakan Perdagangan, Butiran 020400 Kerjasama Ekonomi ASEAN.

Tuan Pengerusi, mengenai AFTA ini, kita akan melaksanakan AFTA ini beberapa tahun lagi tetapi apa yang berlaku di bawah pada pemerhatian saya beberapa dialog yang saya buat dengan peniaga-peniaga kecil, mereka ini seolah-olah tidur, mereka tidak tahu apa yang akan berlaku apabila AFTA ini datang. Apakah program kementerian untuk memberi kesedaran dan juga persediaan kepada industri kecil ini supaya mereka lebih peka dan bersedia untuk AFTA ini dan apakah tindakan-tindakan yang mereka harus lakukan dalam masa empat tahun apabila AFTA ini dilaksanakan sepenuhnya.

Saya melihat juga bahawa AFTA ini telah pun diaturkan di peringkat negara ASEAN tetapi mesyuarat cuma kalau kita lihat rancangan tahun ini sekali sahaja mesyuarat di peringkat pegawai dan tahun hadapan sekali. Saya ingat ini tidak mencukupi untuk itu.

Yang kedua iaitu mengenai BIMP-EAGA yang melibatkan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Berapa kalikah mesyuarat telah diadakan pada tahun ini dan rancangan akan datang supaya ia benar-benar boleh dilaksanakan, bukan cuma kita bercakap sahaja tetapi tidak ada progress. Dahulu dikatakan ada satu jawatankuasa khas yang bermesyuarat secara regular tetapi sekarang ini nampaknya telah mati dan tidak ada tanda-tanda ia akan ditimbulkan.

Saya mohon pihak kementerian membawa supaya perkara ini betul-betul dilaksanakan iaitu Kota Kinabalu Industrial Park satu tapak yang luas tetapi nampaknya terbantut oleh kerana mungkin ketidakadanya pelabur untuk membuka kilang di situ. Saya meminta peranan kementerian supaya boleh membawa pelabur ke Kota Kinabalu iaitu di KKIP. Ini kerana kawasannya strategik dan buruh-buruh mahir yang telah bekerja di Semenanjung ini, orang-orang Sabah lebih kurang 30,000-40,000 orang. Ini boleh kita bawa balik ke Sabah, membawa kepakaran itu dan boleh dibuat di situ.

Yang penghabisan Tuan Pengerusi, iaitu di bawah 070000 Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Apakah kementerian ada data bilangan IKS yang ada di negara kita ini dan dikelaskan mengikut kumpulan-kumpulan, supaya kita tahu di manakah kedudukan ataupun bagaimana kedudukan IKS ini. Apakah potensi IKS yang lain dan berapa lagi tempat yang boleh kita menceburkan diri.

Saya melihat prestasi tahun sudah, seminar yang diadakan untuk seminar dan workshop dikelolakan cuma enam sahaja tahun 1999 dan tahun ini dikekalkan enam, kemudian kemahiran IKS diadakan tiga tahun sudah dan tahun ini dianggarkan tiga. Tahun hadapan dia kata dua sahaja, mengapa semakin berkurangan, sepatutnya usaha sebegini mungkin kita tambah menjadi sepuluh, memperbanyakkan bukan semakin kurang.

Dari segi Program Pembangunan Khas Wanita cuma empat sahaja. Saya ingat ini lebih dan di manakah program ini diadakan. IKS ini dia kecil, kalau boleh di kutub utara - Kedah, Perlis; kemudian di Kelantan, Terengganu; di bahagian tengah - Johor, Negeri Sembilan dan juga di Malaysia Timur - Sabah dan Sarawak kerana agak sukar dan potensi industri itu tidak sama di antara satu dengan yang lain.

Jadi, saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**8.28 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, halaman 453 Butiran 020000 Penggalakan Perdagangan termasuk Hubungan Pelbagai Hala.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada sidang kemuncak APEC di Brunei. Saya nampak ada pernyataan bersama yang menekankan agenda bagi mengatasi kesan-kesan negatif globalisasi termasuk menggunakan atau akses kepada Internet. Menurut pernyataan tersebut, Tuan Pengerusi, pihak APEC akan mengadakan agenda yang positif untuk membolehkan komuniti ataupun perseorangan di negara-negara anggota APEC untuk akses kepada Internet. Kemudian pada tahun 2010 akses ini akan ditambahkan, misalnya pada tahun 2005 akses kepada anggota-anggota APEC akan ditambahkan tiga kali ganda. Ini memang satu pernyataan yang baik dan positif juga.

Saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji semula perkara ini dan seterusnya kita akan adakan agenda yang lebih positif yang akan diadakan di Shanghai pada tahun hadapan. Tuan Pengerusi, saya sebutkan hal ini kerana kalau mengikut apa yang dicatatkan dalam buku belanjawan bagi kementeriannya adalah termasuk teknologi maklumat dan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagikah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang panjang. *[Ketawa]* Ini mukadimah sahaja, memang panjang.

**Seorang Ahli:** Kita boleh tunggu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa dia?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lagi dua minit boleh habis kah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak boleh habis, kerana memerlukan masa yang lebih panjang lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sambung besokkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sambung besoklah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan dalam Majlis Mesyuarat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.*

Oktober 2000

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah K iow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)

- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)

- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

Jilid II

**Bil. 69**

**Selasa**

21 November 2000

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2001

**Jawatankuasa :**

**Jadual -**

Maksud B.17

(Halaman 25)

Maksud B.18

(Halaman 57)

DR.21.11.2000

206

Maksud B.19  
Maksud B.20

(Halaman 109)  
(Halaman 175)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2001

**Jawatankuasa :**

Maksud P.17  
Maksud P.18  
Maksud P.19  
Maksud P.20

(Halaman 25)  
(Halaman 57)  
(Halaman 109)  
(Halaman 175)